# Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 26 BILANGAN 35 | RABU 2HB SEPTEMBER, 1981. | رابو 3 ذوالقعدة 1401 | PERCHUMA


# BRUNEI MEMERLUKAN RAAYAT YG SETIA DAN AMANAH — Titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah bertitah sa-bagai sa-buah negara yang tidak lama lagi menchapai kemerdekaan penoh lagi berdaulat, Brunei bagi menghadapi era baru-nya memerlukan banyak pegawai2 yang berkelulusan dan berkebolehan yang terdiri dari pada raayat Baginda.

Oleh yang demikian Baginda telah menyeru penuntut2 di-seberang laut termasok yang belajar di-United Kingdom supaya melipat-gandakan usaha mereka untok mendapatkan ilmu pengetahuan yang akan dapat memberi sumbangan penting kapada kemakmoran dan kemajuan negeri ini.

### CHERDEK PANDAI

Walau bagaimana pun, Baginda menegaskan, "Negeri Brunei bukan sahaja memerlukan orang yang cherdek dan terpelajar tetapi jua memerlukan raayat yang setia dan amanah yang boleh menyumbangkan tenaga yang berguna, yang boleh membimbing dan memberikan tauladan yang sempurna kapada raayat lain, bukan sahaja dalam bidang pekerjaan tetapi juga dalam pergaulan sahari2 termasok-lah dalam adat resam serta pendirian ugama," titah Baginda lagi.

Bertitah di-majlis keshukoran sempena puja usia Baginda yang ke-35 tahun anjoran Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom, di-Dewan Persantapan, Lapau, pada malam Khamis lepas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan seterus-nya menegaskan bahawa perkara itu penting, terutama dalam masa penuntut2 menuntut ilmu di-luar negeri supaya kehidupan penuntut2 tidak chekok atau di-ambau2kan.

### INGATAN TEGAS

Terdahulu dari itu, Baginda mengingatkan dengan tegas kapada siswazah2 apabila mereka nanti di-amanahkan menjalankan tugas, maka "laila madah jangan-lah menyelam sambil minum ayer." Kerana, menurut Baginda, perbuatan dan tingkah laku sa-demikian itu hanya akan mengkerohkan nama baik negeri ini.

Lihat muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ketika melafadzkan titah di-majlis tersebut.

## Pemangku Menteri Besar dan Setia Usaha K'jaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Setia Usaha Kerajaan Brunei, telah di-lantek menjadi Pemangku Menteri Besar, mulai 1hb September, 1981.

Sementara itu, Baginda juga berkenan melantek Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib, Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, menjadi Pemangku Setia Usaha Kerajaan, mulai dari tarikh yang sama.

Kandongan pengumoman yang di-keluarkan dari Istana petang hari Khamis lepas sepenoh-nya saperti berikut :

> "Pada menjunjong titah perentah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, ini-lah di-umomkan untok pengetahuan ramai bahawa Baginda sukachita melantek Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, yang sekarang menyandang jawatan Setia Usaha Kerajaan, menjadi Pemangku Menteri Besar Negeri Brunei mulai dari 1 haribulan September, 1981. Baginda juga berkenan melantek Yang Mulia Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awg Haji Mohd Taib, yang sekarang menyandang jawatan Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, menjadi Pemangku Setia Usaha mulai dari tarikh yang sama.
>
> Mulai dari tarikh tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail tidak lagi akan menyandang jawatan Menteri Besar."

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin telah berkhidmat sa-bagai Menteri Besar sa-lama lebeh tujoh tahun yang mana sa-belum Yang Amat Mulia itu memangku jawatan tersebut sejak 15hb Julai 1972.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-lantek sa-bagai Setia Usaha Kerajaan pada 1hb Julai, 1974 sa-telah memangku jawatan tersebut sejak 16hb Februari, 1973.

Dato Setia Awang Abdul Rahman pula ia-lah Ketua Jabatan Perkhidmatan Diplomatik sejak bulan Julai tahun ini sa-kembali-nya dari berkursus di-United Kingdom.

Beliau sa-belum ini pernah memangku jawatan Setia Usaha Kerajaan beberapa kali.

## *Pentadbir berdisiplin lagi amanah:*
## Kakitangan Kerajaan di-seru menjunjong hajat serta hasrat Kebawah D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah menarek perhatian kapada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei baru2 ini.

### HAJAT BAGINDA

Dalam titah Baginda, menurut Yang Amat Berhormat, Kebawah DYMM telah menekankan tentang hajat Baginda kapada 'jentera pentadbiran yang efficient lagi chergas' dan hasrat Baginda mahu 'mengetatkan peratoran dan Undang2 yang mengawal tingkah-laku dan tata-tertib pegawai2 dan kakitangan2 kerajaan demi untok mengujudkan suatu sitem pentadbiran yang berdisiplin lagi amanah.'

Ini suatu petanda, tegas Yang Amat Berhormat bahawa Baginda sa-laku pemerentah tertinggi bagi negeri ini sentiasa mengambil perhatian berat terhadap kepentingan raayat, negara dan kerajaan samata2 bagi menjamin kelancharan usaha2 pembangunan, yang mana usaha2 itu menurut-nya, sentiasa di-niatkan demi kemajuan yang di-redhai oleh Allah.



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Haji Abdul Aziz.

Beruchap sa-laku Setia Usaha Kerajaan sa-masa merasmikan Peraduan Membacha Al-Kor'an dan Sharahan Murid2 Sekolah Ugama perengkat akhir yang di-siarkan sa-chara langsong melalui talivishen dari Dewan Raya RTB pada hari Ahad lepas, Yang Amat Berhormat seterus-nya mengingatkan pegawai2 dan kakitangan2 kerajaan supaya menjunjong tinggi titah Baginda itu sa-bagai suatu penggerak dan pendorong untok mereka menjalankan khidmat dengan jujor dan berdedikasi.

### SIFAT JUJOR

Sifat jujor dan dedikasi itu bukan sahaja mendapat pujian di-sisi manusia tetapi kedua2-nya itu amat terpuji di-sisi Allah dan dengan memileki sifat2 itu, "Pegawai2 dan kakitangan2 kerajaan akan melakukan khidmat bakti mereka melalui jawatan masing2 dengan anggapan yang perkhidmatan mereka itu ada-lah demi menunaikan tuntutan ajaran ugama pada berkhidmat kapada negara dengan lurus dan amanah," tegas Yang Amat Berhormat lagi.

Yang Amat Berhormat seterus-nya berkata berfahaman sa-demikian itu, insha Allah akan mengukohkan lagi niat kita untok menchapai kemajuan yang di-redhai Allah bagi kesejahteraan raayat dan negara.

"Dengan fahaman ini kita semua hendak-nya mempunyai dan terus memupok semangat bernegara dan bekerjasam sa-perti yang di-dorongkan oleh ajaran2 ugama di-mana pada masa ini semangat sa-demikian itu sudah pun ada, tinggal lagi ia perlu di-ketarakan sa-chara meluas dalam bidang2 kehidupan kita," terang-nya.

Lihat muka 20

### Manis-nya Iman

**"BARANGSIAPA di-beri sa-suatu tanpa memintanya maka hendak-lah di-terima-nya kerana pemberian sa-demikian itu suatu rezeki yang di-korniakan Allah kapadanya." — HADITH Nabi riwayat daripada Ibnu Umar (Durratun Nasehin).**

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

2HB SEPTEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# DALAM MEMAHAM DAN MENDOKONG HASRAT D.Y.M.M.

KETIKA merasmikan Pertandingan Membacha Al-Kor'an dan Sharahan Murid2 Sekolah Ugama, 1981 pada hari Ahad lepas. Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, dalam menjunjong tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-Lapau pada 15hb Ogos lepas menyeru dan memahamkan kapada orang ramai tentang betapa hajat serta hasrat Baginda Yang Dipertuan selaku pemerentah yang tertinggi bagi negeri ini adalah senantiasa mengambil perhatian terhadap kepentingan raayat, negara dan Kerajaan Baginda. Kepentingan2 itu ada-lah pada menjamin kelancharan usaha2 pembangunan yang mana usaha2 itu senantiasa di-niatkan demi kemajuan yang di-redhai Allah s.w.t.

Mengkhususkan kapada pegawai2 Kerajaan, Yang Berhormat itu menyeru mereka supaya sa-penoh hati menjunjong titah Baginda itu dengan kesedaran bahawa hajat serta hasrat Baginda "untok mengujudkan pentadbiran yang efficient" itu ada-lah juga menepati dasar2 yang sudah di-ishtiharkan yang antara-nya mengkehendaki pegawai2 dan kakitangan Kerajaan menjalankan khidmat mereka dengan jujor serta berdedikasi yang mana kedua2-nya itu merupakan sifat2 terpuji di-sisi Allah. Yang Berhormat itu menyeru sa-tiap pegawai dan kakitangan Kerajaan agar menyerapkan kehendak titah itu ka-dalam amalan harian mereka sa-bagai sa-bahagian amalan keugamaan dalam erti kata-nya yang luas. Dengan ini, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu yakin akan ujud suasana pentadbiran yang harmoni bagi kesejahteraan raayat dan negara.

Sa-sunggoh-nya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, pada umom-nya ada-lah sangat2 menarek perhatian seluroh raayat dan tidak shak lagi titah itu bukan semata2 di-ambil perhatian berat oleh seluroh pegawai2 dan kakitangan Kerajaan yang di-amanahkan dengan tanggong-jawab2 yang tertentu menurut jawatan dan tugas masing2, malah raayat jelata menaroh minat yang besar terhadap sa-tiap titah Baginda itu.

Apa lagi pada sa-tiap orang yang di-sandarkan amanah dan di-perlukan jujor, ikhlas dan dedikasi melaksanakan-nya, hatta di-kalangan yang maseh menuntut dan bakal berkechimpong sama di-dalam menerajukan pentadbiran negara ada-lah tidak terkechuali dari menarek perhatian terhadap hajat dan hasrat Baginda yang murni itu. Kemurnian hasrat dan hajat Baginda itu sa-sunggoh-nya memerlukan pemerhatian yang menulang dari sa-tiap tenaga yang ada. Ia juga memerlukan tekad dan niat yang tulin yang tidak mudah di-goyang oleh sebarang badai. Menyelam sambil minum ayer ada-lah satu kepura2-an dan menjadikan bahaya2 yang sukar di-tepis dan menjadi duri dalam daging.

Kerana itu, kekukohan sikap pada mendokong kemurnian harus kental dalam sa-tiap individu teruta-ma-nya yang di-sandarkan amanah.

Semoga apa jua yang menjadi hajat dan hasrat Baginda itu akan dapat di-berikan perhatian yang berat oleh semua pehak.

# Sentiasa memberikan kerjasama kapada kerajaan D.Y.M.M.

# IKRAR PGGMB

**UCHAPAN penoh Yang Dipertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei (PGGMB), Awang Haji Suni bin Haji Idris, di-Majlis Jamuan Keshukoran sempena Puja Usia Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei pada 22hb Ogos yang lalu.**

ALHAMDULILLAH, shukor ka-hadhrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izin-nya jua maka hamba2 Duli Tuan Patek ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dapat mengadakan Majlis Keshukoran Sempena Ulang Tahun Puja Usia Kebawah Duli Tuan Patek yang ke-35 tahun yang jatoh pada 15hb Julai yang lalu dan tahun ke-15 Kebawah Duli Tuan Patek bersemayam di-atas tahta Singgahsana Kerajaan Negeri Brunei Darussalam yang bertuah ini.

Ampun beribu ampun,

Tidak terhingga rasa-nya kegembiraan serta keshukoran hamba2 Duli Tuan Patek sekalian kerana pada malam yang berkat ini dapat-lah hamba2 Duli Tuan Patek menjunjong kaseh ka-atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patek berchemar duli di-majlis ini. Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patek ada-lah di-junjong tinggi di-atas batu jemala hamba2 Duli Tuan Patek dan menjadi kenangan manis dan ristaan kapada hamba2 Duli Tuan Patek sekalian untok sa-lama2-nya. Hamba2 Duli Tuan Patek sekalian jua dengan penoh hormat dan ta'azim menyembahkan setinggi2 terima kaseh kapada Paduka Ayahanda Duli Tuan Patek ia-itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Paduka2 Adinda Duli Tuan Patek kerana sudi berangkat sama ka-Majlis ini.

Ampu beribu ampun,

Sempena hari yang bahagia dan sukut sambutan Hari Puja Usia ke-35 tahun Kebawah Duli Tuan Patek, hamba Duli Tuan Patek, selaku Yang Dipertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan sa-bagai mewakili seluroh ahli PGGMB menjunjong kaseh berdatang sembah dengan menapak jari sa-puloh memunajatkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi kapada Kebawah Duli Tuan Patek. Sa-bagai payong tempat berlindong, tunjang pemerentah tempat berpaut, hamba2 Duli Tuan Patek berdo'a ka-hadhrat Allah s.w.t. semoga di-lanjutkan Usia Kebawah Duli Tuan Patek, kekal karal memerentah Negeri Brunei Darussalam yang di-kasehi ini. Amin Yarabul'alamin. Ampun beribu ampun, sembah hamba Duli Tuan Patek junjong di-ampun.

Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, alhamdulillah, telah kini menchapai umor-nya 44 tahun dan dalam masa yang begitu lama menjadikan-nya sa-buah persatuan yang telah dewasa dan yang tertua di-negeri ini. Berdasarkan prinsip bersatu padu dan satu profession maka keahlian PGGMB ada-lah terdiri dari keselurohan lapisan masharakat yang bertanggong-jawab sa-chara langsong mengenai pengurusan pendidekan dan persekolahan: dari Ketua2 Jabatan kapada guru2 biasa melengkongi jabatan2 pelajaran, kenadziran dan pepereksaan dan menyeluroh dari ahli2 yang lagi bertugas dengan kerajaan kapada ahli2 yang bersara. Sa-bagai sifat-nya sa-buah persatuan kebajikan dan professional dan berdiri atas prinsip bersatu padu, PGGMB telah dapat bertahan atas dasar dan asas yang ia-nya di-tubohkan. Berdasarkan lima prinsip yang termaktub dalam undang2 Tuboh-nya, usaha2 kebajikan untok ahli2 dan juga masharakat terus di-usaha dan di-jalankan; tetapi dalam apa jua bentok usaha ini tetap menuju kapada satu matalamat utama-nya ia-itu mendidek anak2 bangsa dengan sa-penoh daya dan tanggong-jawab yang di-lambangkan oleh sa-buah obor yang berchogan kata "ILMU PELITA HIDUP".

Ampun beribu ampun,

Bagaimana pun dalam mengungkayahkan usaha2 pendidekan kapada anak2 bangsa, hamba2 Duli Tuan Patek tetap memahami dan merasa bahawa tugas2 dan usaha2 ka-arah yang di-chita2kan itu belum-lah lagi terchapai saperti yang di-maksudkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek. Tetapi dengan berkat usaha Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek keadaan yang belum menyenangkan ini telah jua beransor2 menjadi lebeh baik dan Insha Allah dengan berkat galakan dan penghargaan dari Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek usaha2 guru2 akan lebeh bermaana dan berkesan lagi.

Ampun beribu ampun, sembah hamba Duli Tuan Patek junjong di-ampun.

Dalam menuju ka-ambang kemerdekaan, ada-lah di-fahami bahawa usaha2 yang gigih telah dan sedang di-usahakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek untok menyesuai dan bersedia bagi memikul beban yang akan di-pertanggong-jawabkan oleh Kemerdekaan itu nanti. Hamba2 Duli Tuan Patek, sa-bagaimana jua raayat yang lain tetap bersedia untok memberi apa jua pun kerjasama kapada Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek dalam menuju hari yang di-nanti2kan dan penoh bermaana itu.

Tetapi hamba2 Duli Tuan Patek juga sedar bahawa kemerdekaan membawa maana tanggong-jawab yang bukan ringan dan bukan-lah ia titek penghabisan bagi bersenang lenang malah titek permulaan bagi raayat di-negeri ini menggembeling seluroh tenaga dan usaha untok memberi maana kapada kemerdekaan yang di-tunggu2 itu.

Ampun beribu ampun,

Telah menjadi ristaan dan chita2 Kerajaan dan raayat Kebawah Duli Tuan Patek untok Negeri Brunei Darussalam ini beridentitikan ke-Bruneian dan Islam sa-bagai satu chorak hidup yang lengkap. Hamba2 Duli Tuan Patek tetap berdiri tegoh di-belakang chita2 yang murni ini dan moga2 Tuhan Rabul'alamin memberikan Taufik dan hidayat-Nya kapada Kebawah Duli Tuan Patek dan Kerajaan Kebawah Duli menyempurnakan chita2 yang suchi itu.

Ampun beribu ampun,

Berkaitan dengan chita2 yang luhor ini maka hamba2 Duli Tuan Patek merasa bershukor kerana Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patek telah pun meluluskan satu Dasar Pelajaran Baru yang di-kuatkuasakan dalam tahun 1972 yang mana antara lain-nya ia-lah mengenai Pengajian Tinggi di-Brunei. Hamba2 Duli Tuan Patek, sa-bagai pendidek di-negeri ini mengalu2kan chita2 yang termaktub dalam Dasar Pelajaran Baru itu dan mengenai Pengajian Tinggi patut-lah di-kaji dengan mendalam dengan satu fahaman bahawa identiti Ke-Bruneian dan Islam sa-bagai chorak hidup yang lengkap itu hanya akan dapat di-tanam dan tumboh dalam institusi2 pendidekan terutama sa-kali di-institusi2 Pengajian Tinggi yang di-lahirkan di-bumi Brunei ini.

Ampun beribu ampun, sembah hamba Duli Tuan Patek junjong di-ampun.

Tiada-lah rasa-nya chukup bagi hamba Duli Tuan Patek mengundor diri dari menyampaikan Sembah Keshukoran hamba Duli Tuan Patek ini melainkan menegaskan sa-kali lagi ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi dari seluroh ahli2 Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kapada Kebawah Duli Tuan Patek, dan berdo'a ka-hadhrat Allah s.w.t. semoga di-lanjutkan usia Kebawah Duli Tuan Patek, kekal karal memerentah Negeri Brunei Darussalam ini. Hamba Duli Tuan Patek juga berdo'a agar di-lanjutkan usia serta sehat sejahtera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Ayahanda Kebawah Duli Tuan Patek, Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Paduka2 Adinda, Yang Teramat Mulia Anakanda2 dan kaum kerabat Kebawah Duli Tuan Patek sekalian.

Ampun beribu ampun,

Dengan ini hamba Duli Tuan Patek menjunjong ampun beribu ampun sekira-nya ada kesilapan dan tersasul kata dan chachat chela-nya sembah uchapan hamba Duli Tuan Patek di-Majlis ini. Dan dengan ini juga hamba Duli Tuan Patek menjunjong anugerah perkenan untok menguchapkan terima kaseh ahli2 Persekutuan Guru2 kapada para jemputan kerana sudi hadhir dalam Majlis ini. Uchapan terima kaseh juga di-tujukan kapada semua pehak2 yang berkenaan yang telah memberi berbagai bantuan dan sumbangan untok menjayakan Majlis ini terutama-nya kapada Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Pelajaran, Radio dan Talivishen Brunei, Pejabat Penerangan, Lembaga Bandaran, Pasokan Pulis Diraja Brunei, Persatuan Kampong Burong Pingai ia-itu Perangkap, Sekolah Menengah SMJA dan sa-terus-nya Jawatankuasa Penyelenggara Majlis Keshukoran malam ini.

Ampun beribu ampun,

Dengan merapatkan sembah menyusun jari sepuloh, hamba Duli Tuan Patek memohon perkenan untok berundor diri memberhentikan sembah uchapan keshukoran di-hadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patek.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu alikum warahmatullahi wabarakatuh.

Daulat Duli Tuan Patek.




# SA-TENGAH HARI DI-AMPA—6

AMPA — 6, sa-buah pelantar terbesar terletak kira2 12 batu di-laut antara Kuala Belait dan Seria, dalam perjalanan helikopter mengambil masa 15 minit dan 45 minit pelayaran dengan bot laju. Ia-nya ada-lah merupakan satu perkembangan yang besar di-bidang penggunaan alat2 moden untok kemudahan2 penghasilan luar pantai yang sedang di-usahakan oleh pehak Sharikat Minyak Shell di-Brunei.

Sa-lain dari mengeluarkan minyak dan gas dari telaga2-nya sendiri, kompleks ini juga mempunyai kemudahan2 untok kerja pembersehan gas dan menerima gas dari steshen2 pengeluaran yang berhampiran untok di-proses, seterus-nya di-hantar ka-BLNG (Gas Chechair Asli Brunei di-Lumut).

## MINYAK DAN GAS

Perkembangan padang2 minyak dan gas telah berjalan dengan pesat-nya sejak tahun 1964, dan hasil minyak telah beransor2 bertambah sejak masa tersebut. Dalam tahun 1968, jumlah minyak BSP dari telaga2 di-darat dan di-laut telah melebehi kadar hasil pengeluaran yang paling tinggi yang pernah di-chapai dalam tahun 1956, dan dalam tahun 1979 minyak dan chechair gas asli yang telah di-hasilkan ia-lah purata sa-banyak 250,000 tong sa-hari

Kakitangan2 di-AMPA—6 ini, sentiasa sebok dengan kerja2 yang mesti di-jalankan di-setiap masa mereka bertugas, ia-itu bergilir2 sa-lama sa-minggu. Kerja2 yang di-buat mereka termasok-lah kerja2 penyelenggaraan seharian dan kerja2 membaiki kerosakan yang berlaku.

## BERISTIREHAT

Kehidupan seharian pekerja2 di-pelantar ini sunggoh seronok, sekali pun jika di-pandang seimbas lalu kerja2 di-sini amat berbahaya. Selain dari di-gunakan untok tempat tidor dan makan, di-pelantar ini juga di-lengkapkan dengan serba kemudahan2 untok keperluan beristirehat dan riadah. Dalam masa lapang mereka, pekerja2 akan menghabiskan masa dengan bermain tenismeja, melihat ranchangan2 talivishen dan sabagai-nya.

## SUAI-KENAL

Dalam rangka lawatan sambil belajar dalam erti kata 'Ranchangan suai-kenal' anjoran Bahagian Penerangan dan Perhubongan Sharikat Minyak Shell, tiga orang pegawai dari Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan telah di-jemput untok mengikuti ranchangan tersebut baru2 ini sa-lama tiga hari. Sa-bahagian dari ranchangan yang paling menarek sa-lain dari mendengar cheramah2, ia-lah lawatan sa-tengah hari ka-AMPA — 6. Rombongan tersebut di-ketuai oleh Pegawai Penerangan, Awang Haji Ahmad Arshad. — Oleh C. M. Yusuf dan gambar2 oleh Awg David, Bahagian Penerangan BSP.





PEMANDANGAN sa-bahagian dari pelantar AMPA — 6 (atas kiri) sementara atas kelihatan sa-buah kapal sedang menuju ka-AMPA—6 untok menjalankan urusan2 biasa. Perhubongan antara pelantar ka-pelantar lain di-buat sa-tiap sa'at yang di-perlukan samada melalui kapal, helikopter dan talipon.





PELAWAT di-beri penerangan dari satu tempat ka-satu tempat di-pelantar AMPA—6 sa-belum di-bawa ka-bilek makan untok menekmati hidangan tengahari (kiri atas) dan gambar atas kelihatan jentera pengolah ayer untok di-minum, menyuchi pakaian, mandi dan sa-bagai-nya dari ayer laut (ayer masin).



DI-BILEK ibadat, sa-orang pekerja berugama Islam sedang menunaikan sembahyang fardhu dzuhor.





DUA orang pekerja sedang menjalankan tugas harian (kiri atas) dan gambar atas dan bawah di-masa rehat, kelapangan ini di-gunakan untok achara sokan dalam saperti bermain dart, chator dan lain2.



DI-WAKTU rehat tengahari pada jam 12.00, pekerja2 di-pela ntar ini kelihatan sedang menekmati hidangan tengahari untok beberapa ketika sa-belum meneruskan kerja, menurut giliran masing2.



# GERAKAN MENGHAPUSKAN ISLAM ( II )

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

**SIRI KE-94**

### Kegiatan Puak Qadiani

QADIANIAH atau Ahmadiah itu ada-lah suatu puak atau golongan yang bertujuan untok menjahanamkan Islam, mereka menjadikan Islam tempat mereka berlindong bagi menjalankan tujuan jahat mereka. Sa-chara garis kasar ajaran2 mereka yang menyalahi akan ajaran Islam itu ia-lah :

1. Ketua Qadianiah itu Mirza Khulam Ahmad yang mati di-Qadyan (sekarang termasok dalam Pakistan) mengaku menjadi Nabi (da'waan ini sudah jelas kufor-nya dalam Islam).

2. Mereka memesongkan tujuan ayat2 Al-Kor'an (ini juga kufor dan membawa ilhad terhadap ayat2 Allah atau Kor'an).

3. Mereka membatalkan jihad (ini satu lagi kufor mereka kerana jihad dan perang Fi Sabilillah telah thabit di-dalam Al-Kor'an dan Hadith dan dengan Ijma2 umat Islam sa-bagaimana di-tegaskan oleh Ibnu Hazam dalam kitab-nya Maratibul-Ijma').

Menurut kajian ulama Islam, puak Qadianiah itu ada-lah anak emas penjajahan. Qadianiah tidak timbul dan tidak hidup melainkan dengan perlindongan penjajah. Qadianiah ini mengkhhianati segala perkara umat Islam, mereka berdiri menolong penjajahan, Sehyuniah (Zionism) dan Keristian serta berganding bahu bersama dengan puak2 yang melawan Islam. Mereka menggunakan puak2 itu bagi menghanchorkan keperchayaan Islam dan memesongkan pengertian Islam dengan jalan2 saperti di-bawah : —

1. Mereka mendirikan rumah berhala yang di-biyai oleh pehak2 musoh Islam dan di-situ-lah mereka menyesatkan orang dengan fikiran2 dan ajaran2 Qadiani atau Ahmadiah.

2. Mereka mendirikan sekolah, tempat2 mengadakan kelas2, tempat2 pelajaran dan rumah2 anak yatim. Dalam rumah2 saperti itu mereka menjalankan ajaran Qadianiah atau Ahmadiah di-samping menchari helah atau chara untok meruntohkan Islam.

3. Orang2 Qadianiah itu juga senghaja membuat terjemahan yang salah akan ma'ana Al-Kor'an, kemudian di-siarkan dalam berbagai2 bahasa dunia.

### Keputusan Kongres

Bagi melawan fikiran2 Qadianiah yang kufor itu, maka Kongres Islam anjoran Rabitah Alam Islam yang bersidang di-Mekah kemudian sekali lagi bersidang di-Karachi, Pakistan dalam bulan Julai 1978 yang lalu telah membuat keputusan : —

1. Hendak-lah tiap2 kumpolan umat Islam menghalang pergerakan2 Qadiani atau Ahmadi supaya mereka di-kurong dalam rumah2 berhala mereka, di-asrama2 mereka dan di-setiap tempat yang mana mereka boleh bergerak, di-samping itu di-ishtiharkan dan di-beritahu kapada umat Islam bahawa mereka ada-lah orang Qadiani atau Ahmadi, supaya umat Islam terselamat dari jerat dan jarum fitnah mereka.

2. Memashorkan bahawa puak Qadianiah atau Ahmadiah itu suatu puak kafir yang terkeluar dari ugama Islam (ini telah di-buat oleh ulama Islam di-seluroh dunia termasok kerajaan Pakistan sendiri yang telah mengistiharkan sa-chara undang2 bahawa Orang2 Qadianiah dan Ahmadiah itu bukan Islam).

3. Jangan melayan dan bermuamalah dengan orang2 Qadiani atau orang2 Ahmadi, sama ada di-bidang ekonomi, sosial atau pengetahuan, dan jangan berkahwin dengan mereka dan jangan di-tanam mayat2 mereka dalam perkuboran orang2 Islam kerana mereka orang kafir.

4. Di-minta Kerajaan Islam menegah segala gerakan pengikut2 Mirza Ghulam Ahmad yang mengaku menjadi Nabi itu, dan hendak-lah di-i'tibarkan bahawa mereka "puak kechil" yang bukan Islam dan di-tegah mereka dari memegang sebarang jawatan dalam kerajaan.

5. Menyiarkan gambar2 segala tulisan mengenai ayat2 Al-Kor'an yang di-pesongkan oleh Qadiani atau Ahmadi, serta mengumpulkan terjemahan Qadiani terhadap ma'ana Al-Kor'an dan mengingatkan umat Islam serta menegah dari tersebar-nya terjemahan Qadianiah itu kapada umat Islam.

6. Hendak-lah di-anggap segala puak yang menyeleweng dari Islam sabagai Qadianiah atau Ahmadiah dan hendak-lah melayan dan bermuamalah dengan mereka sa-bagaimana yang kita lakukan terhadap Qadiani dan Ahmadi.

Ini-lah keputusan2 yang di-persetujui dalam kongres tersebut.

### Puak Bahai

Mengenai dengan puak Bahai ini yang juga perjalanan dan ajaran2-nya bertentangan dengan ajaran Islam yang sa-benar, boleh-lah kita berikan keterangan-nya saperti berikut:

1. Bahai atau Baha'iah itu ada-lah suatu puak yang mempunyai Nabi baharu. Nabi baharu itu telah memansokhkan segala kitab2 Allah dengan kitab-nya yang konon-nya suchi itu (ini juga fikiran kufor yang mengaku menjadi Nabi dan tiada mengaku ada-nya kitab2 Allah termasok-lah Kor'an, lalu menggantikan-nya dengan kitab-nya sendiri).

2. Puak Bahai itu menyeru manusia supaya memakai satu bahasa dan mendirikan satu kerajaan di-dunia, dan juga menyeru persamaan taraf di-antara laki2 dan perempuan dalam segala perkara (ini kufor yang terang dalam Islam).

3. Pusat besar Puak Bahai ini terletak di-bandar 'Akka (tanah Palestin) dalam ta'alok Israel.

4. Puak Bahai itu bergerak chergas mengajak orang kapada fikiran-nya. Rumah berhala mereka yang paling besar terletak di-bandar raya Chicago (Amerika Sharikat) dan di-situ-lah mereka mengadakan berbagai upachara2, majlis2 dan kongres2.

5. Sa-tengah orang2 Amerika dan orang2 Eropah tertarek dengan fahaman Bahai lalu mengikut fikiran puak Bahai dan dengan melalui mereka itu tersiar-lah fikiran Bahai di-setengah2 negeri Islam.

6. Puak Bahai berusaha untok merebut kekuatan ekonomi dalam sa-tengah2 negeri Islam dan bekerja keras ka-arah menchapai tujuan itu.

7. Puak Bahai mendapat bantuan yang sangat besar dari Amerika kerana pangkalan kedua Bahai yang terbesar ia-lah di-Chicago.

8. Puak Bahai telah berusaha masok ka-dalam pulau2 lautan Pasifik, India, dan pulau2 laut tengah Amerika, dan menjalankan fahaman-nya dalam negeri2 kechil yang mempunyai pendudok minoriti dan juga di-lain2 negeri (khabar-nya juga Bahai ada bergerak di-Singapura dan di Pulau Borneo). Sa-benarnya Puak Bahai ini berasal dari negeri Iran, bergerak di-Iran sendiri dan lain2 negeri saperti yang di-sebutkan di-atas.

### Kewajipan Umat Islam

Ada-lah menjadi kewajipan umat Islam untok mengenal bahawa puak Bahai (Baha'iah) itu ada-lah puak kafir kerana mereka tiada perchayakan kitab Allah (Al-Kor'an) dan tiada perchayakan hadith2 Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wassallam). Dengan demikian dapat di-katakan bahawa puak Bahai itu tiada berugama sama sekali.

Juga wajib umat Islam mengingatkan orang2 fakir dari pemuda2 Islam di-setengah2 tempat akan kekuforan dan merbahayanya Bahai (Baha'iah) itu kapada ugama Islam, agar mereka tidak mudah di-perdayakan dan di-pujok dengan kebendaan.

Satu chara lagi bagi menyekat kegiatan-nya ia-lah menegah orang2 Bahai dari bekerja dalam negeri2 Islam dan menutop pusat2 mereka yang ada dalam negeri Islam itu. Di-samping itu menegah siaran2 mereka dan kitab2 mereka dari masok ka-dalam negeri Islam.

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)

# BERIHSAN DALAM BEKERJA SA-MATA2 TAKUT KAPADA ALLAH

SUATU ingatan yang indah dan bermaana telah di-titahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan baharu2 ini tentang suatu sistem pentadbiran yang berdisiplin lagi amanah. Isi titah itu antara lain berbunyi:

"Beta dengan berterus terang mengingatkan, bahawa apa yang beta kehendaki ia-lah yang di-amanahkan dengan tugas serta kuasa2 yang tertentu hendak-lah menunjokkan chontoh tauladan serta pembawaan yang tertib lagi sempurna . . . . . ! juga apa yang beta benar2 hajati ia-lah jentera pentadbiran yang efficient lagi chergas serta pegawai2 yang jujor dan amanah yang sentiasa mengambil berat di-atas tugas dan kewajipan mereka sa-mata2 menumpukan usaha untok kewajipan negara serta segala isi di-dalam-nya."

Demikian, di-petik dari akhbar Pelita Brunei, keluaran hari Rabu, 19hb Ogos, 1981.

## AMALKAN

Apa yang penting di-sini, ia-lah peringatan tentang sifat jujor dan amanah itu, sa-jauh mana ia mesti di-pakai dan di-amalkan oleh pegawai2 kerajaan, supaya dengan itu rapus-lah kebajikan dalam negeri ini, sa-bagai-mana yang di-hasratkan.

Ada-pun satu2-nya chara menghidupkan sifat jujor dan amanah itu, ia-lah dengan "Ihsan", bekerja sa-mata2 kerana taat, kerana memenohi akan kewajipan dan paling penting hendak-lah juga orang itu sentiasa menaroh perasaan takut, takut kapada Allah s.w.t. Ini-lah perasaan yang perlu di-asoh dan di-tanam dalam diri para pentadbir dan pegawai, supaya sifat jujor dan amanah itu bertambah2 subor lagi, yang akan menghasilkan buah yang manis dan lazat.

Bagi mengekalkan sifat jujor dan amanah ini, kita perlu berpegang kapada prinsip "Dingin kepala dan lapang dada", supaya dengan itu senang bagi kita menchari dan menerima kebenaran. Dan satu2-nya chara menchari dan menerima kebenaran itu, ia-lah melalui perundingan, muzakarah dan nasihat oleh kerana itu-lah, sa-orang pentadbir yang bijak dan jujor, ia tidak akan takut kapada tegoran dan nasihat, bahkan sebaliknya menchari-nya.

## MENANGIS

Suatu chontoh di-zaman khalifah Saidina Omar bin Al-Khatab, sa-orang yang bernama Khuzaifah bin Al-Iman mencheritakan, bahawa suatu hari beliau masok kapada Saidina Omar. Beliau mendapati Saidina Omar sedang menangis. Lalu beliau pun bertanya: "Wahai Amirul Mukminin! Mengapa tuan menangis? Apa-kah yang tuan susahkan?" Menjawab Saidina Omar: "Saya takut terjatoh ka-dalam Munkar." "Sekira-nya kami mendapati tuan keluar dari kebenaran, maka kami-lah yang akan menghalangi tuan." Mendengar itu, maka berseri-lah wajah Saidina Omar, lalu beliau berkata: "Alhamdullillah, shukor kapada Allah yang telah menjadikan buat saya sahabat2 yang akan meluruskan saya jika saya bengkok (salah)."

## MEMAPARKAN

Kesah ini mengharukan kita, kerana sifat-nya yang amanah luar biasa telah memaparkan sikap sa-orang pentadbir dan penguasa dalam memelihara amanah Allah s.w.t. Ia telah menunaikan amanah kewajipan-nya dengan tepat dan berkesan bukan atas dorongan menchari nama, tetapi sa-mata2 kerana tugas yang di-pikul-nya, tidak lebeh dari itu. Ia faham dan mengerti bahawa tindakan-nya ini bukan-lah perbuatan yang sia2, bahkan suatu chara yang adil yang di-gemari Allah. Ia akan di-bayar dengan harga yang mahal di-akhirat kelak.

Demikian Allah s.w.t. telah mentakdirkan Saidina Omar bin Al-Khatab untok menjadi tauladan selaku juara kejujoran, keadilan dan amanah. Ia berbuat demikian di-sebabkan:

Pertama kerana takut-nya kapada Allah, dan kedua chinta-nya kapada rasul. Dalam apa jua urusan-nya, ia tidak pernah lupa walau sedikit pun, bahawa ia bertanggong-jawab kapada Allah. Kekuasaan yang di-pegang-nya ada-lah amanah Allah. Negara yang di-kendalikan-nya ada-lah amanah Allah, raayat yang di-pimpin-nya juga amanah Allah, demikian juga harta dan kekayaan negara ada-lah amanah Allah.

## SERAHKAN

Kerana itu-lah, pernah suatu kejadian, isteri beliau telah berkirim sa-botol minyak wangi kapada permaisuri Maharaja Byzantien melalui utusan negara yang di-utus oleh Saidina Omar. Apabila pulang utusan ini, ia membawa sa-utas kalong mutiara daripada permaisuri Maharaja Byzantien untok isteri-nya. Tetapi Saidina Omar apabila mengetahui hal ini, lalu memerintahkan supaya kalong tersebut di-se ah sahaja kapada perbendaharaan umom negara, sebab menurut-nya, utusan telah di-kirim ke-negeri lain ada-lah atas perbelanjaan negara. Demikian juga amanah Saidina Omar telah sampai kemunchak-nya, apabila dalam urusan2 rasmi negara, beliau telah menggunakan pelita minyak tanah dari Baitul Mal hanya-lah sa-kadar untok membacha surat2 rasmi sahaja, dan sa-telah selesai, di-padamkan-nya sa-mula pelita itu, di-sebabkan beliau tidak mahu minyak itu wang negara terpakai untok menerangi rumah beliau sendiri.

## MENYAMBUT

Begitu-lah wahai kaum muslimin, berdasarkan kesah dan keterangan ini, kesah tentang amalan2 jujor dan amanah, maka sekalian kita umat Islam di-negeri ini, patut-lah menyambut baik dengan segala perasaan bangga dan sukachita akan titah yang baru2 ini di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada menggesa supaya sa-tiap jentera dalam kerajaan, terutama yang terdiri daripada pegawai2 akan terus meninggikan lagi amalan2 jujor dan amanah mereka. Ini-lah satu2-nya alat dan model yang baik untok kita membangun negara Brunei yang bahagia. Tanpa alat dan model yang bernama kejujoran dan amanah ini, maka apa-pun jua nama-nya pembangunan itu, tidak akan berhasil baik.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2hb September, 1981 hingga ka-hari Selasa 8hb September, 1981 ada-lah saperti di-bawh ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 3hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 4hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 5hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 6hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.56 | 6.12 |
| 7hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.56 | 6.12 |
| 8hb Sept | 12.23 | 3.39 | 6.28 | 7.40 | 4.40 | 4.56 | 6.12 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Kaya dan miskin ada hikmat-nya

O Bingkisan minggu ini

ALLAH s.w.t. menjadikan sa-seorang itu kaya atau miskin tentu-lah ada hikmat-nya. Ada kala-nya hikmat itu dapat di-kesan dengan pandangan mata, dan ada kala-nya tidak, hanya Allah s.w.t. saja-lah yang Maha mengetahui akan hakikat ini.

Dalam menjadikan sa-seorang itu kaya atau miskin, Allah menguji pula akan iman dan takwa sa-tiap orang dari kedua2-nya itu. Allah menguji si-kaya dalam kekayaan-nya, apa-kah ia bershukor dengan membelanjakan harta kekayaan itu pada tempat2 yang di-redhai Allah atau pun sa-balek-nya ia menghabiskan pada jalan2 yang menyesatkan sa-hingga Allah murka terhadap-nya.

## MEMUJI

Ataupun ia lupa pada Allah kerana kekayaan-nya itu. Begitu juga dengan si-miskin, Allah s.w.t. akan menguji; ada-kah ia sanggup bersabar atas kemiskinan-nya itu dan sa-terus-nya redha terhadap takdir Allah yang menjadikan-nya kurang bernasib baik itu?.

Berikut di-perturunkan suatu cherita: Di-zaman Rasulullah s.a.w., ada sa-orang Ansar yang bernama Tsaklabah bin Hatib, yang pada mula-nya hidup dalam keadaan serba miskin dan serba kekurangan.

Pada suatu hari Tsaklabah datang mengadap Rasulullah seraya berkata: *"Wahai Rasulullah! Pohonkan-lah kapada Allah akar aku di-berknya iankekayaan!"* Maka Baginda menjawab: *"Wahai Tsaklabah mengapa engkau ini! Sedikit harta yang engkau menshukori lebeh baik dari banyak yang engkau mengkufuri."*

Tsaklabah diam. Tetapi rupa2-nya ia kurang puashati dengan jawapan Baginda itu, maka ia pun datang sa-kali lagi berjumpa Baginda dengan mengulangi permintaan-nya itu. Kali ini juga gagal, malah Rasulullah s.a.w. menasehati-nya dengan bersabda: *"Wahai Tsaklabah! Bukan-kah lebeh baik engkau jadikan aku ini sabagai chontoh. Pada hal sa-kira-nya aku mahu bukit2 di-sekitar ku ini menjadi emas dan perak neschaya Allah akan mengkabulkan-nya. Tetapi lebeh baik hidup sederhana saja sa-umpama aku ini."*

## MEMOHONKAN

Tsaklabah maseh belum puas hati lagi, kerana ia yakin bahawa kira-nya Baginda memohonkan kekayaan bagi-nya, tanpa shak lagi doa itu akan di-kabulkan Allah. Maka datang-lah ia buat kali ketiga-nya seraya merayu sekali lagi kapada Baginda: *"Wahai Rasulullah! Pohonkan-lah kapada Allah agar aku di-kurniakan kekayaan! Demi Allah yang mengutus engkau dengan kebenaran, sa-andai-nya Allah mengurniakan aku kekayaan, neschaya aku akan memberi hak-nya kapada sa-tiap orang yang berhak."*

Mendengar Tsaklabah bersumpah, maka Rasulullah s.a.w. pun berdo'a: *"Ya Allah! Ya Tuhanku! Kurniakan-lah Tsaklabah ini harta dan kekayaan!.*

## BERMULA

Sejak dari peristewa ini, maka bermula-lah sejarah baru bagi Tsaklabah. Kambing2 yang di-ternak-nya bukan main biak-nya, sa-makin hari sa-makin bertambah, sa-hingga penoh sesak di-jalan2 Bandar Madinah. Kerana tidak ada tempat lagi, maka terpaksa-lah ia menchari tempat di-luar bandar Negeri Madinah untok menternak kambing2 yang banyak itu. Maka dia pun membangun sa-buah rumah di-salah satu lembah di-luar Negeri Madinah, di-mana ternak-nya mendapat tempat yang lapang untok terus membiak.

Pada mula-nya Tsaklabah sentiasa bersembahyang di-masjid bersama Rasulullah s.a.w., tetapi apabila ternak-nya sa-ma-

Lihat muka 10

## Kampong Terpuji

BAHAGIAN Melayu Radio Brunei sa-tiap minggu akan menin-jau serba sedikit mengenai dengan sa-tiap kampong yang menyertai peraduan Kampong Terpuji.

Di-mana kegiatan kampong yang berkenaan telah pun di-paparkan dari segi kebudaya-an, sosial, perekonomian, ke-ugamaan dan lain2 perkem-bangan. Pada minggu ini Ranchangan Kampong Terpuji akan mengetengahkan hal eh-wal perkembangan Kampong Bukit Sawat, Ulu Belait.

Ikuti-lah siaran-nya pada hari Ahad 6hb September jam 2.00 petang di-mana pehak pe-nganjor akan meninjau serba sedikit mengenai dengan Kam-pong Bukit Sawat, Ulu Belait.



intisari RTB minggu ini

# Radio menchari bakat-bakat yang lebeh baik

RADIO kelihatan memainkan peranan-nya di-tengah2 ma-sharakat. Radio 'hidup' bersama masharakat dari jam 6.00 pagi hingga jam 10.30 malam. Suara radio itu bukan sahaja sampai ka-setiap pelusok tanah ayer tetapi juga menusok ka-setiap bilek tamu, bilek tidor, 'bilek dapor', dalam ke-reta, di-tengah sawah, dalam pera-hu nelayan yang sedang di-lambong ombak gelombang di-tengah laut malah di-mana saja.

Kerana demikian itu peranan-nya, radio sentiasa terdedah kapada pendengar2-nya. Silap dan salah-nya tidak dapat di-sembunyi2kan dan para pendengar pun sangat ghairah pula menilai sa-suatu ke-kurangan dan kesilapan itu, maka timbul-lah bermacham2 keritik dan keritik ini di-anggap sa-bagai 'rah-mat' oleh kakitangan radio yang ingin belajar supaya lebeh baik. Tidak ada satu ranchangan yang terlepas dari keritik, dan tidak ada sa-orang pun juruhebah yang tidak kelihatan chachat-nya. Demikian pandangan pendengar, sebab pen-dengar itu banyak mata-nya dan berlainan selera-nya.

Dalam pada itu tidak kurang pada yang pandai memileh, umpama-nya juruhebah mana yang paling bagus. Dan kebagusan ini tentu-lah tidak serupa pula antara sa-orang pendengar dengan sa-orang yang lain. Ada orang memileh juruhebah yang kurus itu yang baik, 'lunak' suara-nya, senang telinga mendengar-nya, tetapi yang sa-orang lagi memileh juruhebah yang agak 'lampoh' itu yang bisai suara-nya, terang bachaan-nya. kena pa-tah-patah suara-nya dan nyaman pula berhenti-nya.

Dalam pada itu berbunyi pula sa-orang pendengar yang lain, pada-nya juruhebah yang 'buntak' itu yang manis suara-nya. manja-man-ja, macham Azean kata-nya. Malah sa-orang teman saya berpendapat juruhebah yang bersuara serak2 pa-rau itu yang paling 'best', saya menguchap panjang, kerana itu-lah juruhebah yang paling saya tak suka suara-nya. Tapi begitu-lah pendapat para pendengar tadi, tak serupa. Dan kita sentiasa men-dengar keritik itu sejak radio lahir ka-dunia.

Apa-kah pehak radio itu terus memekakkan telinga saja ? Tentu tidak, chuma dapat-kah para pen-dengar menchadangkan sa-orang ju-ruhebah yang paling jempul dan Radio Brunei sentiasa menchari ju-ruhebah yang paling baik, juru-ulas sokan yang paling handal, pembacha berita yang paling bagus, penyampai ranchangan yang nom-bor satu.

Sharat2 untok di-terima tidak berat, chuma awda dapat mengalah-kan juruhebah juru-ulas yang ada sekarang ini, kerana kami sedang menchari bakat2 yang lebeh baik dari yang ada.

## SANDIWARA RADIO

SANDIWARA Radio minggu ini, Hara-pan Menukar Wajah, tu-lisan Adi Ratna, Brunei akan chuba melukiskan li-ku2 hidup segelintir anak muda yang penoh dengan chabaran. Sama ada cha-baran itu di-sukai atau ti-dak, ia-nya pasti datang juga menemui-nya.

Di-mana Jamal, watak utama sa-bagai pemuda yang menempoh segala rin-tihan hidup telah banyak menerima nasehat, mahu pun pandangan dari teman karib-nya (Aini) yang di-anggap-nya sa-bagai adek beradek.

Ibu Jamal (Asmah) ti-dak juga ketinggalan da-lam memberikan nasehat untok-nya, supaya Jamal dapat merubah chorak hi-dup-nya dari suka berpu-ra2, berpeliseran ka-jalan yang benar.

Tetapi ayah Aini (Kasman) tidak mahu Aini keterlaluan memberikan nasehat kapada Jamal dengan alasan bahawa Jamal sudah dewasa.

Walau bagaimana pun Aini tetap memberangsang juga agar Jamal dapat mengusaha-kan ternakan ayam yang te-lah di-asaskan oleh arwah ayah-nya dulu, sa-belum Ja-mal di-terima bekerja di-peja-bat kerajaan sa-bagaimana yang di-pohankan-nya.

Mahu-kah Jamal untok te-rus mengusahakan ternakan ayam-nya itu ? Apa pula per-tolongan Aini untok Jamal terus berusaha menempoh hi-dup ini ? Di-terimakan Jamal bekerja di-pejabat kerajaan sa-bagaimana yang di-pohon-kan-nya, siapa pula yang me-nolong-nya ?

Untok mengetahui apa ke-putusan Sandiwara Radio ini, awda jangan lupa untok me-ngikuti siaran-nya yang akan ka-udara pada hari Ahad 6hb September, 1981 jam 12.00 tengah hari.

Sandiwara Radio kali ini akan di-terbitkan oleh Ak Su-laiman bin Pg Haji Tuah.

# RANCHANGAN TVP DARI 7HB. HINGGA 13HB. SEPT.

### ISNIN — 7HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 19
Ranchangan kali ini mengajar murid-murid tentang empat bentok; circle, triangle, square dan rectangle, di-Magic Pool pula beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'S' akan di-tunjokkan. Murid-murid juga akan di-hiborkan dengan sa-buah lagu.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 6 (Magnet 2)
Ranchangan ini ada-lah bahagian ke-dua dari siri ranchangan (Magnet 1). Dalam ranchangan ini murid2 akan belajar mengenai
a) Sifat-sifat magnet.
b) Benda2 magnetik dan benda2 bahan magnetik
c) Faedah magnet.
Benar-kah magnet sentiasa menarek benda2? Saksikan-lah ranchangan ini untok mendapatkan jawapan-nya.

10.30 KAP KAP UDANG 428.
Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti PA' LONG, DI-MANA TEMPAT-NYA, PETI SURAT, NAIK KUDA, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.




**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 428.

### SELASA — 8HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 19

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6 (Magnet 2)

10.30 KAP KAP UDANG 429.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERLAKUN, KERJA TA-NGAN, SI-MANIS, AMIN, KATA SI-MANIS, MAIN BANG dan CHER-MIN SAKTI.
Kerja Tangan Che'gu Rokiah hari ini ia-lah membuat Telinga Arnab.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 429.

### RABU — 9HB SEPTEMBER

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 19

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 6 (Magnet 2)

10.30 KAP KAP UDANG 430.
Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, MAIN KIM, HALAMAN BELAJAR, KETUA KESELAMATAN, HALA-MAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 430.

### KHAMIS — 10HB SEPTEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 431.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, TUNJOK BENDA, AMINAH, MAIN BOLA, BERCHERITA dan CHERMIN SAK-TI.
Tajok Cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah KANCHIL DAN KURA2.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 431.

### JUMAAT — 11HB SEPTEMBER

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, YANG MANA GANJIL, TUNJOK BENDA, MAIN BOLA, HALAMAN MENG-AJAR dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 12HB SEPTEMBER

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 432.
Ranchangan ini di-muati dengan ak-tiviti2 saperti KETUA KESELAMA-TAN, PA' LONG, AMIN, HALA-MAN BELAJAR, BOLA TUMBOK, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 432.

### AHAD — 13HB SEPTEMBER

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, HALA-MAN MENGAJAR, PA' LONG, GAMBAR DARI RUMAH, GAM-BAR TERSEMBUNYI dan CHER-MIN SAKTI.

## *NASI SAYADIA*

**Bahan2-nya :**

2 kati beras
2 kati ikan tenggiri
1 kati minyak sapi
½ kati bawang merah
1 inchi kulit kayu manis
ayer sa-chukop-nya — ia-itu bagi 1 mangkok beras, ayer-nya 1 mangkok juga.
garam sa-chukop rasa
serbok perasa (jika suka)
minyak untok menggoreng ikan.

**Bahan2 untok di-giling : —**

1 sudu teh jintan puteh
1 sudu teh lada sulah
2 sudu teh serbok kunyit
5 ulas bawang puteh.

**Chara2 membuat-nya : —**

1. Beras di-chuchi hingga berseh dan kemudian di-toskan.
2. Ikan di-potong dan di-bersehkan dan di-gaul dengan garam, kunyit dan lepas itu puan2 goreng.
3. Bawang merah di-hiris2 dan di-goreng dan di-giling.
4. Panaskan minyak dan tumiskan kulit kayu manis dan bahan2 yang bergiling. Gorengkan sa-hingga ku-ning dan wangi bau-nya dan lepas itu di-masokkan bawang yang di-giling tadi.
5. Kachau rata2 dan masokkan ayer, garam dan serbok perasa.
6. Sa-telah mendideh masokkan beras dan masak-lah hingga kering.
7. Sa-telah kering, kachau dan keluar-kan sa-paroh masi tersebut, dan masokkan ikan goreng tadi dan le-pas itu masokkan nasi semula (nasi yang di-keluarkan tadi).
8. Kemudian di-masak lagi nasi terse-but.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 2HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.30 GODZILLA : "Microgodzilla"
5.00 THE NATURE OF THINGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY : "Mork And Mindy Meet Rick And Ruby."
6.30 AZAN MAGHRIB
6.24 SAPPHIRE AND STEEL

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 B J AND THE BEAR : Detective Finger, I Presume
7.42 AZAN ISHA
7.46 B J AND THE BEAR — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 INI LAH LAGU KU (Ulangan)
9.50 KNOT'S LANDING : "The Constant Companion" Ginger merasa heran selalu menerima kiriman bunga yang tidak menaroh nama pengirim-nya.
10.40 TAYANGAN GAMBAR : "The Long Duel"
12.10 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 3HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FABULOUS FUNNIES (Episod terakhir)
6.30 AZAN MAGHRIB
6.34 SPECTRUM : Music

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTRY : "Unchained Woman"
7.42 AZAN ISHA
7.46 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 CHERAMAH : Dadah dan Arak
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 THREE'S COMPANY : "Jack's in the Flower Shop."
10.10 ASSASSINATION RUN : Satu siri baru tiga bahagian dari BBC. Bagaimana sa-orang pembunoh upahan menjalankan tugas-nya sedangkan sapuchok senapang di-tujukan bukan sahaja kapada mangsa-nya tetapi juga kapada isteri-nya.
11.00 TRAPPER JOHN : "Straight and Narrow."
11.45 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 4HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL : The Sandstorm
5.30 THE LONE RANGER : "The Yellowstone Conspiracy"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO : "The Armageddon Factor" episod terakhir.
6.30 AZAN MAGHRIB
6.34 THE MAGIC PALACE

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VARIETY SHOW : Raffaela Carra (Argentina)
7.42 AZAN ISHA
7.46 VARIETY SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 AN EXCEPTIONAL CHILD : Hoppie Kirkbridge
9.00 THE STOCKARD CHANNING SHOW
9.25 GUSTI
10.15 THE SWEENEY : "Taste of Fear"
11.00 SIARAN TAMAT.



MALCOLM Stoddard (kanan) sa-bagai Mark Fraser bersama Vic Tablian sa-bagai Costas dalam siri baru THE ASSASSINATION RUN bermula esok jam 10.10 malam.

## SABTU — 5HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.30 AZAN MAGHRIB
6.34 BEWITCHED : "Adam, Warlock or Washout" Darrin mendapati anak lelaki-nya mempunyai kuasa "Supernatural"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY — "Last Day, First Day"
7.42 AZAN ISHA
7.46 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.55 MARI MEMASAK
9.25 TAYANGAN FILEM INDONESIA "Rindu"
11.15 CHARITY SHIELD MATCH
12.45 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 6HB. SEPT.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.15 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 A SHANE : "An Echo of Anger" Shane menghadapi pertarongan bertembak 4 lawan kerana di-tudoh membunoh salah sa-orang anak buah lawannya.
4.00 SUNSHINE : "A Song For Montana" Bhg I
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURE OF SUPERMAN
5.30 VISION ON : "The Countryside"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 RICHIE RICH
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 CHILDREN'S SHORT STORIES : "Me And You And Kangaroo"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS : "Where's The Corpus?"
7.40 AZAN ISHA
7.44 ENOS — sambongan
8.30 DAD'S ARMY (Siri baru)
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
9.00 SEMUSIM DENGAN RAFEAH (Ulangan)
9.45 THE SANDBAGGERS : Who Needs Enemies
10.35 ARMCHAIR THRILLER : "The Victim" Bhg. 2
11.05 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 7HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SEALAB 2020 : "The Arctic Story" Episod terakhir
5.35 ANIMAL WORLD : "Strange Creatures" Mempaparkan jawapan kapada beberapa misteri mengenai binatang.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN : "Village of Fire" Jai mengidap sejenis penyakit hutan yang bahaya dan seterus-nya dapat diselamatkan oleh Tarzan dari menjadi mangsa kebakaran.
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SHOESTRING : "Find The Lady"
7.40 AZAN ISHA
7.44 SHOESTRING — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE GOLDEN SOAK
9.40 A SPECIAL CHILD
10.00 CLIFFHANGERS : "The Girl Who Saves The World" bahagian kedua
10.50 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 8HB. SEPT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH
5.15 LITTLE BLUE
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE ON EARTH : Lords of The Air
6.28 AZAN MAGHRIB
6.32 LIFE ON EARTH — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 NERO WOLFE : "To Catch A Dead Man" Sa-buah sharikat perkapalan yang besar mengupah Nero Wolfe untok menyiasat kehilangan sa-orang exkutifnya.
7.40 AZAN ISHA
7.44 NERO WOLFE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR : Aloha Paradise
10.55 BOGNOR : "Unbecoming Habit"
11.25 SIARAN TAMAT.



JAI (bersikut) di-serang oleh sa-jenis penyakit hutan dalam siri Tarzan minggu ini.

# ENAM ORANG LAGI IKUT KURSUS KEJURUTERAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerbangan Diraja Brunei telah menghantar tujoh orang lagi anak tempatan untok mengikuti kursus kejuruteraan dan pemandu kapal terbang di-United Kingdom.

Enam orang dari mereka, Ak Abdul Rahman bin Pg Omar, Ak Sulaiman bin Pg Mohd Said, Awang Dennis Low Chee Seng, Awang Md Johari bin Md Daud, Awang Christopher Cheok Pan Chung dan Awg Kamal bin Serudin akan mengikuti kursus salama empat tahun di-Sharikat Penerbangan Britainia di-Luton dalam bidang kejuruteraan kapal terbang.

Manakala Ak Kamarulzaman bin Pg Mohd Salleh akan mengikuti kursus salama sa-tahun di-Perkhidmatan Latehan Udara, Perth, Scotland untok mendapatkan lesen sa-bagai juruterbang komersil.

Pengurus Umom Diraja, Awg Alan Douglas dalam uchapan-nya di-majlis menandatangani surat perjanjian bagi pelateh2 itu di-pejabat sharikat itu pada hari Khamis 20hb Ogos lalu berkata, ini ada-lah merupakan kali ke-empat Diraja Brunei menghantar pelateh kejuruteraan-nya ka-England.

"Kami baru2 ini telah menerima laporan tahun ketiga daripada Sharikat Penerbangan Britannia di-Luton yang berkaitan dengan keputusan pengajian ke-enam-enam orang di-dalam kumpolan pertama apprentis2 yang belajar di-sana dan kami dengan bangga-nya menyatakan yang kesemua mereka telah dapat mengikuti kursus itu dengan baik sekali dimana ada di-antara mereka berjaya mendapat markah yang tinggi daripada apprentis2 dari England atau pun Malaysia," jelas Awg Douglas lagi.



PELATEH2 kejuruteraan dan pemandu kapalterbang Sharikat Penerbangan Diraja Brunei menanda-tangani perjanjian sa-belum mereka bertolak ka-United Kingdom bulan lalu.

Awg Douglas seterus-nya menjelaskan yang pemilehan dalam pengambilan apprentis2 ini tadi bukan sahaja berdasarkan kapada kelayakan pelajaran mereka atau pun pengetahuan mereka dalam pelajaran2 teknikal tetapi ia-nya juga di-landaskan kapada kegigihan mereka mendapatkan kejayaan di-dalam latehan2 lanjutan yang kelak akan mereka perolehi.

"Kami sangat2 merasa gembira kerana segala usaha kami menampakkan hasil-nya dan daripada 12 orang yang telah kami hantar ka-England selama ini, kesemua-nya telah memperolehi kejayaan di-dalam sa-tiap peringkat pengajian mereka, ini adalah merupakan satu chabaran kapada apprentis2 kita yang meninggalkan Brunei ini," tambah Awg Douglas lagi.

Ak Kamalruzaman adalah merupakan juruterbang pelateh, (cadet pilot), Sharikat Penerbangan Diraja Brunei yang ketiga untok mengikuti kursus bagi mendapatkan lesen komersil dan "instrument rating" di-Perkhidmatan Latehan Udara di-Perth Scotland sa-lama sa-tahun.

Dua pelateh juruterbang dari Diraja Brunei yang lain telah pun memperolehi kelayakan ini. "Walau bagaimana pun, ada-lah sulit bagi kami untok mengekalkan mutu operasi kami yang tinggi sa-andai-nya penuntut2 tadi terus menjalani latehan untok menerbangkan pesawat 737 kepunyaan Diraja Brunei chuma dengan kelayakan lesen komersil yang membolehkan mereka memandu pesawat kechil dua jentera.

"Dari itu segala persiapan telah pun di-buat bagi mereka menjalani latehan di-Sharikat Penerbangan Air New Zealand supaya mereka memperolehi pengalaman yang chukop yang kelak membolehkan mereka mengambil langkah yang akhir memandu pesawat 737 Diraja Brunei."

Awang Alan Douglas seterus-nya menjelaskan yang mereka berharap pelateh2 tadi akan berkemampuan untok menerbangkan pesawat2 Diraja Brunei sa-bagai juruterbang2 yang terlateh dalam tahun 1983.

# Bakal2 haji dalam penerbangan pertama — 14hb. September

Haji Abas bin Taha, Seti Ratnamala bte Idris, Hj Awg Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Hj Abdullah, Fetimah bte Hj Abdul Rahim @ Mabel Ebert, Yusop bin Hj Apong, Mastura bte Abdullah @ Dora Chia, Anuar bin Md Yusof, Haji Md Jaafar bin Maun, Hajjah Hafsah bte Hj Md Ja'afar, Zul-Sukarla bin Zul-Kiflie, Marsal bin Maun, Suhaili bin Maun, Dayang Zamaliah bte A Badar @ Dy Zamaliah bte A Bakar, Mohammed Ali bin Suhaili.

Hajjah Jauyah bte Hj Hashim, Aminah bte Hj Ismail @ Piah bte Hj Ismail, Dy Tamidah bte Awang Damit, Hajjah Hajijah bte Awang Hassan, Dy Asbah bte Md Tahir, Abu Hassan bin Awg Daud, Ahmad bin Awg Damit, Siti Ajar bte Awg Damit, Hj Ismail bin Hj Duraman, Hajjah Timbang bte Salleh, Abd Rahman bin Ajak, Seri Banian bte Idris, Dayang Damit bte Besar, Haji Jair bin Bakar.

Halus bte Besar, Ahmad bin Salleh,Lauyah bte Samat, Jamahat bin Samat, Saipah bte Haji Tamit, Nooralam bte Hj Tamit, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Hj Damit, Pengiran Aliuddin bin Pengiran Haji Dami Yahya bin Mohd Said, Jisha i bte Husain, Norhimahwati bte Yahya, Kamariah bte Othman, Othman bin Burut @ Osman, Norjinah bte Ahmad, Kamsiah bte Othman.

Norsinah bte Othman, Hj Junaidi bin OKSN Hj Mohd Safar, Latifah bte Hj Libut, Haji Ahim bin Hj Ibrahim, Rasiah bte Hj Ahim, Salmah bte Md Said, Omar bin Bangkol, Aji bin Tahiruddin, Haji Mohammad bin Pangkat @ Hj Amat bin Pangkat, Kulam bte OK Ali/Dollah, Senda bte Hj Mohammad, Aman bin Isa, Pengiran Besar bte Pengiran Anak Hj Kundor, Timah bte Saidin, Tuah bin Pakar, Pungut bte Tuah.

Nipah bte Serudin, Kamis bin Misir, Siti bte Jemal, Naim bin Lingkok, Kamis bin Nudin, Talib bin Razak @ Talip bin Ajak, Kamariah bte Bakir, Tasim bin Abdul Rahman, Hamit bin Abu Bakar, Fatimah bte Mohd Serudin, Umar bin Kamis, Zaini bin Hashim, Kamis bin Tapa, Duraman bin Ghani, Jijah bte Jaludin, Minah bte Manan, Umbai bte Adis, Liah bte Hj Yusof, Amit bin Hj Kamis @ Maramit.

Dayang Seri bte Tahamat, Akil bin Jaludin, Liah bte Dulah, Fatimah bte Salleh, Tengah bin Tambor, Ibrahim bin Abdullah, Abdullah bin Brahim @ Dollah, Tarif bin Awang Ja'afar @ Awg Piut, Fatimah bte Sudin, Md Daud Tunjang, Ramlah bte Awang Besar, Kahar bin Apong, Mohd Yusof bin Serudin, Mahani bte Tuming, Dayang Jauyah bte Kapal, Tuah bte Tarang, Bungsu bin Hashim.

Dayang Amit bte Bakar @ Suayah, Dayang Besar bte Hj Bungsu, Mohamad bin Awang Hj Tengah, Pengiran Mohd Yusof bin Pg Maharaja Anakda Pg Hj Ahmad, Hajjah Hanidah bte Awg Abu Bakar, Hasnah bte Awang Karim, Hj Metussin bin Hj Ibrahim, Ardi bte Gandor, Dayang Sinor bte Gharif, Ahmad bin Abd Rahman @ Ahmad bin Duraman, Abd Rahman bin Ahmad, Ajijah bte Arshad, Siti Ajar bte Othman, Hj Abdul Hamid bin Mohammad Daud, Siti Niraini bte Hj Ismail, Dayangku Normah bte Pengiran Hj Ali, Dayangku Nor'aid bte Pg Hj Ali, Ahmad bin Abu Bakar.

Rauyah bte Metasim, Asmat bin Mohd Salleh, Siti Zainab bte Hj Mohd Salleh, Norsah bte Asmat @ Norsah bte Ahmad, Mohd Arshad bin Mohd Hassan, Maisah bte Bakar, Pakar bin Md Salleh, Maisah bte Hj Abdullah, Ibrahim bin Metussin, Aini bte Ibrahim @ Nooraini bte Ibrahim, Abu Bakar bin Hj Md Taha, Abdullah bin Md Daud, Puteh bte Md Said, Rabiah bte Duraman, Johari bin Haji Omar Ali, Rosiah bte Sahari @ Rose bte Ali, Arbi bin Othman, Mahani bte Masrie.

Dullah bin Mohd Salleh, Usnah bte Abdul Hamid @ Husnah bte Awang Lamit, Abdul Rahman bin Hj Md Tamin, Rafi'ah bte Tengah @ Rafi'ah bte Hj Dullah, Matnasir bin Diris, Hj Morni bin Hj Bakar, Hajjah Mashot bte Awang Hj Sulaiman, Hj Sulaiman bin Hj Masri, Awang Hijjra bin Adenan, Zainal bin A Damit, Saar bin Yahya.

Miang bte Edin, Zaidi bin Ismail, Fatimah bte Adam, Md Jamil bin Jeludin @ Jamil bin Ludin, Siti Hasnah bte Besar, Jaludin bin Nayan, Aisah bte Hj Besar, Hajjah Kamariah bte Mohd Hassan Dandan bte Besar, Awang bin Assan, Siti Khadizah bte V A Abdul Rahman @ Patmah, Morshidi bin Awang, Dayang bte Haji Othman, Piut bte Md Hasan, Noor Aisah bte Dato Haji Othman, Mohammad Yussof bin Hj Abdul Rahman.

Norzainah bte Awg Mohammad, Mohd Zaidi bin Dato Paduka Hj Othman, Santilailawati bte Abdullah @ Chong Beng Kim, Mohamed bin Taha, Fatimah bte Hj Ibrahim, Abdul Manaf bin Abdullah, Pengiran Saemah bte Pg Hj Damit, Pengiran Damit bin Pengiran Chuchu, Zakaria bin Jait, Hj Omar bin Ibarahim, Pura bte Saman, Dayang Markasum bte Hj Omar.

Janah bte Hj Omar, Dayang Piah bte Matasan, Bungsu bte Gapor, Omar bin Hj Serudin, Besar bte Bakar @ Sharifah, Mumin bin Osman, Siti Rokiah bte Mumin, Kuriah bte Ibrahim, Zainab bte Ibrahim, Maimunah bte Abdul Rahman, Abdul Rahman bin Burut, Japar bin Yusof, Hidop bte Serudin, Md Yassin bin Diris, Unai bte Diris, Hj Kasim bin Hj Bungsu, Salbiah bte Hj Kasim, Md Nor bin Awang Besar, Rafiah bte Bakar.

Sharin bin Awang Haji Kassim, Awang Hj Mohidin bin Hj Nudin @ Awang Haji Bungsu, Dayang Pasah bte Awang Husin, Dayang Adey bte Lakim, Hj Umar bin Hj Sapar, Sainah bte Hj Sapar, Dayang Tampoi bte Hj Mohammad, Piut bin Tarsat, Mahmud bin Abdullah, Napisiah bte Labai, Pg Jaidin bin Pg Tinggal, Awangku Kamaludin bin PKN Pg Wahab, Mohd Shariff bin Ismail, Abd Raup bin Ahmad, Jainah bte Laut @ Tisah.

Metali bin Abdul Razak, Mariam bte Habib Ahmad, Radiah bte Metali, Jeludin bin Salleh, Dayang Sadiah bte Ja'afar, Damit bin Sapar, Dayang Puan bte Md Jair, Idris bin Hj Damit, Abdullah bin Mohd Jair, Lampam bte Pitan, Othman bin Damit, Mohd Hassan bin Dagong, Jamelah bte Amat, Jijah bte Dagong, Hitam bin Sipun, Dayang Damit bte Hi Sulaiman.

Daud bin Budin, Taisah bte Damit, Hj Mahmuddin bin Awang Damit, Hajjah Damit bte Brahim, Md Tahir bin Sulaiman @ Matahir, Maimunah bte Matusin, Timiam bte Akup @ Siti Mariam bte Akop, Hj Awang Ibrahim bin Awang Damit, Jeludin bin Hj Nasar, Atap bin Maludin, Besar bin Bakar, Sulaiman bin Hj Nasir, Taisah bte Hj Mohiddin, Hj Morni bin Ahmad @ Hi Moktar bin Ahmad.

Hidup bte Matasan, Zainanda Yanti bte Adanan, Hj Yaakub bin Hj Ahmad, Aminah bte Ibrahim, Harun bin DSL Hj Samad, Rosnah bte Hj Ibrahim, Md Arshad bin Said @ Arshad bin Md Said, Siti Hawa bte DSL Hi Abd Samat, Daud bin Hj Tengah, Suntai bin Tuba, Noor Ahsfian bin Mohammad Daud, Anuar bin Md Yusoff, Dayang Majanah bte Abu Bakar, Halimah bte Abdullah, Rahman bin A Raup, Randah bin Besar.

Noriah bte Randah, Ismail bin Randah, Bahar bin Karim, Jijah bte Puteh, Mohd Yassin bin Daud, Dayang Rafiah bte bte Metussin, Hajjah Habibah bte Zaman, Hj Mohd Yussuf bin Daud, Bani bte Ismail, Ludin bin Mohamad, Kayah bte Thamin @ Halimah bte Tamin, Abdullah bin Ali Hahashim, Ayang bte Abdullah, Hajjah Aminah bte Ismail, Hajjah Zainab bte Nayan, Aliakbar bin Awang Langgar, Jijah bte Tamin.

Fatimah bte Ja'afar, Awang Ja'afar bin Awang Mohammad, Tengah bte Damit, Salim bin Hj Rasit, Issah bte Masir, Jamaluddin bin Hj Hassan @ Jamudin, Amit bin Pata @ Kamit bin Patah, Jarama bte Ja'afar, Damit bin Piut, Muslim bte Hj Mokti, Maimunah bte Piut, Pg Hj Mohd Daud bin Pg Othman, Dayangku Aminah bte Pg Hj Zainal.

Pengiran Mohamed bin Pg Sunting, Buntar bte Duraman, Hj Kula bin Limbang @ Haji Arim, Janah bte Puasa, Tahir bin Salleh, Pengiran Hj Omar bin Pengiran Besar, Pengiran Mariam bte Pg Othman @ Pg Siti Ajar, Awangku Bahrin Dzulkharnain bin Pg Haji Omar, Awangku Adanan bin Pg Hj Omar @ Ak Ismail, Hj Matahir bin Hj Hashim, Dy Hajjah Aminah bte Abdul Wahab, Pengiran Apong bin Pg Rauf, Awangku Abd Rahman bin Pg Apong.

Md Yusof bin Tunjang, Unai bte Abdullah, Omar bin Puteh, Siti Ajar bte Dollah, Hj Pauji bin Bakir, Majidi bte Hj Zakaria, Dollah bin Besar, Masni bte Mahmod, Rauyah bte Abdullah, Shuhalie bin Besar, Pengiran Damit bin Pg Bungsu @ Pg Taib, Pengiran Minah bte Pengiran Bungsu, Dayang Maimunah bte Bakar, Noh bte Jair, Bakar bin Jamaludin, Buntar bte Madin, Osman bin Ali.

Abdul Rahman bin Haji Bakar, Akop bin Bakar @ Yakup, Siti Hawa bte Hussin, Hj Abd Majid bin Hj Sidi @ Hj Abd Majid bin Hj Saidi, Siti Bte Ejak @ Siti Sufiahwatibte Abdullah, Bakir bin Hj Dulamit, Seryati bin Marjin @ Suradi bin Warjan, Hj Moksin bin Hj Matasan, Piah bte Abdullah, Noraini bte Hj Moksin, Pengiran Othman bin Pg Ahmad, Pengiran Damit bte Pg Randah, Pengiran Serbanun bte Pg Randah, Pg Ismail bin Pg Mat Salleh.

Sitiara bte Yahya @ Tiara bte Yahya, Pengiran Mohamad Yusof bin Pengiran Salimin, Pengiran Moksin bin Pg Sabtu, Pengiran Abd Momin bin Pengiran Damit, Pengiran Halimah bte Pengiran Badar, Pegiran Metusin bin Pengiran Damit, Pegiran Hasnah bte Pg Wahid, Pengiran Salleh bin Pg Tajudin, Pengiran Hidup bin Pg Abu Bakar, Pengiran Yusof bin Pg Tengah, Ahmad bin Hussin.

Suasa bte Bongsu, Siti Mahirah bte Ahmad, Tuah bin Agut, Dayang Zahrah bte Abd Rahman, Hamzah bin Hj Uting, Aminah bte Hj Morni, Suhaili bin Durudin, Wasli bin Janai, Rahmah bte Hj Jaludin, Minah bte Ando, Pengiran Halus bin Pengiran Hj Kahar, Pengiran Taisah bte Pengiran Buntar, Dayangku Hidup bte Pengiran Haji Kadar, Pengiran Rafiah bte Pengiran Patra, Dk Aisah bte Pengiran Md Said, Damit bin Hj Laidin, Royah bte Lanchai.

Zaiton bte Razak, Matsaid bin Ismail, Matusin bin Ja'afar, Hj Rashid bin Hj Matassan, Jinap bte Muhamad, Hj Kamis bin Durahim, Nilam bte Hj Kahar, Abdul Rahim bin Bakar @ Burut, Wahab bin Mohd Wali, Dayang Basiah bte Japar, Abd Rahman bin Ahmad, Jamilah bte Hj Md Yassin, Zoraidah bte Abdul Rahman @ Norhani, Zulkifli bin Abdul Rahman, Hj Mohd Yassin bin Abdul Momin, Hajjah Sediah bte Jaidin, Abd Kahar bin Tundak.

Dayang Lamah bte Hj Apong, Dayang Jijah bte Tundak, Tuah bin Kapal @ Md Jahari, Jijah bte Md Yassin, Dayang Timbang bte Md Yassin, Fatimah bte Metali, Dollah bin Chuchu, Metussin bin Tuah, Siti Ambun bte Abdullah, Damit bin Abd Hamid, Puteh bte Adi @ Zauyah bte Adi, Dayang Piah bte Hamba, Mostapa bin Sarudin, Halimah bte Omar.

Kamis bin Dollah, Shahdina bte Omar, A Taib bin Hj Md Salleh, Eini bte Hj Bagol, Johara bte Hj Mohd Salleh, Dayang Damit bte Pehin Maharaja Di-Raja Hj Ahmad, Dr Haji Shah Md Fazle Alam, Ajak bin Serudin, Jamilah bte Mohd Salleh, Temah bte Sinyut, Ramlah bte Ibrahim, Ahmad bin Tuah, Hj Lamit bin Hj Ibrahim, Haji Masri bin Dato Hj Mohamad Yusof, Yusoff bin Hj Ismail.

# KEPUTUSAN PEPEREKSAAN SIJIL PERDAGANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Pepereksaan Brunei minggu lalu telah mengumomkan keputusan pepereksaan Sijil Peddagangan bagi bulan Jun tahun ini di-seludoh negeri.

Dari sa-ramai 397 orang chalun yang mendudoki pepereksaan menaip perengkat permulaan hanya sa-ramai 108 orang sahaja yang lulus dan bagi perengkat menengah pula sa-ramai 80 orang telah lulus daripada 193 orang chalun sementara 52 orang telah lulus di-perengkat tertinggi dari 118 orang chalun.

Bagi pepereksaan trengkas di-bahagian permulaan sa-ramai sembilan orang sahaja yang lulus dari 39 orang chalun manakala di-perengkat menengah hanya sa-orang sahaja yang lulus daripada 10 orang chalun dan tidak sa-orang pun yang lulus dalam perengkat tertinggi.

Dalam pepereksaan simpankira bahagian permulaan tidak ada sa-orang pun yang lulus sementara sa-orang sahaja yang lulus dalam perengkat tertinggi dari dua orang chalun yang mendudoki pepereksaan tersebut.

Pepereksaan bagi sijil perdagangan tersebut telah di-adakan di-ke-13 buah pusat di-negeri ini yang mana sa-jumlah 902 orang chalun telah mengambil pepereksaan.

Dari jumlah itu sa-ramai 250 orang chalun telah lulus ia-itu 27.72 peratus dan yang lain-nya berjumlah 652 orang chalun telah gagal.

## Pegawai2 AMDB berkursus

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan menghantar lebeh ramai lagi anggota-nya ka-seberang laut untok menjalani beberapa kursus di-pusat2 tentera.

Lima dari mereka akan bertolak ka-Republik Singapura pada 19hb September ini untok mengikuti kursus Asas Makenik Kenderaan, yang akan bermula pada 21hb September di-Sekolah SAF Ordnance, Kem Ayer Rajah III.

Mereka ia-lah 6363 Perajurit Ak Amzah bin Pg Othman, 6586 Perajurit Md Salleh bin Nasir, 6620 Perajurit Badaruddin bin Abd Raffar, 6628 Perajurit Arbi bin Bungsu dan 6133 Perajurit Hanifah bin Abdullah, kesemua-nya dari Bengkel Pasokan.

Sementara itu, dua orang anggota dari Kompeni RHQ, 4784 Sgt Marjik bin Hj Lampong dan 4985 Sgt Ismail bin Hj Ohsali akan berlepas ka-Hongkong pada 20hb September bagi menjalani kursus penempatan sa-lama lebeh kurang dua minggu di-Ibu Pejabat Tentera Gurkha, Hongkong.

Manakala 4670 Sgt Untong @ Ali Hashim bin Nayan dan 4851 Sgt Ramli bin Hj Hashim, kedua-dua-nya dari Kompeni RHQ telah berlepas ka-Hongkong kelmarin untok mengikuti kursus penempatan yang sama di-Ibu Pejabat Tentera Gurkha, Hongkong. Kursus bagi mereka ini akan berakhir pada 18hb September.

## Naik pangkat

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei baru2 ini telah mengumomkan kenaikan pangkat bagi sa-orang lagi pegawai-nya.

Pegawai tersebut ia-lah 1642 Lt Syed Abdillah bin Dato Syed Hussein dari Angkatan Laut. Syed Abdillah kini telah memegang jawatan sa-bagai Leftenan Tetap, mulai 3hb Ogos, 1981.

# Beribu-ribu orang saksikan perarakan tanglong

TUTONG. — Beribu-ribu orang telah datang untok menyaksikan perarakan tanglong berjalan kaki, kereta dan basikal berhias di-sini pada malam 22hb Ogos lalu.

Perarakan ini ada-lah sa-bagai salah satu achara untok memeriahkan lagi Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun bagi daerah Tutong.

Hampir dua ribu orang menyertai perarakan itu yang terdiri dari sekolah2, persatuan2, jabatan2 kerajaan dan kampong2. Perarakan itu bermula dan berakhir di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim. Di-antara yang hadhir untok menyaksikan perarakan tersebut ia-lah Pegawai Daerah Tutong Awang Hj Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dan isteri dan kakitangan2 kerajaan yang lain.

Di-malam itu juga telah di-umomkan keputusan penoh bagi perarakan itu: Bahagian sekolah rendah, Sekolah Melayu Muda Hashim telah munchol sa-bagai pemenang pertama dan tempat kedua ia-lah Sekolah Persediaan Inggeris Battalion Kedua. Manakala bahagian sekolah menengah telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dan naib johan di-menangi oleh Pasokan Kadet Pulis Diraja Brunei. Bahagian persatuan pula telah di-menangi oleh Persatuan Penanjong (Perda) tempat kedua Persatuan Wanita Tutong.

Sementara itu perarakan kereta berhias telah di-menangi oleh Jabatan Kerja Raya dan tempat kedua di-menangi oleh Balai Bomba Tutong. Bahagian persendirian telah di-menangi oleh Dayang Masita bte Hj Abd Rahman dan tempat kedua Awg Suhaili bin Suhaimi. Bahagian basikal berhias pula di-tempat pertama di-menangi oleh Mohd Rosli bin Mohd Yussof dan tempat kedua Awg Wismarani bin Mohd Zain.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Fatimah bte Haji Abdul Rahim.

DI-DAERAH TEMBURONG, perarakan tanglong dan pakaian beragam juga di-adakan di-Pekan Bangar pada malam Khamis yang lalu. Ini ada-lah merupakan kali pertama daerah ini mengadakan perarakan serupa. Perarakan tersebut ada-lah salah satu upachara sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei ke-35 tahun bagi daerah tersebut.

Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Temburong ada-lah di-antara beribu-ribu orang yang menyaksikan perarakan tersebut (gambar2 atas).






## Balai Ibadat mula di-gunakan

KUALA BELAIT. — Pendudok2 Kampong Sungai Teraban di-sini telah mempunyai sa-buah Balai Ibadat yang baru, yang mana telah mula di-gunakan pada hari Jumaat 21hb Ogos lepas. Balai itu di-dirikan di-atas tanah Kerajaan dan boleh menampong 100 orang jemaah.

Penggunaan-nya di-mulakan dengan menunaikan sembahyang fardhu Juma'at yang di-Imamikan oleh Awang Haji Timbang, Kadhi Daerah Belait, seterus-nya beliau juga telah membachakan Khutbah, Jumaat pada hari itu.

# Keputusan perarakan kereta dan basikal berhias

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa perayan perarakan kereta berhias, basikal dan tanglong berjalan kaki dan pakaian beragam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kali yang ke-35 tahun bagi Daerah Brunei dan Muara telah mengumomkan keputusan-nya baru2 ini.

Perarakan tersebut telah di-adakan pada hari Ahad 16hb Ogos yang lalu. Sa-banyak 53 buah pasokan yang mewakili sekolah2 menengah dan maktab2, jabatan2 kerajaan, kampong2, persatuan dan pertubohan awam serta badan kebajikan telah mengambil bahagian.

Dalam pakaian beragam tempat pertama telah di-menangi oleh Ak Timbang bin Pengiran Tuah, kedua jatoh kapada Awang Zaharia bin Mustafa dan ketiga Awang Sabli bin Saidin.

Sementara dalam bahagian basikal berhias siang dan malam, pemenang pertama jatoh kapada PS Shahar dari Kampong Kianggeh, kedua di-menangi oleh Sekolah Tadika Pertama Kawasan Kampong Ayer.

Dalam bahagian perarakan kereta berhias di-waktu siang, tempat pertama di-menangi oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara, kedua Jabatan Hal Ehwal Ugama dan ketiga ia-lah Jabatan Kerja Raya Workshop.

Manakala di-waktu malam pula, Pejabat Daerah Brunei dan Muara sekali lagi telah memenangi tempat yang pertama, kedua ia-lah Jabatan Pelajaran dan pemenang ketiga ia-lah Kaum Tiong Hwa dan Persatuan Orang2 Tiong Hwa Bandar Seri Begawan.

Sekolah Menengah Chung Hwa telah di-berikan hadiah penghargaan dalam bahagian sekolah2 rendah kerana hanya satu2 sekolah rendah yang menyertai perarakan itu.

Dalam bahagian maktab2 dan sekolah2 menengah, tempat pertama jatoh kapada Pasokan Kadet Pulis, kedua ia-lah Sekolah Menengah Muhammad Jamalul Alam dan ketiga di-menangi oleh Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan.

Kampong Bengkurong Sinarubai dan Burong Lepas telah mendapat tempat pertama dalam bahagian kampong2, kedua Kampong Pudak dan ketiga Kampong Pintu Malim,

Dalam bahagian jabatan2 kerajaan pula, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei telah mendapat tempat pertama, kedua Jabatan Kerja Raya dan ketiga Jabatan Letrik.

Persatuan Pengakap Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai johan dalam bahagian perarakan tanglong antara persatuan2 belia dan kebajikan, kedua ia-lah Persatuan Bulan Sabit Merah dan ketiga ia-lah Persatuan Ikatan Belia Bunut (IKERAB).

Hadiah2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh di-satu majlis penyampaian hadiah yang telah di-langsongkan bertempat di-Pentas Diraja di-Padang Besar di-ibu negeri di-sini pada malam Isnin lepas.



KERETA berhias Jabatan Kerja Raya yang berjaya mendapat tempat ketiga waktu siang.

## Angka tunjok meningkat lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjok harga barang2 pengguna untok bulan Julai 1981 telah meningkat sa-banyak 0.4 peratus menjadi kapada 129.0 apabila di-bandingkan dengan bulan Jun 1980. Demikian juga angka tunjok bulan ini telah meningkat lebeh tinggi sabanyak 9.5% apabila di-bandingkan dengan angka tunjok bulan Julai 1980.

Kenaikan angka tunjok ini ada-lah di-sebabkan oleh kenaikan angka2 tunjok 'Makanan' (0.7 peratus) dan 'Alat Perabot, Perhiasan2 dan Alat2 Kelengkapan Rumahtangga serta pemasangan-nya' (0.4 peratus).

Barang2 yang menyebabkan naik-nya angka tunjok bulan ini berpuncha dari berbagai jenis ikan hidup, udang, keju, coffee-mate, mentega dan berbagai jenis buah2an tempatan saperti pisang, betik, limau manis kechuali nenas, peach dalam tin, tilam getar kelamin dan bantal.

Harga2 bagi berbagai jenis sayor2an saperti kachang bendir, terong, halia dan kubis bulat yang lebeh murah telah menjadikan angka tunjok kumpolan kechil 'sayor2an dan hasil2 sayor2an' telah turun sabanyak 1.3 peratus.

## MAJLIS KESHUKORAN PUJA USIA BAGINDA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis keshukoran bersempena Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah di-adakan pada hari Ahad minggu lepas bertempat di-Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah di-Jalan Tutong.

Antara atorchara majlis tersebut ia-lah menunaikan sembahyang fardhu maghrib berjemaah, sembahyang hajat berjemaah dan membacha do'a keshukoran.

Majlis tersebut, di-anjorkan oleh pendudok2 Kampong Lorong Dalam dan guru2 di-sekolah berkenaan. Turut hadhir di-majlis itu ia-lah Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, Penguasa Pelajaran Ugama, ketua2 kampong dan pendudok kampong sekitar-nya.

## Cherita untok tauladan

Dari muka 5

kin banyak, ia hanya sempat sembahyang berjema'ah pada waktu2 Dzuhor dan Asar saja, sementara waktu2 yang lain di-tunaikan di-tempat ia berternak.

Apabila ia berpindah di-luar Madinah, ia tidak dapat sembahyang berjema'ah lagi bersama2 Rasulullah s.a.w. di-masjid. Ia hanya dapat hadhir sembahyang Jumaat saja minggu demi minggu. Apabila bertambah lagi ternak-nya, ia terpaksa menchari tempat yang lebeh jauh. Dengan sebab itu, bukan saja ia tidak dapat hadhir sembahyang berjemaah bersama Rasulullah s.a.w. tetapi juga tidak dapat hadhir bersembahyang Jumaat. Demikian-lah keadaan Tsaklabah dari hari ka-sehari sentiasa sebok menguruskan ternak-nya yang kian membiak macham ulat itu.

Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. teringatkan Tsaklabah yang sudah lama tidak hadhir ka-masjid, lalu Baginda bertanya: *"Apa yang di-buat Tsaklabah sekarang ini? Mengapa ia tidak kelihatan lagi?* "Jawab orang ramai: *"Tsaklabah kini sedang sebok dengan kambing2-nya yang sudah penoh di-sekitar lembah."* Mendengar jawapan itu Rasulullah s.a.w. pun mengeloh panjang seraya berkata: *"Mengapa jadi begini, Tsaklabah? Mengapa jadi begini?."*

Sa-benar-nya cherita ini belum habis tetapi memadai sa-takat itu saja untok di-jadikan tauladan, di-mana dalam menentukan sa-seorang itu menjadi kaya atau miskin ada hikmat-nya.

Apa-lah guna-nya menjadi sa-orang yang kaya, jika kekayaan itu menjadikan kita lupa kapada Allah? Tetapi jika kekayaan itu dapat di-pandu menurut kehendak Allah dan petunjok Rasul-Nya, maka itu ada-lah suatu kebahagiaan yang tidak ada tanding-nya. Bagi yang di-takdirkan Allah menjadi miskin pula, hendak-lah bersabar serta bershukor, kerana mana-lah tahu mungkin kemiskinan yang di-takdirkan itu mempunyai hikmat2 yang tersembunyi, yang kalau di-ketahui neschaya ia lebeh chenderong memileh hidup miskin dari hidup mewah dan kaya raya.

Bagaimana pun ada-lah menjadi dasar ajaran Ugama kita, ia-itu Ugama Islam yang sentiasa menyuroh kita berusaha untok lari dari kemiskinan demi untok memperolehi kehidupan yang lebeh baik. Yang demikian sawajar-nya-lah kita tidak akan lupa akan dasar2 ajaran tersebut sa-mata-mata kerana menjunjong titah perintah Allah jua.

# 110 ORANG MURID DI-PILEH KA-SEKOLAH2 MENENGAH ARAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 110 orang penuntut—60 orang daripada-nya lelaki telah di-pileh untok memasoki Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah dan Sekolah Menengah Perempuan Pengiran Anak Damit bagi tahun 1982.

Mereka itu ia-lah penuntut2 dari sekolah Ugama di-seluroh negeri yang telah lulus dalam pepereksaan pemilehan yang di-adakan pada 28hb Jun yang lalu.

Berikut ia-lah nama2 penuntut yang terpileh itu:

**BAHAGIAN LELAKI**

Ismail bin Muhammad Said, S.U. Pg Anak Puteri Masna (petang); Hilmy bin Othman, S.U. Birau, Tutong; Hisham bin Abdul Salam, S.U. Pg Muda Al-Muhtadee Billah (petang); Fazeli bin Duraman, S.U. Bengkurong; Abdul Rahim bin Taji, S.U. Birau, Tutong; Abd Rahman bin Abdul Aziz, S.U. Mata-Mata, Gadong; Zulhairul bin Abdullah, S.U. Bakiau, Tutong; Rahim bin Haji Jahit, S.U. Penanjong, Tutong; Ak Mohd Noor Ariffin bin Pg Omar, S.U. Pg Anak Puteri Masna (pagi); Bosman bin Jair, S.U. Putat; Mohd. Mazlani bin Alias, S.U. Danau, Tutong; Zinal Abidin bin Abd Razak, S.U. Bakiau, Tutong; Roslan bin Ahmad, S.U. Keriam, Tutong; Suhaimi bin Gemok, S.U. Kiudang, Tutong.

Mawardi bin Shahbudin, S.U. Pg Muda Al-Muhtadee Billah (petang); Rafae bin Mohammad, S.U. Putat; Ak. Zaidi bin Pg Othman, S.U. Bakiau, Tutong; Baharin bin Jumat, S.U. Sinaut, Tutong; Sahrin bin Morsidi, S.U. Birau, Tutong; Hasnani bin Sallehuddin, S.U. Kupang, Tutong; Sulaini bin Said, S.U. Pg Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah, Seria; Hairoddin bin Abdullah, S.U. Bakiau, Tutong; Nulazmi bin Layeh, S.U. Birau, Tutong; Matussein bin Haji Jumat, S.U. Bengkurong; Rosaimi bin Othman, S.U. Limau Manis; Mohd Nizam bin Mohd Azmi, S.U. Battalion Kedua Tutong Kem, Tutong; Rushdi bin Tabit, S.U. Bakiau, Tutong; Hassan bin Matali, S.U. Pg Muda Al-Muhtadee Billah (petang).

Azrol Errawanie bin Matusin, S.U. Labu Estate, Temburong; Roslan bin Puasa, S.U. Keriam, Tutong; Mohammad Norsham bin Abdul Ghani, S.U. Pg Muda Al-Muttadee Billah (petang); Zaki bin Abdullah, S.U. Pg Muda Al-Muhtadee Billah (petang); Shari bin Bakar, S.U. Kampong Menangah, Tutong; Rozaidi bin Md Daud, S.U. PSB. Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait; Mohamadiah bin Hashim, S.U. Bakiau, Tutong; Samrie bn Chuchu, S.U. Pg Muda Al-Mutadee Billah (petang); Norzaini bin Haji Muhammad, S.U. Raja Isteri Pg Anak Saleha (petang); Sufari bin Kurus, S.U. Lamunin, Tutong; Mohd Saiful Rizal bin Haji Salim, S.U. Pg Muda Mahkota, Tutong; Khaldun bin Zainal, S.U. Pg Muda Al-Muhtadee Billah (petang).

Rahim bin Idris, S.U. Bakiau, Tutong; Saiful Rizal bin Mohammad Jinin, S.U. OKAWSD. Kupang, Tutong; Idris bin Bini, S.U. Kasat; Hashim bin Besar, S.U. Kiulap (petang); Mohd Satwan bin Hidup @ Dollah, S.U. Kilanas (pagi); Saiful Rizal bin Sabtu, S.U. Keriam, Tutong; Sahar bin Dayman, S.U. Bukit Penggal, Tutong; Hasnan bin Assan, S.U. PSB. Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait; Awg Mohd Nizam bin Awg Haji Chuchu, S.U. Perpindahan Berakas (petang); Shahrom bin Abdul Wahab, S.U. Kasat; Ak Saiful Hazmi bin Haji Mat Jaafar, S.U. PSB Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait; Mohammad Sufri bin Osman, S.U. Danau, Tutong; Muhammad Sufri bin Ali, S.U. Pg Anak Puteri Masna (petang); Rajiman bin Judin, S.U. Raja Isteri Pg Anak Saleha (petang); Kani bin Jaludin, S.U. Kiudang, Tutong; Mohammad Roshawadin bin Kamaludin, S.U. PSB Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait; Khairul Anwar bin Haji Ibrahim, S.U. Kilanas; Musa bin Idris, S.U. Kilanas (petang); Baharulnizam bin Mohammad Noor, S.U. Battalion Kedua Tutong Kem, Tutong; Noor Azman bin Mohd Dinie, S.U. Bukit Penggal, Tutong.

**BAHAGIAN PEREMPUAN**

Zuraidah bte Abdul Rahman, S.U. PSB. Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait; Seri 'Ainey bte Shahri, S.U. Pg Anak Puteri Masna (petang); Norlela bte Suhailee, S.U. Keriam, Tutong; Zaimah bte Dollah @ Abdullah, S.U. PSB. Sultan Omar Ali Saifuddin, Belait; Jurainah bte Abu Bakar, S.U. Birau, Tutong; Norlinah bte Ali; S.U. Dato Godam; Hajjah Sabariah bte Abdul Kani, S.U. Surau Pancha Delima (petang); Salwana bte Husain, S.U. Penanjong, Tutong; Norhaimah bte Musa, S.U. Penanjong, Tutong; Maswani bte Aji, S.U. Kampong Menangah, Tutong.

Siti Noorani bte Norali, S.U. Labu Estate, Temburong; Norgazilar bte Jumat, S.U. Penanjong, Tutong; Masarinah bte Abdul Karim, S.U. Kampong Mata-Mata Gadong, Halimah bte Muhamad, S.U. Selangan, Temburong; Noraini bte Haji Jumat, S.U. Bengkurong; Faten Salwati bte Mahmud Shahrani, S.U. Pg Anak Puteri Masna (petang); Norlihah bte Mohammad Yassin, S.U. Bakiau, Tutong; Maimunah bte Bakar, S.U. Balai Raya Sengkarai, Tutong; Saedah bte Murammad Said, S.U. Dato Godam; Nazita bte Abd Talib, S.U. Penanjong, Tutong.

Taibah bte Jair, S.U. Kiudang, Tutong; Noraini bte Mat Yassin, S.U. Labu Estate, Temburong; Latifah bte Ismail S.U. Bendahara Sakam Bunut (petang); Umi Khairani bte Md Yusof, S.U. Dato Gandi; Hajjah Siti Arfah bte Haji Mohd Taha, S.U. Pg Anak Puteri Masna (petang); Serinah bte Mashor, S.U. Pg Muda Al-Muhtadee Billah (petang); Siti bte Sabtu, Lumapas (petang); Noorismah bte Ibrahim, S.U. Negalang, Temburong; Nor Hafidzah bte Hamidon, S.U. Perpindahan Berakas (petang); Norzanah bte Naim, Bakiau, Tutong; Alizawani bte Alias, S.U. Mata-Mata, Gadong.

Siti Zauyah bte Daud, S.U. Kiulap (petang); Maizuanah bte Ghani, Kampong Menangar, Tutong; Surinah bte Shamsuddin, S.U. Battalion Kedua Tutong Kem, Tutong; Masrinah bte Haji Hassan; S.U. Penanjong, Tutong; Nor Huda bte Haji Ahmad, S.U. Pg Anak Puteri Masna (petang); Anisah bte Serudin, S.U. Surau Pancha Delima (petang); Siti Norajidah bte Abd Majid, U.S. Pg Muda Al-Muhtadee Billah (petang); Siti Nuryati bte Emran; S.U. Pg Anak Puteri Masna (petang); Fauziah bte Ismail, S.U. Pg Anak Puteri Masna (petang).

Zarinah bte Rosli, S.U. Pg Anak Puteri Masna (pagi); Hadiyati bte Abdul Hadi, S.U. Kampong Mata-Mata, Gadong; Norainon bte Gana, S.U. Kiudang, Tutong; Sofina bte Osman, S.U. Bendahara Sakam Bunut (petang); Siti Serinah bte Serudin, S.U. Bendahara Sakam Bunut (petang); Dk Kasumawati bte Pg Ahmad, Perpindahan Berakas (petang); Siti Norsilawati bte Haji Mat Tanjong, S.U. Sengkurong (petang); Noor Aida bte Timpus, S.U. Pg Muda Muhammad Bolkiah (petang) Temburong; Norashibah bte Besar, S.U. Sultan Abdul Bubin Sungai Besar; Aminah bte Haji Besar, S.U. Pg Muda Mahkota, Tutong.

## Kuliah Ugama

KAMPONG TANAH JAMBU. — Pendudok2 Kampong Tanah Jambu telah menghadhiri satu majlis kuliah ugama yang berlangsong di-Masjid Baru kampong tersebut pada 28hb Ogos. Kuliah tersebut di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Persatuan Ikatan Kampong Tanah Jambu PITA.

Pencheramah undangan di-majlis itu ia-lah sa-orang Pegawai Ugama Kanan Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin. Sa-lain dari mengikuti cheramah peserta2 kuliah juga telah di-berikan tunjok ajar bagi menghalusi bachaan2 dan perbuatan2 dalam sembahyang.

Sa-belum itu, Pengelola Kuliah Ugama bagi belia Pg Badaruddin bin Pg Haji Damit dan Yang Dipertua Persatuan PITA telah menyampaikan uchapan di-majlis itu.



**PENGIRAN Badaruddin bin Pg Haji Damit memberi uchapan (atas) sementara gambar bawah kelihatan sa-bahagian dari yang hadhir.**



# Penuntut2 harus aktif di-sektor swasta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Usaha membangun dan memajukan negeri ini terutama dalam bidang perniagaan dan perusahaan bukan samata2 di-bebankan ka-atas bahu bangsa2 asing, tetapi ianya patut di-ambil perhatian berat oleh raayat dan pendudok negeri ini.

Ak Mohd Yusof bin Pg Kula, Pegawai Pentadbir di-Jabatan Perjawatan, dalam cheramah-nya yang bertajok 'Peluang Pekerjaan' yang telah di-sampaikan-nya sa-masa majlis taklimat penuntut2 Brunei di-seberang laut anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Khamis lepas, menekankan bahawa anak2 tempatan yang berkelulusan terutama dalam bidang sains dan teknoloji, perniagaan dan perusahaan mesti-lah mengambil peranan aktif bukan sahaja dalam perkhidmatan kerajaan tetapi juga di-beratkan di-sektor2 swasta.

"Penuntut2 yang berkelulusan dalam bidang2 berkenaan patut-lah sentiasa bersedia dan bersemangat untok menolong dan memajukan bangsa-nya sendiri khusus-nya dalam bidang ekonomi dengan chara memasoki sektor2 swasta baik yang di-mileki oleh bangsa2 asing atau Melayu sendiri," tegas beliau.

Kata-nya, orang2 Melayu jangan-lah membanyakkan 'relax' dan 'angan2', "kita mesti menyedari akan peranan kita untok menjadi raayat yang berdedikasi, effensien dan produktif."

Raayat dan pendudok negeri ini, kata-nya lagi, mesti-lah meng'orentasi'kan sikap dan semangat mereka ka-arah matalamat2 yang konkrit saperti dalam bidang ekonomi, perusahaan, sains dan teknoloji.

Oleh kerana itu, beliau mengingatkan penuntut2 terutama penuntut2 yang belajar di-seberang laut supaya menyedari akan kedudokan masa depan mereka dalam jangka panjang, tentang mustahak-nya bagi mereka mengisikan tempat2 yang strategik di-dalam Brunei Shell, RBA dan sektor2 persendirian.

Sekarang, kata-nya penuntut2 mesti mengkaji dan menganalisa tentang sikap dan nilai yang menyebabkan khusus-nya orang2 Melayu dan pendudok negeri ini am-nya tertinggal di-belakang oleh bangsa2 asing, dalam bidang ekonomi.

Beliau berpendapat, sebab orang2 Melayu tertinggal dalam bidang itu ia-lah kerana mereka menganggap, terutama penuntut2 Melayu yang berkelulusan, bahawa bekerja dengan kerajaan itu lebeh menjamin masa depan mereka daripada bekerja di-sektor2 swasta walau pun mereka menyedari bekerja dengan sektor2 swasta itu boleh mendatangkan pendapatan yang lumayan.

Bagi mengatasi masaalah ini, tegas beliau, ia-lah dengan chara menanamkan semangat dan sikap ingin maju dan berlumba2 dengan bangsa2 asing untok mengejar kemajuan mengikut saloran2 yang sehat dan dinamik.

Bagaimana pun, beliau menegaskan dalam persaingan untok menchapai matalamat itu, raayat dan pendudok negeri ini di-ingatkan supaya mengukohkan perpaduan di-kalangan mereka dengan tidak menafikan semangat berdisiplin, taat kapada raja dan negara.



**PEGAWAI2 yang di-undang untok memberikan cheramah dalam kursus tersebut termasok dua orang dari Sharikat Minyak Shell, Dayang Siti Radiah, Pegawai Perhubongan Awam dan Awang Kent, Pengurus Kakitangan. Di-sebelah kanan Ak Md Yusof bin Pg Kula dan no 2 dari kanan ia-lah Awang Abd Ghani, yang mempengerusikan majlis tersebut.**

# Persahabatan Brunei-Britain ujud sejak 1847

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hubongan persahabatan di-antara Brunei dengan Great Britain telah ujud dalam tahun 1847 di-mana perjanjian ini di-perbuat bagi membolehkan orang2 British membuat perdagangan dengan tidak ada halangan di-Negeri Brunei.

Sementara perjanjian yang di-perbuat dalam tahun 1888 telah meletakkan Brunei di-bawah perlindongan Great Britain dengan kemahuan-nya sendiri pada masa itu.

Demikian telah di-tegaskan oleh Awang Abas bin Haji Seruddin, Penasehat Undang2 Kanan dalam cheramah-nya kapada lebeh daripada 100 orang penuntut Brunei di-seberang laut yang mengikuti taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini minggu lalu.

## MERDEKA PENOH

Beliau berkata, perjanjian tersebut menjelaskan bahawa Negeri Brunei berterusan menjadi sa-buah negeri yang merdeka penoh tetapi atas kemahuan-nya sendiri dengan urusan2 luar negeri di-selenggarakan oleh Great Britain.

Perjanjian yang seterus-nya ia-lah dalam tahun 1906 semasa pemerentahan Sultan Hashim Jalilul Alam Akamadin yang mana Baginda telah meminta kapada Kerajaan British untok meminta sa-orang Pegawai British bergelar 'Resident' yang bertanggong-jawab menasehat Sultan dalam berbagai aspek kechuali perkara2 Ugama Islam.

Awang Abas menjelaskan dalam tahun 1959 perjanjian telah di-buat pada 9hb September yang mana susunan baru mengenai perlindongan dan pertahanan Brunei akan berjalan kuatkuasa. Perjanjian ini juga memperuntokkan bahawa hal ehwal luar negeri ada-lah terletak sepenoh-nya kapada Kerajaan Baginda Queen termasok pertahanan negeri Brunei.

## MEMPERSHARATKAN

Perjanjian baru ini juga mempersharatkan bahawa Baginda Sultan berkenan menerima Pesurohjaya Tinggi British untok memberikan nasehat dalam semua perkara yang berkaitan dengan pemerentahan negeri melainkan yang bersangkut paut dengan Ugama Islam dan adat resam Melayu.

Perjanjian 1959 telah di-pinda oleh satu perjanjian pada 23hb Nobember, 1972 yang mana mempersharatkan bahawa 'Negeri Brunei hendak-lah menekmati dengan sepenoh-nya kerajaan sendiri dalam negeri sementara hal ehwal negeri di-jalankan oleh Kerajaan Baginda Queen yang tertaalok kapada perundingan, maka persediaan untok pertahanan dan keselamatan Negeri Brunei menjadi beban bersama di-antara Baginda Queen dan DYMM Sultan Brunei.'

Dengan perjanjian yang baru ini juga telah meletakkan Pesurohjaya Tinggi British tidak di-perlukan dalam menasehati Sultan atas perkara2 berkaitan dengan pemerentahan negeri. Yang mana pemerentahan dalam negeri di-selenggarakan sendiri oleh Kerajaan Kebawah DYMM Baginda Sultan.

Perlu juga di-ingat bahawa perjanjian tersebut telah meletakkan YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Hj Isa di-lantek selaku Penasehat Umom Kebawah DYMM dengan kuasa yang meluas untok berjumpa atau menjumpai atau memanggil atau menghubongi mana2 ketua2 Jabatan atau pegawai kerajaan pada menyiasat atau mendapatkan apa2 jua maklumat atau penjelasan dalam perlaksanaan pentadbiran serta keadaan negara ini.



Awang Abas.

Di-samping itu, YTB juga berkuasa pada melawat dan memereksa mana2 pejabat atau tempat2 kerajaan atau projek2 kemajuan kerajaan untok memerhati atau mendapatkan penjelasan mengenai dengan perlaksanaan projek2 itu.

Ketua2 jabatan dan semua pegawai2 dan kakitangan kerajaan ada-lah di-bolehkan berjumpa atau berhubong dengan Penasehat Umom dan menyatakan serta menerangkan apa2 jua masaalah atau kesulitan yang di-hadapi oleh mereka2 berkenaan.

## KERJASAMA

Di-samping itu, Ketua2 jabatan dan semua pegawai2 dan kakitangan kerajaan ada-lah di-perentahkan memberikan kerjasama yang sepenoh-nya kapada YTB dan memberikan segala pertolongan dan kemudahan pada-nya untok membolehkan beliau menunaikan tugas kewajipan yang Kebawah DYMM titahkan kapada-nya dari semasa ka-semasa.

Dalam tahun 1978 Kebawah DYMM telah menanda-tangani satu perjanjian di-United Kingdom di-mana perjanjian itu ia-lah berhubong dengan penchapaian Brunei sa-bagai sa-buah negara yang merdeka lagi berdaulat dalam tahun 1983 nanti.

Perjanjian ini telah di-tanda-tangani sendiri oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah bagi pehak kerajaan Baginda dan Menteri Negara British Lord Goronwy Roberts menanda-tangani bagi pehak Kerajaan DYMM Baginda Queen.

Pada 7hb Januari, 1979, satu perjanjian persahabatan dan kerajaan di-antara Brunei dan United Kingdom telah di-meterikan dalam satu istiadat yang bersejarah bagi kedua2 negara itu di-Lapau dalam mana Kebawah DYMM telah menurunkan tanda-tangan Baginda bagi pehak Kerajaan Baginda sementara YAB Lord Goronwy Roberts pula menanda-tangani perjanjian itu selaku wakil DYMM Baginda Queen.

## TARAF

Di-istiadat tersebut, Kebawah DYMM telah bertitah "Sa-bagaimana yang di-maksudkan perjanjian baru ini, Insha Allah akan membolehkan Negeri Brunei menchapai semula taraf-nya sa-bagai sabuah negara yang penoh merdeka lagi berdaulat dalam tempoh lima tahun yang akan datang".

Baginda Yang Dipertuan bertitah bahawa Baginda dan kerajaan Baginda berazam untok berbuat sa-daya upaya pada menyusun persediaan2 dan persiapan2 bagi Negeri Brunei menghadapi tahun 1983.

"Dalam membuat persiapan2 itu mulai dari sekarang Beta serta Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen di-atas pengakuan yang telah di-berikan oleh-nya untok membantu serta menolong Kerajaan Beta pada memenohi keperluan2 di-berjenis2 lapangan bukan sahaja mulai sekarang malahan bagi masa2 yang akan datang sa-lepas Brunei menchapai kemerdekaan-nya nanti", titah Baginda.

Dengan ini jelas kapada kita bahawa dari sejak zaman gemilang-nya tahun 1847 hingga hari ini negeri kita tidak pernah berada dalam pemerentahan negeri asing.

Apa yang kita ketahui salama ini ia-lah kita hanya meletakkan negara kita di-bawah jagaan atau lindongan Kerajaan British atas persetujuan negeri kita jua. Sementara perjanjian 1979 hanya-lah mempersharatkan bahawa negeri kita akan menchapai semula taraf-nya sa-bagai sa-buah negara yang penoh merdeka lagi berdaulat mulai tahun 1983 nanti.

## Pmk. Kadhi Besar mendedahkan:

# Ada-nya penuntut kelulusan Barat tidak memperchayai perkara2 benar dalam ugama Islam

**Oleh: Jahri Abd. Latif**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Kadhi Besar, Awang Haji Abdul Aziz telah mendedahkan tentang ada-nya penuntut Islam yang telah lulus pengajian-nya di-pusat pengajian tinggi di-barat tidak lagi memperchayai hal2 yang berhubong dengan ugama Islam.

Penuntut Islam itu, menurut beliau hanya perchaya dengan ilmu sains dan ia di-katakan tidak memperchayai tentang perkara2 yang benar ada-nya, saperti hari kiamat, shorga, neraka, malaikat, dosa, pahala, nekmat, azab dan sebagai-nya, yang tidak dapat di-boktikan melalui ujian dan eksprimen.

Tetapi sa-masa penuntut Islam itu belajar di-negeri barat, menurut beliau lagi, ia telah mengutus surat pada keluarga-nya di-sini meminta 'kunyit batawari'.

Menurut Awang Hj Abdul Aziz bahawa penuntut itu telah membuat dua kesalahan yang sangat bertentangan dengan ajaran2 Islam dengan hanya memperchayai sains dan menolak ugama.

## PEMBAWAAN

Fahman dan pembawaan serta sikap saperti ini, menurut beliau bukan yang di-warithi oleh orang2 Brunei, malah kejadian ini memboktikan penuntut Islam itu telah masok perangkap musoh.

"Musoh telah berjaya memisongkan chara berfikir dan akidah-nya, chuma melalui sedikit umpan yang tidak di-ketahui-nya dengan mendalam," terang-nya dengan tegas.

Awang Haji Abdul Aziz telah mendedahkan perkara ini dalam cheramah-nya yang bertajok 'Fungsi Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam menyibar dan mengukohkan faham-an berugama' sa-masa majlis taklimat bagi penuntut2 seberang laut anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan di-Dewan MPUSB, pada hari Khamis lepas.

Menurut beliau perangkap musoh tidak semesti-nya jelas bentok-nya tetapi ia boleh menjelma dalam chara kehidupan sa-hari2, chiri2 kebudayaan dan kesenian, politik dan sa-bagai-nya.

## UMPAN

Malah, jelas-nya, musoh Islam telah menjadikan ilmu pengetahuan sa-bagai alat propaganda dan umpan untok memerangkap umat Islam.

Bersabit dengan kejadian ini, beliau telah mencheritakan mengenai sa-buah buku bahasa Arab yang di-tulis oleh sa-orang Ulama bangsa Mesir, Dr. Muhammad Bahi, di-mana dalam buku itu, telah mendedahkan tentang kegiatan golongan orientalis yang chuba merobohkan dasar2 dan prinsip2 Universiti Al-Azhar, sa-buah pusat pengajian tinggi tertua Islam telah di-susupi oleh musoh Islam.

"Jadi bayangkan-lah jika tempat dan kubu yang kebal saperti Universiti Al-Azhar ini sudah di-susopi oleh musoh, bagaimana pula pusat2 pengajian tinggi di-negeri barat yang menghidangkan pengajaran2 sekular sa-ratus peratus?" tanya beliau.

Oleh kerana kejadian ini berlaku ka-atas penuntut Islam dari negeri ini yang pernah belajar di-pusat pengajian tinggi di-barat, Awang Haji Abdul Aziz mengingatkan kapada penuntut2 Brunei yang belajar di-luar negeri supaya berhati2 dengan perangkap2 musoh yang terkandong dalam pengajaran2 sekular.

# DOKTOR WANITA TEMPATAN YANG PERTAMA

**Oleh : Aisah Piee dan Asimah H.R.**



Dr. Intan bte Haji Salleh.

DR. Intan bte Hj Salleh ada-lah merupakan wanita tempatan yang pertama berjaya memperolehi ijazah di-bidang kedoktoran, ia-itu Bachelor of Medicine (MBBS). Melalui dermasiswa dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dr. Intan telah berupaya menjalani pelajaran lanjutan dan seterus-nya mengikuti kursus kedoktoran ini sa-lama enam tahun. Dan baru2 ini pehak PELITA telah berkesempatan untok membuat tinjauan sengkat mengenai kejayaan beliau.

Bermula dari mendapat pendidekan asas di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-Ibu Negeri, Dy. Intan telah berjaya melayakkan diri memasoki Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Sa-telah lulus Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran, beliau berpindah pula ka-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin bagi melanjutkan pelajaran ka-tingkatan empat.

## MEMPELAJARI

Kejayaan dalam pepereksaan perengkat 'O' ditingkatan lima telah memberikan beliau peluang untok melanjutkan pelajaran perengkat 'A' di-Maktab Technical Southampton pada tahun 1972 dan seterus-nya mengikuti kursus ijazah kedoktoran di-Fakulti Perubatan di-Universiti Southampton.

"Jurusan kedoktoran meski pun agak susah dan memakan masa yang lama, tetapi paling menarek," jelas-nya.

Untok memasoki sekolah2 dan universiti2 perubatan, sa-tiap penuntut mesti-lah mempunyai kelulusan tinggi perengkat lanjutan dalam mata-pelajaran2 yang tertentu, saperti Ilmu Hisab, Kaji Hayat, Kimia dan Fizik, sabagaimana yang di-kehendaki oleh kebanyakan sekolah2 Perubatan di-United Kingdom.

Keadaan ini lebeh menyulitkan apabila satu2 sekolah atau universiti hanya menghadkan bilangan pengambilan penuntut, sedangkan lebeh banyak penuntut yang ingin memasoki sekolah2 atau universiti2 itu.

Dr. Intan sa-waktu ditemui baru2 ini telah menjelaskan bahawa beliau sendiri pernah gagal pertama kali mendudoki pepereksaan lanjutan dan gagal bagi memasoki sekolah perubatan dalam tahun 1974. Meski-pun kelulusan-nya membolehkan beliau meneruskan pengajian yang tinggi dalam kursus yang lain, namun beliau maseh tetap bertekad untok memasoki bidang kedoktoran.

Sejak kechil telah ujud chita2-nya untok menjadi sa-orang doktor atau jururawat, sekali pun latar belakang keluarga-nya tidak berkenaan dengan bidang perubatan. Kerana chita2-nya dan juga atas dorongan kedua orang tua-nya dan guru2 yang mengajarnya, Dr. Intan berusaha untok lulus di-tahun berikut-nya dan berjaya memasoki Fakulti Perubatan di-Universiti Southampton.

Sa-lama enam tahun beliau mempelajari bidang ini dengan gigih dan tekun. Dan dalam jangka masa yang begitu lama, Dr. Intan menghadapi berbagai rupa chabaran yang mesti di-hadapi dengan sabar dan tabah hati. Kechekalan hati serta sifat sabar, tabah dan tidak berputus asa memberikan kejayaan sa-penoh-nya kapada beliau.

"Kursus ini memang-nya terlalu susah, tetapi apabila di-pelajari dengan tekun dan tabah hati, ia-nya menjadi satu jurusan yang paling menarek dan tidak menimbulkan masaalah besar bagi saya," kata-nya.

## MELANJUTKAN

Dr. Intan yang kini berusia 27 tahun ada-lah anak kedua dari 10 orang adek-beradek. Ayah-nya Awg Hj Salleh bin Awg Damit ada-lah pekerja dari Jabatan Kerja Raya, dan ibu-nya Dy Rosni bte Awg Gador dari Kampong Sumbiling, Bandar Seri Begawan.

Sa-waktu di-tanya mengenai dengan galakan yang di-berikan oleh kedua orang tua-nya, ibu Dr. Intan menjelaskan bahawa mereka tidak menghalang siapa2 pun di-antara anak2 mereka mencheborkan diri dalam apa jua bidang yang mereka minati, malah mereka sentiasa bersedia memberikan galakan dan dorongan. Saorang dari anak lelaki keluarga itu ia-lah sa-orang jurutera ia-itu Awang Md Zain yang baru saja menamatkan pengajian-nya di-U.K. bulan Julai tahun ini. Beliau mendapat kelulusan ini di-Politeknik Kingston atas dermasiswa Kerajaan.

Sa-belum menjadi saorang doktor yang benar2 bertauliah, Dr. Intan terpaksa bekerja sa-tahun dibeberapa buah hospital di-United Kingdom. Beliau memileh dua hospital di-United Kingdom, ia-itu enam bulan di-Lancaster Royal Infirmary di-Lancaster dan enam bulan lagi di-The Royal Hospital di-Wolverhampton. "Bekerja sa-tahun ini ada-lah mustahak bagi mendapatkan pendaftaran penoh dengan British General Medical Council menjadi sa-orang doktor yang benar2 bertauliah," kata-nya.

## GALAKAN

Antara subjek2 yang dipelajari di-dalam kursus perubatan ini termasok-lah Anatomy, Biochemistry, Physiology, Pathology, Pharmeology, Sociology, dan Psychology. Juga yang penting ia-lah Clinical Skill and Knowledge dalam berbagai2 bidang perubatan, dan tidak ketinggalan pula chara2 perhubongan (Communication Skills) dengan pesakit.

Kerana tugas2 yang begitu berat, Dr. Intan terpaksa membahagikan masa belajar dengan kegiatan luar.

Dr. Intan telah mendirikan rumahtangga dengan Awang Ismail bin Yusof, Quality Controller di-Makmal Bahagian Soil and Concrete, Jabatan Kerja Raya dalam bulan Januari, 1980 dan menerima penganugerahan ijazah kedoktoran dalam bulan Julai 1980. Suami beliau juga telah memberikan dorongan dan galakan di-dalam kejayaan-nya ini.

## TUJUAN

Beliau memulakan perkhidmatan-nya kelmarin, 1hb September, di-Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di-Bahagian Wad Beranak. Tujuan-nya memasoki bahagian ini ia-lah untok mendapatkan pengalaman yang lebeh luas sa-belum mengambil pengajian lanjutan untok menjadi pakar dalam bahagian beranak dan sakit puan, ia-itu chita2-nya andaikata di-beri peluang dan di-izinkan Tuhan.

Kapada anak2 tempatan beliau menyeru supaya menaroh minat dalam bidang perubatan ini, kerana Brunei ketika ini maseh memerlukan anak2 tempatan lelaki dan perempuan yang berkelulusan dalam bidang perubatan dan lain2-nya. Dan khusus-nya bagi kaum wanita di-Brunei yang ingin menchebor-kan diri dalam bidang perubatan supaya sentiasa bergiat, kerana beliau perchaya maseh ramai lagi wanita2 kita yang berkemampuan memasoki bidang ini.

Dr. Intan juga telah mengambil kesempatan untok menguchapkan terima kaseh beliau kapada pehak Kerajaan di-atas kemurahan memberikan kerjasama yang penoh dalam menggalakkan anak2 tempatan untok mengambil jurusan2 yang tertentu, yang di-kira berfaedah untok negara dan masharakat-nya.

# W.I. chawangan Belait anjor peraduan kanak2 sehat

KUALA BELAIT. — Saramai 99 orang kanak2 telah mengambil bahagian dalam satu Pertunjokan Kanak2 Sehat yang telah berlangsong pada hari Jumaat, 28hb Ogos lepas di-Dewan Kemasharakatan di-sini.

Pertunjokan tersebut ada-lah anjoran Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei chawangan Daerah Belait buat kali kedua, bersempena dengan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-35 tahun bagi Daerah tersebut.

Dayang Siti Radiah bte Hj Mohd Yusof, se'aku wakil Pengerusi peraduan pada hari itu telah menjelaskan bahawa menitekberatkan perhatian pada kanak2 ada-lah tanggongjawab bagi sa-orang ibu, di-samping tugas-nya sabagai pentadbir rumah tangga.

Tanggong-jawab tersebut, tegas-nya bukan sa-takat memberi makan minum dan pakaian, tetapi juga memberikan perhatian dan kaseh sayang yang sa-penoh-nya dalam usaha membentok peribadi mereka untok menjadi anak yang berguna kapada masharakat.

Pertunjokkan pada pagi itu telah di-bahagikan kapada tiga kumpolan, ia-itu kumpolan A bagi kanak2 yang berumor dari 6 hingga 12 bulan, kumpolan B bagi yang berumor dari 12 hingga 18 bulan, dan kumpolan C bagi mereka yang berumor antara 18 hingga 24 bulan.

Hadiah2 kapada pemenang dalam kumpolan telah di-sampaikan oleh Isteri Penolong Pegawai Daerah Belait, Dy Rosnah bte Hj Ibrahim. Johan dalam kumpolan A ia-lah Nurizwahna bte Md Idrus, pemenang kedua ia-lah Dk Siti Rogayah bte Pg Ahmad dan tempat ketiga jatoh kapada Dy Arpah bte Zulkefli.

Sementara itu, dalam bahagian B pula, ia-nya di-menangi oleh Mohd Azrul bin Hardi, kedua ia-lah Dy Aziah bte Osman, sementara tempat ketiga di-menangi oleh Ahmad Mawardy bin Mohammad. Tempat pertama dalam kumpolan C di-sandang oleh Suwindi bin Ibrahim, kedua Dy Noridah bte Ismail dan tempat ketiga jatoh kapada Patrick Chung.

Achara pada hari itu dimuatkan juga dengan penyampaian hadiah sagu hati, dan penyampaian hadiah kapada empat orang kanak2 yang di-lahirkan pada 15hb Julai, 1981.

# S.M. Muhammad Alam Seria johan permainan lalu-lintas Shell

KUALA BELAIT. — Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria telah munchol sa-bagai juara di-dalam permainan lalu-lintas Shell sa-telah mengalahkan sembilan pasokan yang lain di-dalam pertandingan tersebut yang berlangsong di-Jalan Sungai di-sini pada hari Jumaat lepas.

Munchol di-tempat kedua dan ketiga ada-lah pasokan2 daripada Sekolah Persediaan Inggeris Panaga dan Sekolah Persediaan Inggeris Seria.

Pertandingan tersebut di-anjorkan sa-bagai salah satu achara perayaan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-35 tahun di-daerah ini.

## HADIAH2

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Pegawai Daerah Belait, Pengiran Norsalam bte Pg Abdul Momin dan turut hadhir di-dalam pertandingan itu termasok-lah Pegawai Daerah Belait sendiri, Pg Idriss, Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Peter Everett serta pegawai2 kanan kerajaan dan Shell Brunei yang lain.

Pasokan yang berjaya di-tempat pertama dan kedua akan mewakili Daerah Belait di-dalam pertandingan lalu-lintas Shell sa-negeri yang akan berlangsong tidak berapa lama lagi.

# LULUS IJAZAH SARJANA PERANCHANG BANDAR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei julong2 kali-nya mempunyai sa-…ang sarjana bagi Peran-…ng Bandar untok nega-… membangun.

Awang Ibrahim bin Hj … telah memperolehi ija-… tersebut dengan men-…at ijazah Sarjana dalam …dang Environmental …nning dari Universiti …thingham bulan Julai …u. Beliau sekarang ber-…dmat dalam bahagian …walan Kemajuan di-…batan Kerja Raja di-…ni.

Awang Ibrahim ada-lah …kas penuntut di-Maktab …tan Omar Ali Saifuddin …sini dan mula melanjut-…n pelajaran-nya di-Uni-…d Kingdom dalam tahun …973.

Sa-telah lulus perengkat …jutan di-Western Super-…re Technical College …liau melanjutkan pela-…ran-nya di-Universiti …ansea di-mana dia lulus …lam bahagian Kejuruteraan Awam dengan mendapat ijazah Sarjana Muda Sains (BSc.) dalam tahun 1977.

Beliau kembali ka-tanah ayer dan berkhidmat di-Jabatan Kerja Raya dan kemudian dalam tahun 1979 melanjutkan pelajaran semula untok memperolehi kelulusan yang di-chapai-nya sekarang.



Awang Ibrahim.

# HS748 DI-UBAH SUAI DI-S'PURA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerbangan Diraja Brunei telah mengambil aleh tanggongjawab pengendalian pesawat British Aerospace 748 daripada Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei mulai akhir bulan lepas.

Sharikat Penerbangan Diraja Brunei sementara itu telah pun membuat persiapan2 untok mengalihkan pendaftaran pesawat itu kapada daftar awam, (civil register) dan pengubahsuaian-nya kini sedang berjalan di-Singapura.

Kerja2 mengubahsuai ka-atas pesawat itu di-jangka memakan masa sa-lama tiga bulan dan kerja2 ini di-laksanakan oleh Singapore General Aviation Services (Pte) Ltd di-Lapangan Terbang Seletar.

Firma itu yang juga di-kenali sa-bagai SINGAS ada-lah merupakan sa-buah firma yang di-luluskan oleh Penguasa Penerbangan Awam British (British Civil Aviation Authority) dan ia-nya berpengalaman menjalankan kerja2 serupa ini.

Pengurus Umom Diraja Brunei Awang Alan Douglas menjelaskan, pesawat tersebut akan di-gunakan bagi sewa khas atau pun perkhidmatan sewa jangka panjang.

Pesawat tersebut telah berlepas ka-Singapura pagi Rabu lepas bersama dengan lapan anak buah-nya dan turut dalam penerbangan itu ia-lah Pegawai Memerintah Chawangan Udara AMDB, Lt Col Cheshire.

Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menggendalikan pesawat itu salama lebeh kurang sa-puloh tahun.

# Sambutan Hari Raya

BERAKAS. — Satu lagi majlis sambutan Hari Raya Aidil Fitri di-adakan pada minggu lalu bertempat di-Asrama Puteri Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara. Ia-nya di-anjorkan oleh Badan Ibadat Pembentok Akhlak sekolah/maktab tersebut.

Achara pada malam itu di-mulakan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awg Isa bin Osman, di-ikuti dengan sharahan khas yang di-sampaikan oleh Awg Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Pegawai Ugama Kanan Brunei. Nashid dan zikir juga di-persembahkan. Majlis berakhir dengan bachaan doa keshukoran oleh Che'gu Selamat bin Mohd Salleh.

# Langkah2 menchegah penyakit Typhoid

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pehak Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah mengeluarkan satu amaran berikutan dengan bertambah-nya bilangan pesakit2 yang mengidap penyakit usus atau Typhoid.

Satu kenyataan jabatan tersebut baru2 ini menjelaskan, bilangan mereka yang mengidap penyakit itu di-kalangan orang2 dewasa dan kanak2 kini telah menchapai bilangan epedemik dan penyiasatan2 menunjokkan yang berleluasa-nya penyakit itu berpuncha daripada makanan2 yang di-beli daripada penjaja2 yang tidak berlesen di-tamu.

Sa-orang pegawai kanan pejabat t ersebut menasihati orang ramai supaya mengambil perhatian yang berat berkenaan makanan mereka. Beliau menjelaskan yang orang ramai patut meminum ayer yang sudah di-masak, memakan buah2an yang di-chuchi berseh dan menjauhi membeli makanan2 yang di-jual daripada penjaja2 yang tidak berlesen terutama-nya ice-cream.

Satu lagi langkah tambah beliau ia-lah mengambil langkah2 kesihatan saperti menjauhi lalat daripada menghinggapi makanan2.

# Bakal2 haji dalam penerbangan kedua — 16hb. September

Sungoh bin Suru, Rokam …e Haji Basi, Ibrahim bin …par, Sulaiman bin Sipin, …wang Brahim bin Borhan, Md Salleh bin Liman, Da-…ng Hajjah Mastura bte Pengarah Haji Besi, Abdullah …n Haji Jamahad, Abdul …har bin Haji Jamahad, Dy …leh bte Haji Besar, Dayang …n bte Mohamad, Ahmad …ud bin Haji Damit, Haji …wang bin Puteh, Dayang Si-…h bte Abdul, Rosinah bte …ji Tarang.

Adol bin Tahir, Haji Amit …n Matahir @ Haji Abdul …andi, Esmah bte Puteh, …in bin Haji Aman, …t bte Haji Garib, M. Ma-… bin Haji Abdul Karim, … Karim bin Omar, Tuah … Noordin, Rukiah bte Haji …mat, Taha bin Taram, Jijah … Haji Bakar, Awang Ang-… bin Haji Abdul Razak, …ang Hanipah bte Datu … Awang Abu Bakar, Pe-…an Anak Haji Damit bin …iran Anak Haji Mattasen, …iran Kula ibni Pengiran … Abdul Rahman.

Dayangku Ramlah bte Pe-…n Anak Haji Damit, Ak …d Hussin bin Pengiran …k Haji Damit, Kawang …ah bte Md Salleh, Norai-… bte Abdullah, Mostapa … Awangku Doraman, Us-… bte Osman @ Dy Hus-… bte Othman, Dayangku … bte Pg Besar @ Dk Jepa… Isah bte Haji Tuah, Hassan bin Ishak, Masri bin Abu Bakar, Antin bte Assan, Yusof bin Abdullah, Tijah bte Tengah, Tawa bte Yussof, Abdul Karim bin Pukul.

Maimoon bte Abdul Rah-…n, Dk Salbiana bte Pg Ali, Dayangku Noor Sa'aidah bte …g Haji Md Ali, Pg Siti Jali-… bte Pg Anak Hashim, Pengiran Md Ali bin Pengiran …namam, Osman bin Bra-…m, Zaini bin Momin, Yaya … Radin Ahmad, Awangku …a Pg Maslon, Pengiran …on bin Pg Besar, Dayang …mah bte Mokti, Haji Te-…h bin Ongsane, Suma bte Abdul Rahman, Daud bin Ta-… Marta bte Haji Sabtu, …ran Metussin bin Pg …bu.

…dul Rahman bin Serudin … Doraman bin Serudin, Ba-… bte Jambol, Serudin bin …d, Md Daud bin Bol-hassan, Hajjah Mariam bte Simpol, Hajjah Sairah bte Tarip, Metusin bin M'd Tahir, Hasnah bte Abdul Khan, Hafneh bin Mohd Salleh, Aznah bte Haji Ahmad, Ahmat bin Said, Maimunah bte Haji Bakar, Umar bin Sunggoh, Mastura bte Japar, Pengiran Ibrahim Pg Ahmad.

Pengiran Fatimah bte Pengiran Abd Alim @ Pengiran Fatimah bte Pengiran Halim, Pengiran Aliuddin bin Pg Haji Randah, Pengiran Nooralam bte Pengiran Laila Raja Pengiran Haji Buntar, Pengiran Tainun bte Pengiran Haji Randah @ Pengiran Zubaidah, Pengiran, Tampoi bte Pengiran Laila Raja Pengiran Haji Buntar, Haji Hamdan bin Haji Halus, Banon bte Mohd Yusof, Jamilah bte Mat Nor, Dayang Sapura bte Awang Patah, Jumat bin Idris, Salamah bte Jais, Tuah bin Pengarah Digadong Mulok, Jijah bte Ahmad, Tengah bin Arsat.

Sikin bte Taha, Ajijah bte Taha, Marsidi bin Haji Marsin, Pengiran Md Tahir bin Pg Haji Udin, Rapiah bte Haji Ahmad, Naimah bte Haji Ahmad, Haji Ahmad bin Tarip, Hajjah Dayang Damit bte Awang Durahman, Noordin bin Haji Ahmad, Nordin bin Dullah, Saban bin Mohd Daud, Kalsum bte Salam, Nuri bte Bakir, Tahir bin Amat, Katon bte Hassan.

Alim bin Bongsu, Pengiran Mariam bte Pengiran Haji Tajuddin, Pg Damit bin Pg Luba, Dayang Saifah bte Awang Hashim, Hussin bin Ahmad, Kasum bte Yassin, Abd Ghani bin Mat, Hajjah Minah bte Ajak, Ahmad bin Hashim, Haji Md Tarif bin Haji Mohamad, Piut bte Haji Abdul Ghani, Sahbirin bin Haji Mohammad Tarif, Minah bte Haji Mohamad, Dk Siti Amal Kariah bte Pg Haji Ahmad, Aishah bte Awang Besar.

Rusni bte Abdul Hamid, Omar bin Dinin, Yacob bin Haji Sunny, Mohd Hashim bin Abdul Rahman, Hassan bin Awang Asbi, Alim bin Bini, Miam bte Sidek, Bini bin Tengah, Sulaiman bin Metussin, Jainap bte Tengah, Awang Metussin bin Md Yussof, Na'imah bte Metusin, Tetussin, Jainap bte Tengah, Awang Metussin bin Md Yussof, Naimah bte Metusin, Tengah bin Hassan, Dayang Tuah bte Puteh, Ajak bin Haji Budin @ Abd Razak.

Mohd Daud bin Musa, Masni bte Senudin, Haji Mohd Salleh bin Abdul Kadir, Pg Hajjah Fatimah bte Pg Metali, Suhaili bin Daud @ Ali bin Daud, Taisah bte Tundak, Roger Agan Raja, Noraini bte Umar @ Dayang Halus, Hafsah bte Metusin, Yussof bin Piut @ Yusof, Serifa bte Hussin, Umar bin Husain @ Omar bin Husain, Fatimah bte A. Nasir, Seruji bin Pengarah Haji Abdullah, Kahar bin Bakar, Muhamad bin Minudin.

Dayang Jauyah bte Liman, Mohamad bin Abdullah Seri Benian bte Abdul Rahman, Abd Rahman bin Mudim Bakar, Mala bte Ali, Rosinah bte Haji Ahim, Nora'in bte Abd Rahman, Ridzuan bin Awang Nasir @ Kula bin Lias, Hamidah bte Ladi, Siti Safiah bte Abdullah, Awang Zainal bin Jamaluddin, Zuba bte Jafar, Mastura bte Zainal, Mariam bte Zainal, Zainal Abidin bin Mohd Tahir, Jidin bin Untong, Dayang Haisah bte Duak, Piut bte Awg Budin, Munggu bte Bakar.

Ahmad bin Abdullah @ Ahmad bin Beliang, Awang Haji Mohd Tahir bin Awang Haji Umar, Hajjah Husnah bte Haji Abu Bakar, Dayang Salwa bte Haji Mohd Tahir, Dayang Rafiah bte P.U.K. Haji Umar, Khairini bte Hj Abdul Manap, Haji Abdul Manap bin Ratna Diraja Awg Husin, Zainatul 'Aliah bte Haji Ahmad, Zainatul Aini bte Haji Ahmad, Hajjah Zaiton Takif @ Hajjar Aton bte Mokti.

Ahmad bin Kadi, Puan Mahani bet Taha, Haji Latip bin Munap, Dayang Hajjah Maimunah bte Pehin Ratna Di-Raja Awang Hussin, Awang Mohd Asari bin Haji Abdul Manap, Norul Hairaniah Pehin Laksamana Haji Mohd Taha, Nasbah bte Yussof, Zawawi bin Haji Munap, Kamariah bte Abdul Halim, Bani bte Bulok, Haji Ismail bin Awang Daud, Pengiran Hajjah Hamdiah bte Pengiran Mohamad, Husein bin Haji Ismail, Awang Mohd Yusha'a bin Awang Haji Ismail, Nikmah bte Abdullah.

Mat Yasin bin Ajak, Anum bte Abdulalh, Haji Abd Rahman bin Haji Abdul Rahim @ Jack Ebert, Maimonah bte Abdullar @ Margaret Giffening, Hajjah Jaimah bte Manggol @ Hajjan Zaimha, Piah bin Tuba, Suboh bte Hassan, Tahir bin Tuba, Said bin Haji Tahid, Jumat bin Haji Saban, A. Mohaimin bin Pehin Dato Imam Haji Mokti, Dayang Limah bte Abdul Hai, Zaimah bte Duraman, Osman bin Ahmad, Awangku Zaini zin Pengiran Hashim.

Mohamad bin Mumin, Harmah bte Manudin, Aminah bte Mohamad, Naimah bte Abdul Rahman, Othman bin Md Yusof, Siti Zainun bte Sh Othman, Hamzah bin Ideris, Muhammad bin Akbar, Asiahbi bte Abdul Khan @ Asiah, Azahar bin Muhammad, Rozita bte Muhammad, Rosmah bte Apong, Dayang Jabi bte Samsu, Apong bin Nawang, Haji Hassan bin Ahmad, Nama bte Radin, Laman bin Haji Gadip, Murah bte Radin, Abdul Rahman bin Haji Lamit @ Duraman.

Abdul Hamid bin Haji Kalong, Rosman bin Burut, Zainab bte Haji Kalong, Siti Madziah bte Ahmad, Metasan bin Luba, Tengah bte Mohd Yassin, Saidi bin Haji Metassan, Yusnani bte Haji Metassan, Sazali bin Haji Metassan, Haji Ahim bin Tahir, Tipah bte Burut, Awang Bakar bin Awang Tahir, Abdul Rahman bin Ismail, Jamilah bte Alit, Rasidah bte Abdul Rahman, Pudin bin Paip, Awangku Mazalan bin Pengiran Ahmad, Rosni bte Haji Mahrop, Salmiah bte Haji Mohin, Nyama bte Haji Hassan.

Lunak bte Haji Mahrop, Awangku Ahmad bin Pengiran Matusop, Haji Ishak bin Abu Bakar, Ahmad bin Haji Ibrahim, Rohanie bte Ahmad, Mumin bin Haji Saleh, Norsiti bte Haji Ishak, Masdiena Kartikawati bte Mumin, Dayang bte Umar, Dayang Bulat bte Matusin, Haji Hidup bin Umar, Jaludin bin Tinggal, Mohd Tarif bin Tinggal, Lara bte Haji Murah, Pengiran Dewa Ahmed bin Pg Ali Omar, Pengiran Tuah bte Pg Haji Sulaiman.

Mahrup bin Piut, Batang bin Haji Aji @ Affendi bin Haji Aji, Johari bin Pehin Bandahari Haji Omar, Bakar bin Mansor, Sarbiah bte Gambar, Hadijah bte Haji Ahmad, Laminah bte Haji Nasir, Haji Ahmad bin Ismail, Mashhor bin Haji Metahir @ Mashor bin Awang Haji Tahir, Bagul bin Metali, Haron bin Md Nor, Karim bin Awang Osman, Halimah bte Awang Apong, Haji Musa bin Haji Yaakub, Dayangku Achih bte bte Pengiran Matussin.

Gayah bte Mohd Saleh, Noorlinam bte Haji Yakub, Pengiran Yusoff bin Pengiran Ahmad, Yakob bin Tarudin, Siti Ajar bte Awang Taha, Maimunah bte Julak, Dayang Basar bte Mohd Taha, Ahmad bin Yahya, Habibah bte Jait, Kermah bte Rasit, Sisa bin Salam, Baha bin Asgar, Sani bte Sidup, Merta bte Basing, Haji Jais bin Haji Aji, Lawangsa bte Jais, Lani bin Haji Jais, Sharail bin Kula.

Timah bte Haji Jais @ Timah bte Haji Sabtu, Tuah bin Limbang, Kurus bte Shukor, Kaipah bte Tuah, Haji Bayau bin Shawal, Dayang Zainab bte Puasa, Haji Bakir bin Kula, Nori bte Sabtu, Haji Tengah bin Buntar, Piah bte Durahman, Nursah bte Haji Mina, Pengiran Bakar bin Pg Hashim @ Pg Abu Bakar, Jamilah bte Barudin.

Jebat bin Asar, Pengiran Azizah bte Pg Buntar, Jauyah bte Jebat, Yusri bin Haji Musa, Payak bte Jair, Abdullah bin Ohtman, Jamilah bte Udin, Ahmad bin Latip, Ag. Jaludin bin Tumin, Absah bte Jalil, Azri Alli Hassan, Zainab bte Abd Rahman, Rakiah bte Abd Razak, Dayangku Norsiah bte Pengiran Jadid, Hajjah Munah bte Man, Hajjah Dayang Ganti bte Untong.

Haji Ajak bin Umar, Nafsiah bte Ibrahim, Nalam bte Haji Bungsu, Kulam bte Hassan, Abas bin Saradin, Besar bin Mohtar, Dullah bin Duraman, Yassin bin Awang Budin @ Awang Matyassin, Pengiran Ali bin Pengiran Mohd Kula, Siti Halizah bte Abdullah, Kawang Hitam bte Tamin, Dayang Zainah bte Mat Salleh, Napsiah bte Ahmad Madil, Sheikh Said Sheikh Mahmud, Hajjah Malai Marhani bte Sheikh Mahmud.

Haji Muhamamd Husain bin Zainal, Malai Sukinah bte Sheikh Mahmud, Mantok bin Timbang, Haji Kamis bin Dulah, Pengiran Jumahat bin Pengiran Haji Mohamad, Mohd Alijanah bin Abdullah, Dayang Nafsiah bte Md Daud, Dk Sariah bte Pg Juma'at, Abu Bakar bin Edin, Tahir bin Abdul Rahman, Hadijah bte Hussin, Haji Abdul Latif bin Haji Arif, Masni bte Haji Mokti, Hajjah Rugayah bte Haji Abdul Latif.

Haji Tuah bin Abdullah, Jamilah bte Haji Abdul Razak, Hajjah Jakiah bte Haji Abdul Razak, Awangku Asmali bin Pg Idris, Jaliya bte A. Gador, Pengiran Idris bin Pg Anak Matassan, Habibah bte Haji Abdul Razak, Rosli bin Bini, Dayangku Nirwati bte Pengiran Idris, Pengiran Hashim bin Pg Kerma Indra Pg Anak Tajuddin, Dayangku Rokiah bte Pg Anak Maida, Awangku Shahbudin bin Pg Anak Maida, Besar bin Haji Mat Daud.

Salmia bte Ismail @ Salmiah, Haji Binchut bin Timpus, Jijah bte Liman, Pengiran Badariah bte Pengiran Omar, Pengiran Jaludin bin Pg Omar @ Pg Hashim, Pg Sarbanun bte Pg Ahmad, Dayangku Maniah bte Pg Chuchu @ Dk Masniah bte Pg Chuchu, Awangku Tejudin bin Pengiran Puteh @ Ak Ibrarim, Jauyah bte Basni, Puteh bin Jukin, Dayangku Normah bte Pg Haji Taha, Wan Saadah bte Syed Yassin, Ujan bte Haji Sulaiman.

Abdul Hamid bin Ohtman, Maisharah bte Haji Timbang, Roslina bte Haji Abdul Hamid, Hamidon bin Haji Abd Hamid, Haji Suhaili bin Aris, Hajjah Kamsiah bte Bakar, Asar bin Baruddin, Kubak bte Jais, Sadiah bte Nayan, Habibah bte Haji Mohd Hussain, Maideen bin Awang Iring, Pengiran Haji Abdul Kahar bin Pg Haji Metali, Surinah bte Abdullah, Hamid bin Haji Salleh @ Haji Hamid bin Haji Salleh, Metussin bin Haji Baki, Awangku Yusof bin Pengiran Kula, Sablee bin Haji Metussin.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Mulai 15hb Julai 1981 Siaran Melayu Radio Brunei akan bermula dari jam 6.00 pagi terus-menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 pagi : | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.02–6.30 pagi : | Sinaran Wahyu |
| 6.30–8.30 pagi : | Dendang Suria<br>Bingkisan Hari Ini<br>Suntingan Hidayah<br>Peringatan Harian<br>Panduan Sokan<br>Bertutor Dalam Bahasa Inggeris |
| 12.00–12.45 T/H : | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo) kechuali hari2 Khamis, Jumaat dan Ahad. |
| 7.30 malam dan | |
| 1.00 tengah hari: | Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis) |
| 6.00 petang : | Siri Mukkaddam<br>Bingkisan Hari Ini<br>Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib |
| 10.15 malam : | Bachaan Al-Kor'an |
| 10.24 „ | Do'a Restu |
| 10.29 „ | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 7.00 pagi | (Berita2 dalam negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 t/hari | (tiap2 hari Jumaat) |
| 3.00 petang | (tiap2 hari Jumaat, Sabtu dan Ahad) |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |
| 8.15 malam | (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban) |
| 9.30 | Berita Dunia dari BBC London. |

**Menyiarkan AZAN:**

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

## GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

### Hari Rabu 2hb. Sept.

PAGI :

8.30 Rimba Raya (SU)
8.45 Dendang Antarabangsa
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar (SU)
11.30 Autograph Pendengar (SU)

T/HARI :

1.30 Persembahan-ku (SU)

PETANG :

2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Panduan Pelajar
4.30 Dendang Emillia Contessa
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Senandong Asli

MALAM :

7.00 Rangkaian Lama dan Baru
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 3hb. Sept.

PAGI :

8.30 Ruangan Ketani (SU)
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Lagu2 Jenaka
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai.

T/HARI :

1.30 Chitra-wara

PETANG :

2.00 Puspa Irama
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Soal jawab ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Irama di-senja.

MALAM :

7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Sukaramai
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 4hb. Sept.

PAGI :

8.30 Pertanian
9.00 Pelajaran Dewasa Di-Udara
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Untok Belia
11.00 Bimbingan Al-Kor'an (SU)
11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI :

12.00 Lagu Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
1.15 Qasidah/Nasbid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG :

2.00 Majallah Radio
2.30 Persembahan Gambus
3.15 Apa Pendapat Awda
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Ira Kenchana
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM :

7.00 Lagu2 Hiboran
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Soal jawab ugama
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 5hb. Sept.

PAGI :

8.30 Focus Radio (SU)
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara (SU)
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Varia Peristewa
10.30 Rampai Sari
11.30 Hiboran Untok Kanak2

T/HARI :

1.30 LAGU2 Dari Filem
1.45 Rimba Raya (SU).

PETANG :

2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Anika Lagu
3.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU)
4.00 Mutiara Asli
4.30 Chitra Irama
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Senandong Ria.

MALAM :

7.00 Rampaian Malam
8.30 Cherpen dan Salokan (SU)
9.00 Irama Keronchong
9.15 Titian Budaya (SU)
9.45 Langgam Suara (SU).

### Hari Ahad 6hb. Sept.

PAGI :

8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
11.00 Senandong Seloka
11.30 Suara Kugiran

T/HARI :

12.00 Sandiwara Radio
12.30 Irama Gembira
1.00 Permintaan Dua Station

PETANG :

2.00 Kampong Terpuji
2.30 Gema Ria/Persembahan-ku
3.15 Riang Ria
3.30 Mari Berpantun
4.00 Chitra-wara
4.30 Arena Sokan/Lagu2 Hiboran
5.00 Persembahan Gazal
5.45 Irama di-senja.

MALAM :

7.00 Lagu2 Pilehan
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 60an.

### Hari Isnin 7hb. Sept.

PAGI :

8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :

1.30 Senandong Seloka

PETANG :

2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Permintaan Jiran Tetangga
3.15 Rampaian Joget
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Bingkisan Tanah Ayer
4.30 Pertanian
5.00 Komintar Radio
5.15 Periang Hati
5.45 Lagu2 nasehat.

MALAM :

7.00 Aneka Irama.
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 8hb. Sept.

PAGI :

8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu2 Jenaka
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU).

T/HARI :

1.30 Lukisan Masharakat.

PETANG :

2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Hiboran
3.30 Panduan Pelajar
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Untok Belia (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.

MALAM :

7.00 Gema Silam
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

DAVID'S CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.15 Background to Music
8.55 Musical Miscellany
9.30 A library of popular classics

### Thursday

P.M.

8.15 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 In Latin Mood
9.30 Story Time: Napoleon and Josephine

### Saturday

P.M.

8.15 Melody Time
8.45 Frank Muir Goes Into
9.30 Top Of The Pops.

### Monday

P.M.

8.15 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre

### Tuesday

P.M.

8.15 Just For You
9.00 Rock Line
9.30 Stereo Pop Special

## Daily

A.M.

7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.

8.00 Radio Newsreel
9.15 News.

## HOLIDAYS — Friday

A.M.

11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 The Hitch Hiker's Guide to the Galaxy.

P.M.

12.45 Neil Richardson Presents
1.15 BBC Sports Magazine
8.00 Radio Newsreel
8.15 The Hitch Hiker's Guide to the Galaxy (repeat).
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Stringsound

## PROGRAMME HIGHLIGHTS

IN this week's edition of Hello Tomorrow you'll be hearing all about pests — the latest ways of controlling snails, rats, cockroaches, bed bugs and houseflies. From scientists you'll be hearing about developments for the future and pests themselves have something to say too — especially the giant Madagascan cockroach — Tune in to "Hello Tomorrow" on Thursday 3rd September at 8.15 pm on the English Service of Radio Brunei.

PRACTICAL World on Friday at 11.00 am introduces you to laser beam and the development of laser technology. In this programme Dr. Henry Hutchinson from Imperial College, London University explains how this versatile source of light works.

## Sunday

A.M.

11.00 We Care For You
11.15 BBC Beautiful Music
11.30 World of Education
12.00 Frank Muir Goes Into
12.45 Interlude
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 The Restless Year
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Science Pop.

# BRUNEI ANTARA 10 NEGERI DALAM PIALA LION CITY




BANDAR SERI BEGAWAN.—Brunei ada-lah antara 10 buah negeri yang sedang mengambil bahagian dalam perlawanan bolasepak Piala Lion City yang sedang berjalan di-Singapura sekarang.

Perlawanan yang di-jalankan di-Padang Jurong dan Stadium Kebangsaan Singapura itu ada-lah di-anjorkan buat kali kelima-nya oleh Persatuan Bolasepak Singapura dan ada-lah merupakan penyertaan Brunei buat kali ke-empat.

Pemain Brunei yang di-ketuai oleh Jufri bin Samat telah bertolak Sabtu lalu dan sa-belum meninggalkan negeri ini satu upachara sengkat bagi penyerahan Bendara Brunei kapada ketua pasokan telah di-lakukan oleh Naib Yang Dipertua BAFA, YAM Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Moktar Puteh bin Pengiran Haji Abdul Rajid.

Brunei ada-lah antara lima buah negeri yang bertanding dalam kumpoulan 'A' dalam perlawanan tersebut sa-lain daripada Bahrain, China, Jepun, Malaysia dan Singapura 'A'. Dalam perlawanan pembukaan-nya Brunei telah menentang Pasokan China di-Padang Jurong pada Ahad lalu.



KELIHATAN Naib Yang Dipertua BAFA, YAM Pengiran Haji Mokhtar Puteh sedang menyampaikan bendera Negeri Brunei kapada ketua pasokan.

Pasokan2 yang bertanding dalam kumpolan 'B' ada-lah saperti Korea, Indonesia, Saudi Arabia, Singapura 'B' dan Thailand. Pasokan Iraq bagaimana pun telah memutuskan untok tidak turut bertanding dalam perlawanan tahun ini.

Tahun lalu sunggoh pun pasokan kita gagal untok menchapai kejayaan yang chemerlang tetapi telah diberi penghormatan kerana berjaya menunjokkan permainan yang berseh yang merupakan buat kali ketiga-nya menerima penghormatan tersebut sejak tahun 1978.

Ada pun pembentokan pemain mewakili Brunei pada tahun ini ada-lah di-selaraskan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Jabatan Pelajaran dan Persatuan Bolasepak Amatur Brunei.

Mereka telah di-sertai oleh Pengurus Pasokan, Awang Zainal bin Hussein dan dua orang jurulateh ia-itu Awang Mohammad Noor bin Abdullah dan Awang Saidin bin Halim.



PEMAIN Brunei sa-jurus sa-belum bertolak.



SA-RAMAI 14 orang ahli2 renang Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menyertai satu kejohanan renang yang telah berlangsong di-Hong Kong baru2 ini. Pasokan tersebut telah kembali ka-tanah ayer Sabtu lalu. Gambar atas menunjokkan ahli2 renang tersebut ketika mereka hendak bertolak bagi menyertai perlawanan tersebut.



PERLAWANAN tarek kalat perengkat negeri sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 tahun berlangsong Jumaat lalu.

Kedua2 bahagian 'A' dan 'B' perlawanan tersebut telah di-menangi oleh Daerah Brunei-Muara. Naib johan dalam bahagian 'A' telah di-menangi oleh Daerah Temburong manakala bahagian 'B' pula ia-iah Daerah Belait.

Gambar atas salah satu daripada perlawanan yang di-jalankan pada hari tersebut.

## *Lumba Renang Sekolah2 dan Maktab2*

BERAKAS. — Lumba Renang antara sekolah2 menengah dan maktab2 seluroh negri kali ke-12 telah berlangsong di-Kolam Berenang Kampong Anggerek Desa di-sini Sabtu lalu

Perlumbaan tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran Brunei dan terbabagi kapada kumpolan 'A' bagi yang berumor 14 tahun ka-bawah, 'B' bagi yang berumor antara 15 dan 16 tahun, 'C' bagi yang berumor antara 17 dan 18 tahun dan 'D' bagi yang berumor 19 tahun ka-atas.

Sa-banyak 28 achara telah di-pertandingkan dalam perlumbaan tersebut.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Peguasa Pelajaran Rendah Brunei, Pengiran Mustafa bin Pengiran Metassan.

## Lumba Basikal Jarak Jauh

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Lumba Basikal Negeri Brunei mengumomkan yang perlumbaan basikal jarak jauh sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei akan di-langsongkan pada 13hb September.

Mereka yang hendak menyertai perlumbaan yang belum lagi mendaftarkan diri, penyertaan sekarang maseh lagi di-bukakan dan borang2 boleh di-perolehi daripada Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Haji Chuchu di-Pusat Belia di-sini, Awang Ismail Apong di-Pejabat Belia dan Sokan Kuala Belait dan Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim di-Pejabat Penerangan Tutong.

## Letrik Brunei sertai Sokan Perbadanan Letrik

BANDAR SERI BEGAWAN. —Sa-rombongan 60 orang ahli Badan Kebajikan dan Sokan Jabatan Letrik akan bertolak ka-Kuching Ahad depan untok mengambil bahagian dalam Pesta Sokan Perbadanan Letrik yang akan berlangsong pada 11hb September depan. Rombongan itu akan di-ketuai oleh Awang Malai Ali bin Haji Malai Othman.

Sokan yang julong2 kali-nya di-anjorkan itu ada-lah khas untok pegawai dan kakitangan dalam Kerjaya Letrik bagi Lembaga Letrik Semananjong Malaysia, Lembaga Letrik Sabah, Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak dan Jabatan Letrik Brunei.

Pesta tersebut ada-lah di-ranchang untok di-adakan dalam dua tahun sekali dan tempat-nya di-adakan di-edarkan dari tahun ka-setahun.



PERLAWANAN gasing sempena hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-35 telah bermula di-Kampong Pasai di-sini Jumaat lalu.

Perlawanan yang merupakan salah satu achara tahunan itu ada-lah di-anjorkan oleh Persatuan Kampong Sengkurong dan sa-banyak sembilan buah pasokan menyertai-nya.

Gambar menunjokkan salah satu bahagian dalam perlawanan tersebut.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00, jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dan akan menerima salah satu daripada tiga tangga gaji pokok bergantong kapada kelayakan masing2 saperti berikut sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut:
   **'B' — $545.00 — $665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $731.00 — $851.00**
   **'A' — $565.00 — $685.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $751.00 — $871.00**
   **'X' — $625.00 — $750.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $811.00 — $936.00**
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti alaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.





## Sa-bagai Pertukangan Jurutera Ahli Bomba dan Pancharagam

## SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu · Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

### ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama : ..........................................................................

No. Kad Pengenalan : ............................ Warna : ............................

Tarikh lahir : ............................ Tempat lahir : ............................

Alamat : ..........................................................................

..........................................................................

Nama Warith : ............................ Tarikh lahir : ............................

Hubongan : ............................ No. Kad Pengenalan : ............................

Alamat Warith : ..........................................................................

Nama Sekolah : ..........................................................................

Tingkatan : ..........................................................................

Kelulusan : ..........................................................................

Kerjaya yang di-pileh : ..........................................................................

No. Talipon : ............................

Tarikh : ............................ ............................

*Tandatangan*

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00 jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dan akan menerima gaji pokok $545.00–$665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah $731.00–$851.00 sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui Radio dan Talivishen. Latehan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 7hb September, 1981

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

**PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN**
**PUSAT LATEHAN**
**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI**
**PERKHEMAHAN BOLKIAH**
**BRUNEI**

**TALIPON No: 30531 Sambongan 01/02.**

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI JURUTERA DI-RADIO TALIVISHEN

...MOHONAN2 ada-lah di-... daripada chalon2 yang ...ayakan untok memenohi ... kosong sa-bagai Juru-... Pengawas di-Radio Tali-... Brunei.

**...kan2 dan Pengalaman :**

**...ntekan Terus :**

...seorang pemohon mesti-... mempunyai sekurang2-... 10 tahun pengalaman ...khidmat dengan sa-se-...ah perbadanan penyiar-... yang besar, dan mem-...nyai sekurang2-nya pe-...tahuan khusus dan ija-...h dalam salah satu cha-...ngan kejuruteraan pe-...iaran ada-ah satu ke-...han. Sa-seorang cha-... mesti-lah biasa-nya te-lah mengikuti latehan yang di-iktiraf dalam bidang penyiaran, mithal-nya Kursus Kejuruteraan Gred C di-Perbadanan Penyiaran British atau yang sebanding dengan-nya. Telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dalam sa-suatu jawatan Kanan atau di-perengkat penyelia dalam bidang pengkhususan yang sama saperti jawatan yang akan di-penohi-nya ini.

b) **Lantekan Sa-chara Kenaikan Pangkat :**

Sa-seorang chalon itu mes-lah jurutera yang berkelayakan yang mempunyai sekurang2-nya 7 tahun penggalaman dalam bidang pengkhususan penyiaran yang ia berchita2 untok menjadi Ketua Bahagian bidang yang berkenaan itu. Mereka hendak-lah memboktikan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang luas mengenai alat2 kelengkapan dan tugas2 di-bahagian yang berkenaan itu dan mempunyai kebolehan pentadbiran yang di-perolehi daripada melaksanakan tugas2 jawatan penyelia yang di-sandang sa-chara memangku.

c) **Tugas2 dan Tanggong-jawab :**

Sa-bagai Ketua sa-suatu bahagian teknikal yang khusus, pemegang jawatan ini akan bertanggong-jawab bagi kualiti dan kechekapan "output" bahagian yang berkenaan itu. Dia bertanggong-jawab-menentukan perengkat dan gred kakitangan yang akan di-tugaskan di-bahagian-nya. Dia juga di-kehendaki membantu Jurutera Penguasa dalam kerja2 peranchangan untok kemajuan di-bidang teknikal pada masa hadapan. Dia ada-lah bertanggong-jawab kapada Jurutera Penguasa dan hendak-lah mengambil bahagian yang chergas dalam penggunaan dan pemeliharaan alat2 kelengkapan di-bawah jagaan-nya.

**Tangga Gaji :**

B. 3 — B$3350-3445-3450-3640.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb September, 1981.

(E/233/75—Bil : 144/1981)

## NOTIS TAWARAN

...ARAN2 ada-lah di-jem-...agi menjalankan peker-... mengangkat dan mem-... najis2 (night-soil) sa-... 274 tong di-dalam ka-... Lembaga Bandaran ... Belait dan 299 tong di-... kawasan Lembaga Ban-... Seria pada sebelah ... bagi enam bulan ...ari hingga Jun, 1982).

...awaran2 mesti-lah di-...tkan kapada Pengerusi, ...ga Tawaran di-Pejabat ...gan Negara, Tingkat ..., Bangunan Pejabat Ke-..., Bandar Seri Begawan ...ga jam 4.00 petang ...hari Isnin. 5hb Oktober, ... Tawaran yang di-teri-...-sudah tarikh atau wak-... akan di-tolak.

...awaran2 mseti-lah di-...kan ka-dalam sampol2 ... biasa yang bertutop. ... di-muka sampol surat ...dak-lah boleh di-buat ... yang boleh mengenal-...apa nama penawar.

...ampol2 surat itu mesti-...-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat itu dan perkataan-nya mesti-lah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI-DALAM KAWASAN2 LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA." Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

6. Surat perjanjian mengandongi peratoran2 atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis dapat di-lihat di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua pemandu akan di-sediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait, untok melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran.

## NOTIS TAWARAN

...ARAN2 ada-lah di-jem-...agi menjalankan peker-... bagi Pajakan Rumah ...gahan Kerajaan, Kua-...ait untok tiga tahun ..., 1983 dan 984).

...awaran2 mesti-lah di-...tkan kapada Pengerusi, ...ga Tawaran di-Pejabat ...gan Negara, Tingkat ..., Bangunan Pejabat2 ...an, Bandar Seri Bega-... sa-hingga 4.00 petang ...hari Isnin, 5hb Oktober, ... Tawaran2 yang di-teri-...-sudah tarikh atau wak-... akan di-tolak.

...awaran2 mesti-lah di-...kan ka-dalam sampol ... biasa yang bertutop. ... di-muka surat itu tidak-...leh di-buat tanda yang ... mengenalkan siapa na-...nawar.

...ampol2 surat itu mesti-...-alamat kapada Penge-... Lembaga Tawaran (ala-...enoh saperti di-terang-...-fasal 2).

5. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat itu dan perkataan-nya mesti-lah "PAJAKAN RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN, KUALA BELAIT". Tawaran yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

6. Tawaran2 yang berjaya ada-lah di-kehendaki mengadakan makanan halal dan pandai memasak makanan2 sa-chara Timor dan Barat.

7. Sa-belum-nya menghantar tawaran2 penawar2 ada-lah di-nasehatkan supaya melihat surat perjanjian mengandongi peratoran2 atas menjalankan pekerjaan menjaga Rumah Persinggahan Kerajaan, Kuala Belait di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa bekerja.

8. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

## TENDER NOTICE

**...DAR SERI BEGAWAN ...ATER SUPPLY — STAGE III ...NTRACTOR No. 23 ...UDONG BOOSTER ...PING STATION AND ...VICE RESERVOIR CIVIL WORKS**

...DERS are invited from ... registered Class A civil ... Contractors for ...struction of a booster ... station, office and ... at Jalan Jerudong and ...r reinforced or pre-... concrete service re-... of one million gallons ... together with an ... road, pipework, drain-... and associated works.

...der documents are obtainable from the Consulting Engineers,

Watson Hawksley Asia<br>
Room 40, Hongkong Bank Chambers<br>
Bandar Seri Begawan<br>
Brunei

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$1,000 payable to Government of Brunei. The deposit will be refunded to every tenderer who submits a bona-fide but unsuccessful tender, but not to the successful tenderer.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on Monday, 12th October, 1981.

## Sa-bagai Penolong Penyunting di-Radio Talivishen, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Penyunting di-Radio Talivishen, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Lulus Tingkatan III Melayu dan Inggeris dan berkelayakan professional dalam kerja2 perihal atau senifoto atau pun berpengalaman sekurang2-nya tiga tahun dalam lapangan2 berkaitan dengan talivishen atau sa-bagai-nya.

**Tugas2 :**

Membantu Penyunting2 Filem dalam suntingan2 filem untok talivishen dalam segala lapangan kerja dan mengambil aleh sa-bagai penyunting filem apabila di-kehendaki.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175 Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb September, 1981.

(E/684/79)

(Bil : 146/1981)

## TENDER NOTICE

### PROPOSED VIP HOUSING, JALAN KEBANGSAAN CONSTRUCTION AND COMPLETION OF EARTHWORK, ACCESS ROAD AND OTHER ASSOCIATED WORKS

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class 'A' Contractors for the above works up to 12.00 noon, 8th September 1981. (Tuesday).
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "PROPOSED VIP HOUSING, JALAN KEBANGSAAN — TENDER FOR CONSTRUCTION AND COMPLETION OF EARTHWORK, ACCESS ROAD AND OTHER ASSOCIATED WORKS."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Associated Consultants Private Limited, Chartered Engineers, F11, Seri Temasek, Seri Complex, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 1st September 1981 during normal office hours.
5. The tender deposit will be B$10,000.00 (Brunei Dollars : Ten thousand only) in the form of Bank draft in favour of the Government of Brunei.

The Tender Deposit will not be refunded to the successful tenderer and the deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

The Tender Deposit will be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

**No. 106 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th September, 1981 for:—

ALTERATION ON ELEVATION TO RELIGIOUS DEPARTMENT HEADQUARTERS BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 107 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15h September, 1981 for : —

RELAYING OF 4-15 INCH PIPELINES AT COASTAL ROAD/BERAKAS ROAD INTERSECTION NEAR BERAKAS PUMPING STATION No. 2, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 108 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th September, 1981 for : —

PROPOSED ADDITIONS AND ALTERATIONS TO CONSTRUCT PASSAGE WAY TO EXISTING TYPE "E" HOUSING AT JERUDONG PARK/ BERAKAS POLO FIELDS BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 109 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Boards, Brunei up to 12.00 noon on 15th September, 1981 for:—

SUPPLY OF BEACH SAND TO J.K.R. BERAKAS DEPOT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 110 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th September, 1981 for : —

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE PROPOSED ACCESS ROAD AT PENGKALAN SI-BABAU OFF MILE 11, JALAN KOTA BATU PANTAI MENTIRI, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 111 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th September, 1981 for : —

CONSTRUCTION OF ADDITIONAL 6 UNITS BARRACK AT BANGAR, TEMBURONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 112 OF 1981**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 15th September, 1981 for:—

CONSTRUCTION OF ARMOURY STORE FOR SECURITY FLATS AT ISTANA DARUL HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## SHORT SERVICE COMMISSIONED PILOT OFFICER IN THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT offers young men of Brunei a challenging and rewarding career as Short Service Commissioned Pilot Officers in the Regiment. The Regiment is an expanding force and need young officers to serve as Pilots in the Regiment's Air Wing.

The Regiment is sure you will want to accept this challenge. You should submit your application in writing to the Commander, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp, to reach him not later than Wednesday 16 September 1981.

To be eligible, however, you must meet the following requirements :

a. You must be subject of His Highness the Sultan of Brunei, belonging to one of the following indigenerous groups of the Malay race, namely, Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut and Tutong.

b. If you are of a non-indigenous race, you must profess the Muslim religion, conform to Malay Customs as practiced in the State of Brunei and be a subject of His Highness the Sultan of Brunei by virture of any written law relating to nationality.

c. Applicants should have 'O' level passes in English Language, Mathematic and Physics.

d. Applicants should be single between 17½ and 25 years old by 31 October 1981.

e. Height must be at least 5 feet 1 inch and weight not less than 105 lbs.

If you are accepted as a Potential Short Service Commissioned Pilot Officer you will undergo basic military training at Bolkiah Camp for a period of 6 weeks. On completion of this training, you will be sent to the United Kingdom for courses at The Royal Air Force Flying College. On completion of your course in UK you will be granted a commission in the RBMR.

If you have queries, please direct them to :

Deputy Assistant Adjutant General (DAAG),<br>
Brunei Brunei Malay Regiment,<br>
Telephone 31111 Ext 284.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI KETUA PEGAWAI TEKNIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Ketua Pegawai Teknik di-Jabatan Talikom, Brunei.

A. KETUA PEGAWAI TEKNIK (Procurement):

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan yang luas dalam kerja2 pembelian dan pengurusan setor sa-sebuah badan Talikom dan pernah memegang jawatan kanan di-dalam menjalankan tugas2 tersebut bagi tempoh sekurang2-nya lima tahun. Mereka mesti-lah juga mempunyai kelulusan2 teknikal yang sebanding dengan kelulusan 'Intermediate' City and Guilds di-dalam jurusan Talikom dan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai alat2 kelengkapan untok perkhidmatan Talikom.

Pengetahuan Bahasa Melayu ada-lah satu kelebehan tetapi tidak-lah di-mestikan.

**Tugas2 :**

Tugas2 jawatan ini meliputi pembelian alat2 kelengkapan untok perkembangan dan pemeliharaan sistem perkhidmatan Talikom dan menjawab soalan2 teknikal yang di-kemukakan oleh pehak Crown Agents atau pembuat2 alat2 kelengkapan tersebut. Tugas2 tambahan termasok-lah juga menggubal peratoran2 setor dan penyeliaan penyelenggara2 setor Jabatan Talikom.

B. KETUA PEGAWAI TEKNIK:

**Kelayakan Utama :**

a) Sijil Teknoloji penoh daripada Institiut City and Guilds, London dan mempunyai sekurang2-nya empat tahun pengalaman sa-telah tamat latehan, di-dalam kerja2 yang berkaitan dengan jawatan ini.

ATAU

b) i) Sijil Juruteknik Talikom dengan mendapat Sijil Terakhir di-dalam matapelajaran yang berkaitan dengan jawatan ini.

ATAU

ii) Higher National Certificate di-bidang Talikom.

DI-TAMBAH

dengan sekurang2-nya tujoh tahun pengalaman, sa-telah tamat latehan, di-dalam kerja2 yang berkaitan dengan jawatan ini.

**Kelayakan2 Lain :**

Pengetahuan Bahasa Melayu ada-lah satu kelebehan tetapi tidak-lah di-mestikan.

**Had Umor :**

Sekurang2-nya 30 tahun. Tidak ada had bagi mereka yang berumor lebeh asalkan di-akui sehat tuboh badan.

a) **SWITCHING Bandar Seri Begawan :**

**Jawatan dan Tugas2 :**

Pengawasan serta penyeliaan yang menyeluroh tentang kerja2 "telephone switching" tempatan dan antarabangsa di-Telephone House. Kedua2 ibusawat ia-lah berbentok SPC reed relay.

b) **SWITCHING Kuala Belait**

Pengawasan serta penyeliaan yang menyeluroh tentang kerja2 pemasangan dan pemeliharaan ibusawat2 talipon di-kawasan Barat Negeri Brunei. Ibusawat2 kebanyakan-nya berupa "step by step" dan sa-buah ibusawat berupa SPC reed relay.

c) **Peranchangan Radio dan Penyiaran :**

Kerja2 ranchangan dan perkembangan "Internal toll network" yang menggunakan radio dan kabel PCM. Peranchangan dan penubohan skim2 radio luar bandar.

d) **Pemeliharaan alat PABX :**

Tanggong-jawab yang menyeluroh bagi pemeliharaan alat2 PABX dalam kawasan Timor Negeri Brunei. Alat2 ini termasok-lah Strowger, Crossbar, SPC reed relay and SPC solid state analogue, dan wired logic reed relay.

e) **Pemeliharaan Alat2 Telex dan Radio :**

Pengawasan yang menyeluroh bagi pemeliharaan dan perjalanan sa-buah Ibusawat Telex Digital 460 dan alat2 VEF yang berkaitan.

Tanggong-jawab yang menyeluroh bagi kerja2 pemasangan2 alat2 micro-wave di-kawasan Timor.

f) **Pengurusan Melesen Radio dan Radio Frequency :**

Mengawal peruntokan "radio frequency" di-dalam negeri dan kerja2 peranchangan mengenai sistem2 radio luar bandar.

g) **Pemeliharaan Alat Pengguna :**

Tanggong-jawab keseluroh-an mengenai dengan pemeliharaan semua alat2 talipon pengguna termasok-lah PABX di-kawsan Barat. Alat2 PABX kebanyakan-nya jenis Strowger dan Crossbar, walau bagaimana pun alat2 let-tronik sedang di-perkenalkan.

h) **Kawalan Kerja2 Pemeliharaan Kawasan :**

Tanggong-jawab keseluroh-an bagi mengendalikan laporan2 kerosakan dan mengatorkan kerja2 membaiki bagi kawasan Timor Negeri ini. Menyediakan statistik kerosakan.

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5 — B$1735-1795-1855-1915 - 1980 - 2035 - 2095-2155-2215 - 2280 / EB / 2335 - 2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 3hb Oktober, 1981.

(E/164/78)

(Bil : 145/1981)

## Sa-bagai Fitar Tingkat II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Fitar Tingkat II di-Jabatan Laut, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 20 tahun dengan mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman praktikal bekerja sa-bagai fitar mekinik atau fitar kejuruteraan laut.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengetahuan baik tentang alat2 kelengkapan kejuruteraan laut dan chara2 menggunakan-nya.

c) Pemohon2 mesti-lah tahu menggunakan perkakas2 dan lain2 alat kejuruteraan yang di-gunakan di-dalam sa-sebuah workshop kejuruteraan.

d) Chalon2 akan di-kehendaki menjalani Ujian Pertukangan untok menentukan kechekapan mereka sa-bagai Fitar Kejuruteraan. Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bertugas di-mana saja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**

F.3-4 EB. 5—$430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb September, 1981.

(E/1076/73)

(Bil : 148/1981)

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN ada-lah di-pelawa bagi menchetak buku2 Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei saperti berikut:

1 **Pakatan**

2 **Tatara'ayat Darussalam, Buku 2**

3 **Tatara'ayat Darussalam, Buku 5**

4 **Chator Permainan Diraja**

5 **Tali Kikek Tali Teraju.**

1 penentuan2 (specifications) mengenai buku2 ini boleh di-dapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat di-buka.

2 Tawaran hendak-lah di-masokkan di-dalam sampul tertutop dengan perkataan2 TAWARAN MENCHETAK BUKU2 DBP di-bahagian atas sebelah kiri. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pejabat Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

tidak lewat dari hari Isnin, 21hb September, 1981.

3 Kerajaan tidak terikat kapada mana2 atau kapada tawaran yang paling rendah.

## ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

### SERIAL No. 48/1981
### AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade 'A', 'B' and 'C' air-conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 3rd November, 1981 for the: —

SUPPLY, INSTALLATION AND MAINTENANCE OF ROOM UNIT AIR CONDITIONING AND DEHUMIDIFIERS FROM 1st JANUARY 1982 TO 31st DECEMBER, 1982

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked : '— Supply, Installation and Maintenance of Room Unit Air Conditioners and Dehumidifiers in Brunei Government Building.'
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SERIAL No. 50(AC)81
### AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade 'A' and 'B' air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 15th September, 1981 for the: —

RENOVATION AND REPLACEMENT OF AIR CONDITIONING EQUIPMENT RELIGIOUS AFFAIRS BUILDING BANDAR SERI BEGAWAN

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked Renovation & Replacement of Air-Conditioning Equipment Religious Affairs Building, Bandar Seri Begawan.
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### SERIAL No. 51/1981
### AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A and B Air-Conditioning Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 15th September, 1981 for the : —

PREVENTIVE MAINTENANCE OF YORK AIR CONDITIONING EQUIPMENT IN BRUNEI GOVERNMENT BUILDINGS FROM 1 OCTOBER, 1981 TO 31 JUNE, 1982.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Preventive Maintenance of York Air Conditioning Equipment in Brunei Government Buildings'.
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 52/1981

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Class "A" and "B" Cable Laying Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 8th September, 1981 for the following : —

ERECTION OF 28 FEET TUBULAR STEEL POLES AND STAY RODS AT MUKIM BATU APOI / LABU ESTATE, TEMBURONG.

Tenders received after the stated time will be rejected.

There will be discussion of the above Tender Specification on 5th September, 1981 at 3.00 p.m. in the Electrical Department Conference Room. Any contractor interested should attend this discussion and Electrical Department reserved the right to refuse a tender from contractor who does not attend such meeting.

Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of Tenderer's name or address and shall be marked : —

"ERECTION OF 28 FEET TUBULAR STEEL POLES AND STAY RODS AT KAMPONG MUKIM BATU/LABU ESTATE, TEMBURONG."

The form of tender including specification and drawings can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any ender.

The tender deposit wi... $500.00 refundable to all ... successful tenderers on rec... of a bona fide tender.

### TENDER No. 53/1981

TENDERS are invited ... reach the Chairman, Tend... Board at the office of the St... Financial Officer, Brunei to 12.00 noon on 14th Septe... ber, 1981 for the following

- 6 UNITS 4 W/D LONG WHEEL BASE PICK UP/STATION WAGO...
- 3 UNITS 5/6 TO... LONGWHEEL BAS... TRUCK.
- 1 UNIT FIBREGLAS... CRAFT COMPLET... WITH OUTBOAR... MOTOR.

Specifications and other ... formation can be obta... from the office of the Ch... Electrical Engineer, Band... Seri Begawan, Brunei.

### TENDER No. 54/1981

1. TENDERS will be recei... by the Chairman of the Te... ders Board at the office of t... State Financial Officer, Go... ernment Offices, Bandar S... Begawan, from Register... Grade A and B air conditio... ing contractors up until 12... noon on Tuesday 6th Oc... ber, 1981 for the :

AIR CONDITIONING INSTALLATION TELECOMMUNICATION TRAINING CENTRE AT OLD AIRPORT, JALAN BERAKAS PHASE II

2. Tenders received aft... this date will be rejected.
3. Tenders shall be submitte... in a plain sealed envelo... with no indication of the te... derer's name or address a... shall be marked AIR CON... DITIONING INSTALLA... TION TELECOMMUNICA... TION TRAINING CENTR... AT OLD AIRPORT, JALAN BERAKAS PHASE II.
4. The form of tender i... including specification a... drawing can be obtained fro... the office of the Electrical E... gineer, Bandar Seri Begawa... Brunei.
5. The Tender deposit ... $300.00 shall be in the for... of a cheque refundable on... to all unsuccessful tendere... upon the receipt of a bo... fide tender.
6. The Government does n... bind itself to accept t... lowest or any tender.

## Sa-bagai Pegawai Buroh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Buroh di-Pejabat Buroh, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan tidak lebeh dari 45 tahun dan mesti-lah mempunyai : —

Ijazah dalam Ilmu undang2, atau ekonomi, atau perdagangan, atau perhubongan perusahaan atau mata2 pelajaran sain kemasharakatan dari Universiti2 atau badan pengajian yang di-iktiraf.

**Tugas2 :**

Bertanggong-jawab menyelia dan melichinkan perjalanan semua bahagian dan chawangan Jabatan ini, menjalankan tugas2 pentadbiran Jabatan Buroh dan bagi perkara2 dasar berhubong dengan pengambilan pekerja2 asing, perlindongan pekerja, penguatkuasaan Undang2 Buroh dan Undang2 Tambahan-nya serta lain2 perkara yang berkaitan. Pegawai Buroh bertanggong-jawab bagi perjalanan kerja bahagian2 dan chawangan2 Jabatan pada keselurohan-nya.

Pegawai Buroh akan menjalankan tanggong-jawab yan... besar dan hendak-lah men... gunakan pertimbangan-ny... dalam melaksanakan kerj... Jabatan ini di-dalam lin... kongan dasar 'am yang tel... di-tetapkan.

**Tangga Gaji :**

B. 2—$1975-2050-2125-220... 2285-2365 - 2445 - 2525 - 261... 2690-2775 - 2870 - 2965 - 307... 3175-3280. Gaji permula... bergantong kapada kelayakan... dan pengalaman.

**Sharat2 Lanetkan :**

Chalon2 yang bukan terdi... dari raayat Brunei akan d... tawarkan kontrek tiga tahu... dengan kadar baksis 25... daripada gaji sa-telah gena... menamatkan tempoh kontre...

Mereka yang terdiri da... raayat Brunei akan di-lant... ka-jawatan tetap sa-tel... menjalani satu tempoh pe... chubaan.

Pada masa ini tidak a... Chukai Pendapatan di-ken... kan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah d... hantar dalam dua salina... borang yang boleh di-dapa... daripada Jabatan Perjawata... Brunei dan hendak-lah d... kembalikan bersama2 deng... salinan surat2 akuan dan ... tidak lewat dari 5hb Ok... ber, 1981.

(E/1809/80)

(Bli : 147/1981)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN PELAJARAN BRUNEI

### [cut]MBERITAHUAN TAWARAN PERMAKANAN SEKOLAH/MAKTAB BAGI TAHUN 1982

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga [cut]an Brunei, sa-hingga 30hb September, 1981 hari Rabu, [cut]00 petang, untok membekalkan bahan2 permakanan [cut]an dan Minum) Sekolah2/Maktab2 bagi tahun 1982.

Pemohon2 mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia [cut] yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Duli Yang [cut] Mulia.

Keterangan lanjut dan borang2 tawaran boleh di-per- [cut] di-Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tawaran2 yang di-terima sa-lepas jam 4.00 petang pada [cut] September, 1981 tidak akan di-layani.

Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-sampul surat biasa [cut] tertutop rapat, di-alamatkan saperti para 1 di-atas dan [cut]k-lah di-buboh tanda dengan terang : —

"TAWARAN PERMAKANAN SEKOLAH-SEKOLAH BAGI TAHUN 1982"

Di-luar sampul surat itu mesti-lah tidak ada sebarang [cut]anda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan sa-[cut]ap tawaran yang di-tulis dengan tidak betul dan tidak [cut]ngkap akan di-kira rosak dan di-tolak.

Wang pertarohan (Deposit) sa-banyak $100.00 (Sa-ratus [cut]it) bagi tiap2 satu blok hendak-lah di-bayar pada masa [cut]aftar dan wang itu akan di-kembalikan kapada pemohon2 [cut] tidak berjaya. Jika pemohon2 yang berjaya menolak [cut]an, wang pertarohan-nya akan hilang.

Pemohon2 mesti-lah mereka yang tinggal di-daerah tem-[cut]kolah2 itu. Mereka tidak di-benarkan memohon di-dae-[cut]ang lain.

Pemohon2 mesti-lah mempunyai perniagaan yang ber-[cut], kemudahan pengangkutan dan kakitangan/buroh.

Kerajaan tidak akan bertanggong jawab bagi menerima [cut] tawaran.

Waktu2 mendaftar ia-lah tiap2 hari bekerja dari jam [cut]pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 1.30 petang [cut] 2.30 petang pada tiap2 hari Isnin hingga hari Khamis; [cut]kala tiap2 hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 [cut]

## TENDER NOTICE

[cut]ENDERS will be received [cut] Chairman, Tenders [cut] at the office of the State [cut]cial Officer, Ground [cut], Secretariat Buildings, [cut]ar Seri Begawan, Brunei [cut] Registered Class 'A' Con-[cut] up to 12.00 noon on [cut]ay, 8th September, 1981 [cut] : —

[cut]OPOSED ELECTRICAL [cut]MPLEX — PHASE 2— [cut]AY STORE AND OPEN [cut]ORAGE YARD AT [cut]DONG.

[cut] Tenders received after the [cut] stipulated closing time [cut] be rejected.

[cut] Tender documents may be [cut]cted and obtained from [cut] office of Jurutera Tempat-[cut] Unit 7, 1st Floor, Jefri [cut]ah Building, Seri Com-[cut], Mile 1¼, Jalan Tutong, [cut]ar Seri Begawan, Brunei [cut] 27th August 1981 during [cut]al office hours.

[cut] Tenders shall be submit-[cut]only on the Tender Form [cut]enclosed in envelopes pro-[cut] and properly sealed. [cut]e must be no indication [cut]he name and address of the tenderer on the envelope.

5) The Tender Deposit of $1,000.00 shall be in the form of Bank Draft made payable to the Government of Brunei which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and on the return of tender documents and drawings in good condition.

6) Before being provided with tender documents, tenderers will be required to :

a. Prove that they are registered Class 'A' Contractor with the Public Works Department, Brunei.

b. Submit a Banker's letter of guarantee of support for the whole of this contract and proof that they can produce a security deposit with a registered bank in Brunei in the sum of $250,000.00 (Brunei Dollars Two Hundred and Fifty Thousand).

7) The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.



## [cut]runei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

[cut]UNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED [cut]es tenders from B.S.P. approved contractors for

1. TENDER No. EPS/194/81
CATEGORY 30
Air-conditioning Installation for 12 M.E.B. Bungalow at E.1 Area, Panaga.

2. TENDER No. SSU/199/81
CATEGORY 15
Provision of Mail Delivery Services.

3. TENDER No. SES/145/81
CATEGORIES 4 &32
Major Overhaul of Panaga Hospital Water Tank.

4. TENDER No. SES/148/81
CATEGORY 4
Construction of Reinforced Drain in Seria Terminal Complex.

[cut] further information please refer to Tender Notices [cut] B.S.P. Tender Notice Boards.


## TENDER NOTICE

### CONTRACT — FOAM RUBBER (DUNLOPILLO/COMFORT) MATTRESSES PILLOWS AND CUSHION

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. Saturday 12th September, 1981.

2. The contract is for a period of 1 year from the date of signing the contract.

3. Tenders must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. Tre envelope should be endorsed "SUPPLY OF FOAM RUBBER (DUNLOPILLO/COMFORT) MATTRESSES PILLOWS AND CUSHION (CONTRACT) TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT."

4. Tender forms and special conditions for the Contract may be obtained from DAQMG 2, Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, during normal working hours upon receipt of a deposit of B$500.00.

5. The successful tendered is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.

6. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SERIAL No. KB. 17/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas C sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari pada 8hb September, 1981 bagi : —

MEMAGAR POST BALAI POLIS DAN LAIN2 KERJA DI-SUNGAI TUJOH, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB. 18/1981

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari pada 8hb September, 1981 bagi : —

MEMBAIKI DAN MENCHAT BANGUNAN PEJABAT UGAMA, KUALA BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB. 17/1981

TENDERS will be received from Class C only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th September, 1981 for : —

FENCING TO POLICE POST AND OTHER WORKS AT SUNGAI TUJOH, KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

### SERIAL No. KB. 18/1981

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th September, 1981 for : —

REPAIR AND REPAINTING TO PEJABAT UGAMA KUALA BELAIT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## JABATAN PELAJARAN BRUNEI

### PEMBERITAHUAN TAWARAN PERMAKANAN ASRAMA TAHUN 1982

1. TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga hari Rabu, bersamaan dengan 30hb September, 1981 jam 4.00 petang untok membekalkan Bahan2 Permakanan Asrama untok sa-panjang tahun 1982, kapada Asrama2 yang berikut : —
   1. Pusat Tingkatan Enam Gadong, Brunei.
   2. Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.
   3. Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Jalan Muara, Brunei.
   4. Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal/Pusat Latehan Teknikal, Jalan Muara, Brunei.
   5. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, B.S.B., Brunei.
   6. Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, B.S.B., Brunei.
   7. Asrama Pusar Ulak, Bandar Seri Begawan, Brunei.
   8. Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong.
   9. Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.
   10. Maktab Anthony Abell, Seria.
   11. Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.
   12. Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.
   13. Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong.
2. Pemohon2 mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia.
3. Keterangan lanjut dan borang2 tawaran boleh di-perolehi di-Jabatan Pelajaran. Bandar Seri Begawan. Brunei.
4. Tawaran2 yang di-terima sa-lepas jam 4.00 petang pada 30hb September, 1981 tidak akan di-layani.
5. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-sampul surat biasa yang tertutop rapat, di-alamatkan saperti para 1 di-atas dan hendak-lah di-buboh tanda dengan terang : —
   "TAWARAN PERMAKANAN ASRAMA TAHUN 1982"
   Di-luar sampul surat itu mesti-lah tidak ada sebarang tanda yang boleh mengenalkan nama pemohon dan satiap tawaran yang di-tulis dengan tidak betul dan tidak lengkap akan di-kira rosak dan di-tolak.
6. Wang pertarohan (Deposit) sa-banyak $100.00 (Sa-ratus Ringgit) bagi tiap2 satu blok hendak-lah di-bayar pada masa mendaftar dan wang itu akan di-kembalikan kapada pemohon2 yang tidak berjaya. Jika pemohon2 yang berjaya menolak tawaran, wang pertarohan-nya akan hilang.
7. Pemohon2 mesti-lah mereka yang tinggal di-daerah tempat sekolah2 itu. Mereka tidak di-benarkan memohon di-daerah yang lain.
8. Pemohon2 mesti-lah mempunyai perniagaan yang berdaftar, kemudahan pengangkutan dan kakitangan-buroh.
9. Kerajaan tidak akan bertanggong jawab bagi menerima sebarang tawaran.
10. Waktu2 mendaftar ia-lah tiap2 hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 1.30 petang hingga 2.30 petang pada tiap2 hari Isnin hingga hari Khamis; manakala tiap2 hari Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following Accommodations to Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

| Serial | Items | Size | Qty |
|---|---|---|---|
| **SO 2 (MAINT)** | | | |
| a. | Curtains | 112″ x 106″ | 6 pairs |
| b. | Curtains | 182″ x 106″ | 4 ,, |
| c. | Curtains | 120″ x 88″ | 12 ,, |
| d. | Cushion covers | Seat and Back | 36 yards |
| **QM RHQ BANGAR CAMP OFSICERS MESS (GUEST RM)** | | | |
| a. | Curtains | 81″ x 86″ | 4 pairs |
| b. | Curtains | 79″ x 86″ | 4 ,, |
| c. | Curtains | 65″ x 86″ | 12 ,, |
| d. | Curtains | 55″ x 86″ | 12 ,, |
| **OFFICERS MESS (DINING RM)** | | | |
| e. | Curtains | 81″ x 86″ | 8 ,, |
| **OFFICERS MESS (ANTE-TV RM)** | | | |
| f. | Curtains | 81″ x 86″ | 12 ,, |
| **SGTS MESS (GUEST RM)** | | | |
| a. | Curtains | 68″ x 86″ | 16 ,, |
| b. | Curtains | 65″ x 86″ | 16 ,, |
| **SGTS MESS (DINING RM)** | | | |
| c. | Curtains | 81″ x 86″ | 8 ,, |
| **SGTS MESS (ANTE-TV RM)** | | | |
| d. | Curtains | 81″ x 86″ | 12 ,, |
| e. | Carpet | 9′ x 12′ | 4 |
| f. | Carpet | 9′ x 6′ | 4 |
| **QM TRG CENTRE** | | | |
| a. | Carpet Wall to Wall | 24′ x 21′ | 1 |
| b. | Carpet Wall to Wall | 36′ x 21′ | 1 |
| c. | Carpet Wall to Wall | 14′ x 12′ | 1 |
| d. | Carpet Wall to Wall | 24′ x 14′ | 1 |
| e. | Carpet Wall to Wall | 14′ x 12′ | 1 |
| f. | Carpet for OC STW | 12′ 7″ x 12′10″ | 1 |
| g. | Carpet forY of S STW | 19′ 7″ x 13′ 2″ | 1 |
| h. | Carpet for Instructors Office | 15′10″ x 27′ | 1 |
| i. | Carpet | 15′ 8″ x 13′ 2″ | 1 |
| **QM FLOTILLA SOFT FURNISHING — BURONG BAYAN** | | | |
| a. | Aft Accommodation | | |
| | Seat | 11′ 4″ x 1′5″ x 2″ | |
| | Back | 11′ 4″ x 2′1″ x 1½″ | |
| b. | Helmsmans Seat | | |
| | Back | 15″ long | |
| | Seat | 15″ diameter | |
| **CARPETS — KDB PEJUANG** | | | |
| a. | Ward Room | 24′ x 15′ | 1 |
| b. | CO's Cabin | 8′ x 4′ | 1 |
| c. | Officer's Cabin | 9′ x 8′ | 1 |
| d. | SNCO's Mess | 6′ x 9′ | 1 |
| e. | Starboard Cabins | 12′ x 4′ | 1 |
| **CARPETS FOR TECHNICAL WING FLOTILLA** | | | |
| a. | Library | 19′ 6″ x 14′ 2″ | 1 (brown) |
| b. | Technical Staff Office | 17′ 6″ x 14′ | 1 ,, |
| c. | Technical Planning Office | 17′11″ x 14′ 2″ | 1 ,, |
| d. | Conference Room | 14′ 4″ x 14′ 2″ | 1 (blue) |
| e. | HEO and DWEO Office | 22′ 5″ x 14′ 2″ | 1 ,, |
| f. | BEO/MEO Office | 15′11″ x 14′ 3″ | 1 ,, |
| g. | STO Office | 17′ 7″ x 14′ 4″ | 1 ,, |
| h. | PA to STO and Typist | 12′ 6″ x 14′ 4″ | 1 brown) |
| i. | WWH Managers Office | 18′ 3″ x 14′ 2″ | 1 (blue) |
| j. | SC Office | 21′ x 19′ | 1 ,, |
| **WWH CLUB MUARA AND QM FLOTILLA** | | | |
| a. | Chair Metal Frame, Plastic Mesh Seat | | 105 |
| b. | Table Round Metal or Formica top capable of seating 4-6 person to be fitted with sun shade/umbrella | | 25 |
| **QM 2 RBMR (RATTAN FURNITURE)** | | | |
| a. | Round Table Drop Side | | 30 |
| b. | Patio Rattan Chair | | 30 |
| c. | Patio Rattan w/Cushion Seat and Back | | 60 |
| d. | Rattan Table Glass Top | | 5 |
| **OFFICES MESS AND SGTS MESS** | | | |
| a. | Carpet Wall to Wall | 23′27″ x 24′ 3″ | 1 |
| b. | Curtains | 100″ x 85″ | 20 |
| c. | Curtains | 130″ x 80″ | 8 |
| d. | Curtains | 136″ x 104″ | 4 |
| **QM 1 BN** | | | |
| a. | Carpet Wall to Wall | 19′ x 12′ | 2 |
| b. | Carpet Wall to Wall | 36′ 6″ x 20′ | 1 |
| **QM FLOTILLA SOFT FURNISHING FOR WWH CLUB** | | | |
| a. | Bar Carpet | 1320 sq ft | 1 |
| b. | Curtains for Lounge and Bar | 76″ x 60″ | 22 pieces |
| c. | Cushion Cover | | 66 ,, |

2. Tender should stated price and delivery time. Enquiries on specification can be made to DAQMG 2 Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

3. Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the State Financial Officers, Bandar Seri Begawan, by 4.00 p.m. Saturday 12th September 1981.

4. Tenders must be placed on a lain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF ACCOMMODATION TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT."

5. The successful tenderer is reminded that the item tendered is subject for Custom Duty.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# D.Y.M.M. AKAN BERANGKAT MELAWAT SABAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di-jangka akan berangkat ka-Negeri Sabah pada hari Khamis bagi lawatan rasmi sa-lama empat hari mulai esok, 3hb September.

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ka-sana ada-lah atas undangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia.

Warkah undangan Baginda Yang Dipertuan Agong itu telah disembahkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris bin Mohd Salleh kapada Baginda Yang Dipertuan Negeri Brunei di-satu Istiadat Mengadap di-Istana Darul Hana di-sini petang semalam.

Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia dan Ketua Menteri Sabah itu juga telah mengadap kehadapan Majlis Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik.

Yang Berhormat Tan Sri Ghazali Shafie dan Datuk Harris Salleh telah tiba di-Brunei dengan penerbangan khas pada sa-belah tengahari dan telah bertolak pulang ka-Sabah pada sa-belah petangnya.

Ketibaan mereka di-Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas telah di-sambut dan di-alu2kan oleh YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, YB Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib dan Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Awang Haji Sulaiman.



Y.B. Tan Sri Ghazali Shafie dan Y.A.B. Datuk Harris Salleh ketika mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

## Asohan keugamaan perlu

Dari muka 1

Terdahulu dari tiu, Yang Amat Berhormat mengingatkan kapada pehak2 berkenaan supaya dapat mengkaji tentang kegiatan mengasoh minat murid2 terhadap ilmu dan amalan ugama di-luar darjah, kerana menurut-nya, kegiatan2 ini mustahak ditanam di-jiwa anak2 sachara yang bersistematik bagi menyesuaikan dengan perkembangan sekarang.

"Asohan keugamaan kapada anak2 itu ada-lah perlu demi menjamin kelanjutan suasana dan sifat keugamaan itu terhadap kehidupan harian negeri ini di-masa2 akan datang," jelas-nya lagi. Tetapi melihat kenyataan sekarang, pehak2 berwajib dan dengan daulat pimpinan Baginda, menurut Yang Berhormat bahawa kesedaran meluas dan mengetarakan kesan beruga-ma itu dalam suasana harian di-negeri ini tidak di-abaikan.

Dalam peraduan itu, bahagian lelaki A, johan telah disandang oleh wakil dari Daerah Brunei dan Muara, Awg Hamzah bin Mustafa, naib johan ia-lah wakil dari Daerah Belait, Awang Zulkefly bin Jakar dan tempat ketiga di-menangi oleh wakil dari Daerah Tutong, Awang Shukri bin Haji Abdullah.

Bahagian Al-Kor'an perempuan A, Dayang Rohani bte Wahid wakil dari Daerah Belait telah menyandang johan qariah, naib johan ia-lah wakil dari Daerah Brunei dan Muara, Dayang Rogayah bte Tinggal dan tempat ketiga pula di-menangi oleh wakil dari Daerah Temburong, Dayang Jusnani bte Abas.

Awang Hassan bin Mohd Jon dan Awang Shahruddin bin Haji Abdul Wahid kedua2-nya wakil dari Daerah Brunei dan Muara telah menyandang johan dan naib johan dalam bahagian Al-Kor'an lelaki B. Sementara, bahagian Al-Kor'an perempuan B pula menyandang johan ia-lah wakil dari Daerah Brunei dan Muara ia-itu Dayang Norhamimah bte Hamidon dan naib johan ia-lah wakil dari Daerah Tutong, Dayang Nani Azyah bte Ali.

Dalam peraduan sharahan bahagian lelaki, johan ia-lah wakil dari Daerah Belait ia-itu Awang Yusri bin Junaidi dan naib johan ia-lah wakil dari Daerah Temburong, Awang Yunaidi bin Yunos dan sharahan bahagian perempuan menyandang johan ia-lah wakil dari Daerah Temburong, Dayang Siti Maziah bte Ahmad dan naib johan ia-lah wakil dari Daerah Belait, Dayang Salbiah bte Soin.

## D.Y.M.M. berangkat ka-Mess Pegawai Angkatan Laut AMDB

MUARA. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Majlis Jamuan di-Mess Pegawai Angkatan Laut Askar Melayu Diraja pada malam Ahad, 29hb Ogos yang lalu.

Majlis yang di-anjorkan oleh Angkatan Laut Askar Melayu Diraja itu di-adakan bersempena hari keputeraan Baginda yang ke-35 tahun.

Majlis pada malam itu telah di-serikan dengan berbagai-bagai persembahan kebudayaan dan kesenian oleh ahli2 rombongan dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sokan Sarawak.

Turut juga menyerikan majlis itu ia-lah panchara-gam Angkatan Laut Tentera Diraja Malaysia yang berpengkalan di-Singapura dan pancharagam Chahaya Biru pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

### TURUT BERANGKAT

Di-majlis itu Baginda Yang Dipertuan telah memotong kek hari jadi yang berbentok kapal ronda.

Persembahan bunga api juga telah di-adakan, yang menambahkan lagi kemeriahan majlis malam itu.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah juga berangkat ka-majlis itu.

Turut juga hadhir termasok-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson; Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, pegawai2 kanan AMDB dan anggota2 tentera dan keluarga mereka masing2.

## Pertunjokan: Jangan hanya di-jadikan simbol

KILANAS. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Hj Mohd Jaafar berharap supaya pertunjokan pertanian yang di-adakan pada sa-tiap tahun itu tidak-lah di-jadikan sa-bagai 'simbol' sahaja atau sekadar mempertunjokkan hasil tanaman dan ternakan pada menchapai kemenangan.

Akan tetapi kata-nya, biar-lah ia-nya di-jadikan sa-bagai pendorong peladang2 dan pehak2 yang berkenaan untok terus berusaha lebeh maju pada menchapai hasil2 yang lebeh memuaskan yang saterus-nya akan menjadikan Brunei lebeh di-kenali bukan sahaja sa-takat pengeluaran minyak dan gas malahan mampu mengeluarkan hasil2 pertanian.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara melahirkan harapan demikian ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Pertunjokan Pertanian bagi Daerah Brunei dan Muara yang telah di-adakan di-Steshen Pertanian Kilanas di-sini pada hari Ahad yang lepas.

"Tidak-lah dapat di-nafikan bahawa sumber pertanian itu amat penting bagi manusia dan bagi negara kita Brunei Darussalam yang membangun dewasa ini menuju jalannya ka-arah kemerdekaan 1983 nanti, ada-lah menjadi satu chabaran kapada kita pegawai2 kerajaan, raayat dan pendudok2 di-negeri ini untok mengukoh dan membentok keutohan dan kedaulatan negara kita yang hanya akan dapat di-jamin dengan kestabilan ekonomi, sosial dan pentadbiran."

### BERGANTONG

Ini tambah, Dato Paduka Hj Abdullah amat penting di-lakukan yang mana kita tidak akan selama2-nya terus bergantong kapada pengeluaran minyak dan gas sahaja kerana, kata-nya negara kita masih kaya dengan tanah2-nya yang subor yang masih banyak belum di-teroka.

Pada memenohi kehendak ini juga, jelas Pegawai Daerah itu selanjutnya, Kerajaan DYMM melalui Jabatan Pertanian ada-lah memegang beban yang berat pada melaksanakan amanah ini bagi memaju dan memperluas perkembangan pertanian sa-bagai hasil kedua yang utama di-negara kita di-samping berekonomikan minyak dan gas.

Walau bagaimana pun kata-nya lagi, perkembangan pertanian di-negara kita pada masa ini telah menuju ka-arah kemajuan yang pesat yang telah dapat kita lihat dan nekmati sendiri ia-itu saperti pengeluaran, sayor2an buah2an, ayam daging, ladang lembu, penanaman padi dan lain2 projek yang berhubong dengan-nya.

Beliau menambah kata, pada memberikan kesenangan kapada peladang2, pegawai2 dari Jabatan Pertanian juga memberikan dorongan dan tunjok ajar dengan memberikan kemudahan2 beneh tanaman dan ternakan, rachun2 serangga yang perchuma, baja2, dawai berduri dan lain2 kemudahan dengan harga yang murah dan sa-paroh harga.

### AMALKAN

Kemudahan yang di-sediakan oleh kerajaan sa-demikian, kata-nya, sudah chukop memboktikan betapa peranan Jabatan Pertanian yang di-amanahkan ini semata2 untok menggalakkan dan mendorong sa-genap lapisan raayat dan negera kita ini bagi berusaha dalam bidang tersebut.

Dalam hal ini, Pegawai Daerah juga mengharapkan kapada penghulu2 dan ketua2 kampong supaya mengambil peranan penting bagi membuka jalan bersama2 anak buah mereka untok meneroka dan meluaskan bidang pertanian ini terutama pada mereka yang menjadikan pertanian sa-bagai pekerjaan sa-penoh masa.

Turut beruchap di-majlis itu ia-lah Awang Bakri bin Hj Momin, Pengerusi Pertunjokan Pertanian dan uchapan wakil dari Pengarah Pertanian, Awang Daniel bin Haji Abu Hanafiah.

## Jangan hampakan harapan negara

Dari muka 1

Menyentoh mengen[a] dengan kemudahan2 bel[a]jar di-luar negeri, Bagin[da] memberi jaminan kapa[da] penuntut2 seberang la[ut] bahawa kerajaan Bagin[da] sentiasa mengambil ber[at] dan akan terus mener[us] memberi kemudahan[2] yang di-fikirkan perlu da[n] sesuai, sa-mata2 unto[k] mendapatkan tenaga2 r[a]ayat yang berilmu peng[e]tahun.

Perhatian berat Baginda itu terbokti dengan keberangkatan-nya ka-Rumah Brunei, di-England baru2 ini, di-mana menurut Baginda, kemudahan2 yang terdapat di-situ memadai untok kesejahteraan penuntut2 belajar dengan rasa senang dan selesa.

Maka dengan menek[....] mati kemudahan2 it[u] Baginda amat menaro[h] harapan supaya penuntut[2] tidak akan menghampa[kan] kan harapan negara yan[g] memerlukan mereka sa-bagai orang yang be[r] kelulusan dan berkeboleh-an.

Majlis pada malam it[u] telah di-dahului denga[n] sembah uchapan daripad[a] Yang Dipertua Persatua[n] Ak Mohd Salleh bin P[...] Othman. Kemudian, sa[-] lepas persantapan penuntut2 telah menjunjong ziarah ka-hadapan majl[is] Baginda.

Antara yang berangk[at] ka-majlis itu termasok-la[h] DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengira[n] Perdana Wazir Sahibo[l] Himmah Wal-Waqar da[n] YTM Paduka Seri Dul[i] Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Penasehat Umom Kebawah DYMM, kerabat2 di-raja, pembesar2 negara serta pegawai2 kanan kerajaan. Majlis tersebut telah di-akhiri dengan bachaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan Brunei.

## Pengarah JKR yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan melantek Timbalan Pengarah Kerja Raya, Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, sa-bagai Pengarah Kerja Raya yang baru.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan melantek Penolong Pengarah Kerja Raya, Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Nordin, sa-bagai Pemangku Timbalan Pengarah Kerja Raya.

Kedua2 lantekan itu berjalan kuatkuasa-nya mulai 1hb September, 1981.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.